



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN
(Edisi Keempat)

ISBN 978 – 983 – 3444 – 98 – 4

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



MAKLUMAT TENTANG BUKU

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Pendidikan Kebangsaan

Nombor ISBN 978 – 983 – 3444 – 98 – 4

1. Education and state—Malaysia
2. Education—Aims and objectives—Malaysia
3. Malaysia. Kementerian Pendidikan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
(370.9595)

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN (Edisi Keempat)

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Aras B-4, Blok E8, Presint 1

Kompleks Kerajaan Putrajaya Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Tel.: +603-88846000

Faks.: +603-88846439

Laman sesawang: www.moe.gov.my/bppdp

Muka taip teks: Arial

Saiz taip teks: 10pt

Dicetak oleh: Firdaus Press Sdn. Bhd.

No.28, Jalan PBS 14/4

Taman Perindustrian Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan,


Selangor Darul Ehsan.






KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Menteri Pendidikan
Prakata Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(KPPM)
Mukadimah Pengarah Bahagian Perancangan
dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)



Bab 1 – Sistem Pendidikan Kebangsaan


- | | | |
|---------|--|----|
| 1.1 | Sistem Pendidikan Kebangsaan | 21 |
| 1.1.1 | Pendidikan Prasekolah | |
| 1.1.2 | Pendidikan Rendah | |
| 1.1.3 | Pendidikan Menengah Rendah dan Menengah Atas | |
| 1.1.4 | Pendidikan Lepas Menengah | |
| 1.1.4.1 | Pendidikan Lepas Menengah (Tingkatan Enam) | |
| 1.1.4.2 | Pendidikan Lepas Menengah (Matrikulasi) | |
| 1.1.4.3 | Pendidikan Lepas Menengah (Institut Pendidikan Guru) | |
| 1.1.5 | Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional | |
| 1.2 | Kategori Institusi Pendidikan | 31 |
| 1.2.1 | Sekolah Kerajaan | |



| | | |
|---------|---|----|
| 1.2.2 | Sekolah Bantuan Kerajaan | |
| 1.2.3 | Institusi Pendidikan Swasta | |
| 1.2.3.1 | Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) | |
| 1.2.3.2 | Sekolah Rendah dan Menengah Swasta (Akademik dan Agama Islam) | |
| 1.3 | Bahasa Pengantar | 35 |
| 1.3.1 | Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Pengantar Utama | |
| 1.3.2 | Bahasa Pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan | |
| 1.4 | Kurikulum Kebangsaan bagi Kegunaan Semua Sekolah | 36 |
| 1.4.1 | Kurikulum Kebangsaan | |
| | • Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan | |
| | • Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) | |
| | • Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah | |
| | • Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) | |
| 1.4.2 | Kurikulum Standard Kolej Vokasional | |
| 1.4.3 | Kurikulum Pendidikan Islam | |
| 1.4.3.1 | Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) | |
| 1.4.3.2 | Kurikulum Tingkatan Enam Dini (STAM) | |
| 1.4.4 | Kurikulum Pendidikan Khas | |
| 1.5 | Perpaduan Nasional Menerusi Pendidikan | 45 |
| 1.6 | Penilaian dan Pentaksiran | 47 |
| 1.6.1 | Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan | |
| i. | Peperiksaan Awam | |
| ii. | Pentaksiran Berasaskan Sekolah | |
| iii. | Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) | |
| iv. | Pentaksiran Pusat (PP) | |
| v. | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum | |
| vi. | Pentaksiran Psikometrik (PPsi) | |
| vii. | Penghasilan Instrumen Pentaksiran | |
| viii. | Pengendalian Pentaksiran dan Peperiksaan | |
| x. | Pengiktirafan, Keputusan Peperiksaan dan Pensijilan | |
| xi. | Penjaminan Kualiti | |
| 1.6.2 | Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) | |
| 1.6.3 | Peperiksaan <i>Malaysian University English Test</i> (MUET) | |

Bab 2 – Sekolah Program

| | | |
|------|--|----|
| 2.1 | Sekolah Wawasan | 59 |
| 2.2 | Sekolah Amanah | 60 |
| 2.3 | Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) | 61 |
| 2.4 | Sekolah Model Khas Komprehensif K9 | 63 |
| 2.5 | Sekolah Model Khas | 64 |
| 2.6 | Sekolah Berasrama Penuh | 65 |
| 2.7 | Sekolah Menengah Teknik | 66 |
| 2.8 | Kolej Vokasional | 67 |
| 2.9 | Sekolah Pendidikan Khas | 68 |
| 2.10 | Sekolah Seni Malaysia | 70 |
| 2.11 | Sekolah Sukan | 71 |
| 2.12 | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama | 72 |



Bab 3 – Program Kurikulum dan Kokurikulum

| | | |
|--------|--|----|
| 3.1 | Program Kurikulum | 77 |
| 3.1.1 | Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) | |
| 3.1.2 | Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu | |
| 3.1.3 | <i>Highly Immersive Programme</i> (HIP) | |
| 3.1.4 | <i>Dual Language Programme</i> (DLP) | |
| 3.1.5 | Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) | |
| 3.1.6 | Program <i>Professional Up-Skilling of English Language Teachers</i> (Pro-ELT) | |
| 3.1.7 | Program Diploma <i>International Baccalaureate</i> ® (IB) | |
| 3.1.8 | Program j-QAF | |
| 3.1.9 | Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) | |
| 3.1.10 | Kelas Aliran Agama (KAA) | |
| 3.1.11 | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | |
| 3.1.12 | Program Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0 | |
| 3.1.13 | <i>Middle Years Programme International Baccalaureate</i> (MYPIB) | |
| 3.1.14 | Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) | |
| 3.2 | Program Kokurikulum | 95 |
| 3.2.1 | 1Murid 1Sukan | |
| 3.2.2 | Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) | |



Bab 4 – Program Pendidikan

| | | |
|------|--|-----|
| 4.1 | Pengecualian daripada mengikuti Pendidikan Wajib dan menjalankan Persekolahan di Rumah (<i>Home Schooling</i>) | 101 |
| 4.2 | Program <i>Disaster Risk Reduction</i> (DRR) | 102 |
| 4.3 | Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti | 103 |
| 4.4 | Pembestarian Sekolah | 104 |
| 4.5 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 106 |
| 4.6 | Program Penerbitan Rancangan TV Pendidikan | 107 |
| 4.7 | Pinjaman Buku Teks | 108 |
| 4.8 | Penggunaan Buku Teks dan Buku Aktiviti | 109 |
| 4.9 | Pembekalan Buku Teks untuk Guru | 110 |
| 4.10 | Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) | 111 |
| 4.11 | Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia | 112 |
| 4.12 | Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) | 113 |
| 4.13 | Standard Guru Malaysia (SGM) | 114 |
| 4.14 | Menjadi Guru Malaysia | 115 |
| 4.15 | Program Pendidikan Inklusif | 116 |
| 4.16 | Program Pendidikan Khas Integrasi | 117 |
| 4.17 | Program Pemulihan Khas | 118 |



| | | |
|------|--|-----|
| 4.18 | Pemastian Kualiti Pendidikan di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) | 119 |
| 4.19 | Pemastian Kualiti Pendidikan Prasekolah Kelolaan Semua Agensi Kerajaan dan Swasta Berasaskan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) | 121 |
| 4.20 | Penarafan Sekolah Berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) | 122 |
| 4.21 | Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia | 123 |
| 4.22 | Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah dan Pengurusan Kumpulan Wang Sekolah | 123 |
| 4.23 | Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Prestasi di Kementerian Pendidikan Malaysia | 124 |
| 4.24 | Program Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset KPM | 125 |
| 4.25 | Latihan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan | 126 |
| 4.26 | Pengurusan Sumber Manusia | 127 |
| 4.27 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengurusan Pendidikan | 128 |

Bab 5 – Bantuan Pendidikan

| | | |
|------|---|-----|
| 5.1 | Bantuan Makanan Asrama (BMA) | 131 |
| 5.2 | Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M) | 131 |
| 5.3 | Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM) | 132 |
| 5.4 | Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) | 133 |
| 5.5 | Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Prasekolah/ Sekolah/ Asrama | 134 |
| 5.6 | Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan • Bantuan Kokurikulum (Prasekolah/ Sekolah/ Asrama) • Yuran Khas Sekolah | 135 |
| 5.7 | Bantuan Sukan Sekolah | 136 |
| 5.8 | Bantuan Makanan Prasekolah | 136 |
| 5.9 | Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) | 137 |
| 5.10 | Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK) | 138 |
| 5.11 | Biasiswa Sukan (BS) | 139 |
| 5.12 | Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP) | 139 |
| 5.13 | Elaun Prauniversiti (EPU) | 140 |
| 5.14 | Bantuan Jacket Keselamatan Murid (JKM) | 140 |
| 5.15 | Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP) | 141 |
| 5.16 | Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) | 141 |
| 5.17 | Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPS) | 142 |



Bab 6 – Institusi Pendidikan/Institusi Lain

| | | |
|-------|--|-----|
| 6.1 | Institusi Pendidikan Disediakan oleh Agensi Kerajaan | 145 |
| 6.1.1 | Sekolah Henry Gurney (Program Pendidikan untuk Pesalah Juvana) | |
| 6.1.2 | Sekolah Integriti (Program Pendidikan untuk Banduan Muda/Tahanan Muda) | |
| 6.1.3 | Kolej Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | |
| 6.1.4 | Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | |
| 6.2 | Institusi Pendidikan Disediakan oleh Agensi Bukan Kerajaan | 151 |
| 6.2.1 | Sekolah Antarabangsa | |
| 6.2.2 | Sekolah Ekspatriat | |
| 6.3 | Institusi Pendidikan Lain | 152 |
| 6.3.1 | Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) | |
| 6.4 | Institusi Lain Disediakan oleh Pelbagai Agensi | 154 |
| 6.4.1 | Pusat Perkembangan Minda | |
| 6.4.2 | Pusat Bimbingan Alternatif | |
| 6.4.3 | Pusat Bahasa | |
| 6.4.4 | Pusat Tuisyen | |
| | Penutup | 156 |





KATA ALU-ALUAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



ismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) atas penerbitan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat yang merupakan satu dokumen penting bagi warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pihak yang berkepentingan.

Buku ini memperincikan sistem pendidikan di sekolah-sekolah yang antaranya melibatkan kurikulum dan kokurikulum, bantuan pendidikan dan pelbagai program lain yang menyokong dasar pendidikan. Strategi pelaksanaan, pernyataan dasar dan punca kuasa yang dikemukakan dalam buku ini ialah hasil analisis yang komprehensif berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Oleh yang demikian, kefahaman dan komitmen daripada semua pihak terutamanya warga KPM amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan dasar pendidikan berjaya diterjemahkan dengan betul dan tepat.

Dasar yang telah digubal menjadi teras dan tunjang utama bagi menentukan hala tuju pendidikan negara. Oleh itu, sesuatu dasar yang telah digubal pasti mengalami satu proses yang panjang dan rumit sebelum dapat didokumenkan. Maka, saya amat menghargai segala daya usaha yang telah dilakukan untuk menerbitkan buku ini.

Akhir kata, saya berdoa agar hasrat murni menghasilkan buku ini tercapai bagi menjayakan aspirasi dan memantapkan kualiti pendidikan negara. Semoga buku ini menjadi sumber rujukan dan panduan penting bagi menentukan hala tuju pendidikan di Malaysia. Syabas kepada semua bahagian di KPM yang memberikan komitmen yang tinggi dalam penyediaan buku ini.

"PENDIDIKAN ITU KEGEMBIRAAN, KETERBUKAAN DAN KEBAJIKAN"

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid

PRAKATA KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA (KPPM)



ismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh,
Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa,

Rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dapat menerbitkan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung bagi menyempurnakan penerbitan buku ini.

Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat ialah satu dokumen yang menjadi rujukan utama warga KPM dan pihak yang berkepentingan bagi membuat cadangan, keputusan dan hala tuju pendidikan negara. Melalui buku ini, dasar pendidikan dan program pendidikan yang menyokong dasar diperincikan agar dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pihak yang memerlukannya. Oleh itu, saya amat menghargai segala daya usaha yang telah digemblengkan untuk menerbitkan buku ini. Setiap kejayaan dasar pendidikan dan program yang menyokong dasar hendaklah disokong dengan kefahaman dan kerjasama yang kukuh daripada semua pihak terutamanya warga KPM.

Saya berdoa agar usaha murni ini dapat mencapai objektif dan matlamat yang diharapkan. Saya mahukan buku ini menjadi sumber rujukan dan panduan penting bagi menentukan garis utama hala tuju pendidikan di Malaysia. Syabas kepada semua bahagian di KPM yang memberikan komitmen yang tinggi hingga Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat dapat disempurnakan dengan baik sekali.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'amin'.

Datuk Dr. Amin bin Senin



MUKADIMAH PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN



ismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh,
Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa,

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah yang Maha Esa kerana dengan izin-Nya, Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat ini dapat diterbitkan. Hasil kesepaduan dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak telah dapat menjayakan pengemaskinian dan penambahbaikan buku ini bagi merealisasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Penerbitan buku ini merupakan rujukan utama warga KPM bagi menyediakan perancangan, pelaksanaan dan penggubalan dasar pendidikan negara. Di samping itu, buku ini juga disusun dan diolah semula bersesuaian dengan penambahbaikan dasar sedia ada dan dasar baharu serta program-program pendidikan yang menyokong dasar pendidikan.

Penulisan dan penggubalan dasar serta program yang menyokong dasar pendidikan perlu diuar-uarkan kepada semua warga KPM agar kefahaman yang sama dapat dicapai. Buku ini diharapkan dapat memberi maklumat yang lebih jelas kepada pelaksana, penggubal dan pemutus dasar bagi menangani dan mengatasi sesuatu dasar pendidikan agar dasar pendidikan yang dilaksanakan kekal relevan dan memenuhi kehendak semua pihak yang berkepentingan. Semoga usaha ini dapat dimanfaatkan untuk mengatur strategi pendidikan yang lebih komprehensif.

Akhir kata, sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Sektor Dasar atas inisiatif yang diambil untuk menerbitkan buku ini. Saya berharap semoga usaha menghasilkan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat memberi faedah yang berpanjangan demi kecemerlangan pendidikan negara.

Dr. Habibah binti Abdul Rahim

PENGHARGAAN

Tawankuasa Penyediaan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Jilid Keempat, Unit Pengesanan dan Pelaksanaan Dasar (UPPD), Sektor Dasar, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Penasihat

Datuk Dr. Amin bin Senin
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (sehingga Oktober 2017)
Dato' Sulaiman bin Wak
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Dato' Sri Haji Khairil bin Awang
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
(sehingga April 2017)
Dr. Habibah binti Abdul Rahim
Pegawai
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Timbalan Pengarah (DP)
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
Dr. Latip bin Muhammad
Timbalan Pengarah (PP)
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Ketua Editor

Rohayati binti Abd Hamed
Dr. Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali (sehingga September 2016)

Penolong Ketua Editor

Noorzaidah binti Mohamed Noor

Sidang Editor (UPPD)

Juliana binti Mohd Janjang
Rohayati binti Ismail
Dr. Norhayati binti Ramlan
Nurharani binti Selamat
Rahayu binti Jaapar (sehingga April 2017)
Suriyati binti Baharin (sehingga Februari 2017)
Dr. Noor Azam Syah bin Mohamed (sehingga Mei 2016)





Penyunting

Noorzaidah binti Mohamed Noor
(Ketua Unit Pengesanan Pelaksanaan Dasar)
Zurina binti Zulkarnain
(Ketua Unit Isu dan Analisis Dasar)
Datin Noorsham binti Muhamad Din
(Ketua Unit Gubal Akta dan Dasar)
Ismail bin Ibrahim
(Ketua Unit Hal Ehwal Parlimen)

Sekalung penghargaan atas sumbangan wakil penulis daripada Bahagian KPM, iaitu:

Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzam Amin
Datin Haryati binti Mohamed Razali
Dr. Haniza binti Mahmood
Dewani binti Goloi
Hisham bin Rahmat
Dr. Alazhar bin Hassan
Norhasziyati binti Hashim
Saiful Azlan bin Othman
Thalauddin bin Abdullah
Norhisham bin Ismail
Zunaidi bin Harun

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Hj. Abd Azman bin Ghani
Syahrom Azham bin Azlan Tan
Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

Nasran bin Hj. Rusydi
Hairunizad bin Haron
Noor Azlee bin Jumaah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Abd. Aziz bin Mohd Hassan
Lembaga Peperiksaan (LP)

Mohd Kamal bin Mahdi
Zulkifli bin Din @ Mohamed Nasirudin
Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

Alias bin Said
Norsita binti Ali
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Roslawiah binti Mustafa
Hjh. Norhayati binti Khamidin
Siti Zabidah binti Mohd Dusa
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)

Mas Yanti binti Ghazali
Norhairin binti Othman
Faridah Yang binti Razali
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK)

Mohamad Faisal bin Mohd Noh
Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Norisah binti Mohd Top
Afiq Athari bin Abdul Wahid
Bahagian Sukan (BSukan)

Solehah binti Misron
Mohd Zaini bin Miskon
Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)

Terry Yap Chee Keong
English Language Training Centre (ELTC)

Zulkafli bin Abu Hassan
Roma Noor bin Rabbu
Abd. Rashid bin Mean
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK)

En. Azman bin Abd. Kadir
Pn. Rozeta binti Adnan
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)

Jamaiah binti Abu
Bahagian Matrikulasi (BMatrikulasi)

Zaiton binti Mohd Rashidi
Bahagian Buku Teks (BBT)

Norarzemi bin Jarimi @ Mahadi
Bahagian Pendidikan Swasta (BPSwasta)

Mohd Sayuti bin Azmi
Zuliana binti Zainol Abidin
Bahagian Kewangan (BKew)

Wirda binti Nawawi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
(BPSM)

Lokman bin Abd. Wahid
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa
Melayu (IPGKBM)

Hj. Farid bin Hassan
Badrul Hisham bin Abdullah
Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)

Hazlan bin Hj. Ali
Mohd Radzi bin Bainan
Institut Aminuddin Baki (IAB)

Fatzlee bin Hashim
Mohd Haniff bin Zawawi
Wan Mohd Agil bin Mat Yamin
Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk)

Mashithah binti Abdul Rahim
Bahagian Audit Dalam (BAD)

Fazline binti Mohd Saleh
Halimatun binti Abu Bakar
Bahagian Audit Sekolah (BAS)

Nadia Amani binti Shaari
Fuziah binti Aziz
Muhammad Faidzol Azree bin Talib
Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)

Hafidzri Fidyatulnaim bin Hamzah
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
(BPPK)

Nor Hayani binti Salam
Wan Nor Farhana bin Wan Mohamad
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

Suziana binti Mohamad Nadzir
Norlelawati binti Roslan
Nurulkamariah binti Ismail
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA)

Hasmadi bin Mohd Ali
Zulfa bin Hamzah
Saadiyah binti Hj. Md. Shah
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Siti Mazlin binti Abdul Rahman
Nor Shayaumul Qhairil Eemann bin Muhammad Nor
Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan
Malaysia (MBKM)

Mohammad Hadafi bin Elman
Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP)

Zahari bin Mahmud
Siti Rafiah binti Sulaiman
Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITBM)

George Humprey Anak Dolek
Unit Komunikasi Korporat (UKK)




PENGENALAN

Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat) merupakan himpunan semua dasar yang menjadi tulang belakang sistem pendidikan negara kita. Buku ini dikemas kini dan ditambah baik daripada Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga) yang telah diterbitkan pada tahun 2012. Menurut Kamus Dewan Bahasa (Edisi Keempat), dasar atau polisi merupakan pertimbangan tentang cara atau sistem yang utama berkenaan sesuatu, asas, prinsip dan teras. Dasar juga bermaksud pendirian yang menjadi asas bagi segala tindakan serta faktor terpenting bagi membuat sesuatu keputusan.

Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat) ini mengandungi enam bab utama yang menghuraikan kesemua dasar, iaitu meliputi sistem pendidikan, sekolah program, program kurikulum dan kokurikulum, bantuan pendidikan, program-program lain di bawah seliaan KPM dan institusi-institusi pendidikan lain yang ditubuhkan hasil kerjasama KPM dengan pihak swasta. Buku ini turut menjelaskan empat perkara utama setiap dasar yang terlibat, iaitu pengenalan dasar, pernyataan dasar, strategi pelaksanaan dasar, dan punca kuasa dasar tersebut untuk memastikan kejayaan hasrat transformasi pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Buku ini juga amat penting dan relevan sebagai rujukan utama kepada setiap warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sama ada di peringkat penggubal dasar mahupun pelaksana dasar untuk memastikan kelancaran pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan di negara kita. Kandungan buku ini telah mencakupi dasar berkaitan sistem pendidikan kebangsaan termasuk pentaksiran dan penilaian, latihan guru dan pemimpin pendidikan, pengurusan sumber manusia, pelibatan pihak swasta dalam pendidikan, pengurusan aset dan infrastruktur serta hal-hal lain berkaitan pendidikan di bawah seliaan KPM.



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN



“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”



VISI

PENDIDIKAN BERKUALITI,
INSAN TERDIDIK,
NEGARA SEJAHTERA

MISI

MELESTARIKAN SISTEM PENDIDIKAN YANG
BERKUALITI UNTUK MEMBANGUNKAN POTENSI
INDIVIDU BAGI MEMENUHI ASPIRASI NEGARA

MATLAMAT PENDIDIKAN

- ▶ Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.
- ▶ Melahirkan insan beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera.
- ▶ Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan Negara.
- ▶ Memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.



LATAR BELAKANG DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN



Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) telah dizahirkan melalui Penyata Razak (1956) yang dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran (1957). Pada tahun 1960, dasar ini telah disemak semula dan menghasilkan Laporan Rahman Talib yang kemudiannya dimaktubkan dalam Akta Pelajaran (1961). Seterusnya, DPK dikaji semula oleh sebuah

Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. Tujuan kajian semula tersebut adalah untuk memperbaiki pelaksanaannya agar dapat melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi mencapai pembangunan negara.

Rentetan daripada kajian semula itu, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah digubal dengan tujuan agar sistem pendidikan membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat.



DASAR



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KEBANGSAAN

PENDIDIKAN



DPK mempunyai peranan penting bagi menjayakan wawasan negara melalui pendidikan demi mencapai taraf negara maju sepenuhnya daripada aspek kemajuan ekonomi, keadilan sosial, kekuatan rohani, moral dan etika ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik. DPK berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu seperti yang berikut:



Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



DPK dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK) yang memperuntukkan tiga teras utama, iaitu penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, menggunakan kurikulum yang sama, iaitu Kurikulum Kebangsaan dan menduduki peperiksaan yang sama. Ketiga-tiga teras utama ini diaplikasikan dalam peringkat pendidikan yang diperuntukkan di bawah SPK, iaitu pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah sehingga pendidikan tinggi tetapi tidak termasuk pendidikan di sekolah ekspatriat atau sekolah antarabangsa. Kesemua peringkat pendidikan ini boleh diperolehi di institusi pendidikan yang dikategorikan di bawah peruntukan SPK, iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta.

Selain itu, SPK turut memperuntukkan pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara. Pelaksanaan SPK turut mengambil kira prinsip am, iaitu murid haruslah dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing, namun tertakluk kepada keupayaan kerajaan selagi tidak melibatkan perbelanjaan wang awam yang tidak munasabah.

Oleh itu, seiring dengan hasrat merealisasikan matlamat FPK dan peruntukan di bawah sistem pendidikan kebangsaan, KPM sebagai penggubal dasar pendidikan amat komited bagi memastikan strategi pelaksanaan setiap dasar yang diterjemahkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai pelaksana dasar dalam bentuk tindakan dipatuhi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar yang telah digubal. Komitmen semua peringkat KPM, iaitu bahagian, JPN, PPD serta pengetua/guru besar di sekolah amat diperlukan. Semua pihak dalam susur galur KPM disarankan mengambil inisiatif meneliti, mengkaji, memahami, menghayati dan melaksanakan setiap strategi pelaksanaan dasar yang digubal dengan menggerakkan jentera bertindak di setiap peringkat organisasi masing-masing. Harapan KPM agar komitmen yang jitu, dan pelaksanaan yang kemas dan sistematik serta kerjasama semua pihak yang terlibat dapat memperoleh kejayaan yang cemerlang dan gemilang.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 1

Sistem Pendidikan Kebangsaan

1

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BAB 1: SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Bab 1 memperincikan Sistem Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tonggak pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan di Malaysia. Terdapat enam topik utama yang diuraikan dalam bab ini, iaitu peringkat pendidikan, kategori sekolah, bahasa pengantar, kurikulum kebangsaan, perpaduan, dan penilaian dan pentaksiran yang digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Peringkat pendidikan di Malaysia adalah daripada peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Bagi kategori sekolah pula terdiri daripada sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Perbezaan antara sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan kerajaan mengikut Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] adalah dari segi pemilikan tanah sekolah tersebut. Institusi pendidikan swasta yang dimaksudkan dalam buku ini ialah sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan mematuhi peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Institusi pendidikan swasta menggunakan kurikulum kebangsaan, bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, dan menyediakan murid untuk menduduki peperiksaan yang ditetapkan. Bab ini juga menguraikan dasar bahasa pengantar, kurikulum kebangsaan dan penilaian serta pentaksiran yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] berkaitan sistem pendidikan kebangsaan di samping turut memperincikan dasar perpaduan nasional menerusi pendidikan di Malaysia.



BAB 1: SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

1.1 Sistem Pendidikan Kebangsaan

1.1.1 Pendidikan Prasekolah

Dasar

Pendidikan Prasekolah

Pengenalan

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk memastikan tiada tadika boleh ditubuhkan, dikendalikan atau diuruskan melainkan jika tadika itu didaftarkan di bawah Akta ini; seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Menurut Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan dan menyenggarakan tadika dengan program dan kegiatan tiap-tiap tadika hendaklah berasaskan garis panduan kurikulum untuk tadika yang diluluskan oleh Menteri;

Walau apa pun subseksyen 17(1), bahasa-bahasa selain bahasa kebangsaan boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di tadika, tetapi jika sesuatu tadika menggunakan bahasa selain bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib, dan Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan peruntukan akta ini.

Pernyataan Dasar

Pendidikan prasekolah adalah bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun bertujuan untuk memperkembangkan potensi secara menyeluruh, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan kemasukan ke sekolah rendah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Pelaksanaannya menjurus kepada pembangunan modal insan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi keutamaan kepada pengalaman, pelibatan aktif, selamat dan menyeronokkan.
- ii. Pelaksanaan pendidikan prasekolah menjurus kepada pembangunan modal insan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi keutamaan kepada pengalaman, pelibatan aktif, selamat dan menyeronokkan.

Punca Kuasa

- Bahagian IV, Sistem Pendidikan, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 20 hingga 26 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 15 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.1.2 Pendidikan Rendah

Dasar

Pendidikan Rendah

Pengenalan

Bagi Pendidikan Rendah berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Menteri wajib mengadakan pendidikan rendah di sekolah rendah kerajaan dan di sekolah rendah bantuan kerajaan. Menteri juga boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu.

Sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) hendaklah mengadakan kursus pendidikan rendah yang direncanakan bagi tempoh enam tahun tetapi yang boleh tamat diikuti dalam tempoh di antara lima hingga tujuh tahun.

Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini. Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

Pernyataan Dasar

Pendidikan Rendah adalah untuk murid-murid yang berumur 6+ hingga 12+ tahun yang telah mencapai umur 6+ tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu, dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib termasuk kanak-kanak bukan warganegara. Pendidikan Rendah ini menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama serta wajib melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah bermula pada tahun 3 hingga tahun 6.

Program pendidikan bagi murid berkeperluan khas pula adalah yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing agar murid tersebut dapat berdikari; dan memastikan murid berkeperluan khas yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.

Murid berkeperluan pendidikan khas boleh dilanjutkan kepada satu tempoh seperti yang berikut:

- a) tidak lebih daripada dua tahun di sekolah rendah; atau
- b) tidak lebih daripada dua tahun di sekolah menengah; atau
- c) satu tahun di sekolah rendah dan satu tahun di sekolah menengah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan bantuan persekolahan dan pemantauan berterusan untuk memastikan tiada murid tercicir daripada mendapat pendidikan wajib pada peringkat rendah.
- ii. Menyediakan asas yang kukuh kepada murid dengan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul; pengenalan kepada konsep asas sains; kemahiran pravokasional; kemahiran generik; serta penerapan nilai-nilai murni.
- iii. Meningkatkan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi murid sebelum memasuki tahap dua sekolah rendah.
- iv. Merekodkan penyertaan, kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum, dan diberi penilaian.
- v. Menyediakan peluang yang sama kepada murid berkeperluan khas yang berpotensi untuk cemerlang dalam kelas arus perdana.

- vi. Menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan sokongan, peralatan *augmentative* dan *assistive* mencukupi dan terkini sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas.

Punca Kuasa

- Bahagian IV, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 1, Seksyen 17 hingga 19, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 2, Seksyen 27 hingga 29 - Seksyen 29 A, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 8, Seksyen 41, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Perkara 8.2.1 SPI Bil.1/1985
- Perkara 2.1 SPI Bil.2/1986
- SPI Bil.14/2002
- Peraturan-peraturan (Pendidikan Khas) 2013

1.1.3 Pendidikan Menengah Rendah dan Atas

Dasar

Pendidikan Menengah Rendah dan Atas

Pengenalan

Bagi Pendidikan Menengah Rendah dan Atas di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Menteri wajib untuk mengadakan pendidikan menengah di sekolah menengah kebangsaan yang berikut:

- a) sekolah menengah akademik;
- b) sekolah menengah teknik; dan
- c) sekolah menengah daripada apa-apa perihal lain yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Tertakluk kepada peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Menteri boleh mengadakan pendidikan menengah atas di mana-mana sekolah menengah kebangsaan, dan Menteri boleh menubuhkan dan menyenggarakan mana-mana sekolah yang diperihalkan dalam seksyen 30. Di samping itu, Menteri juga boleh mengadakan kelas peralihan di mana-mana sekolah menengah kebangsaan akademik.

Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini; dan jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

Pernyataan Dasar

Pendidikan menengah rendah adalah untuk murid-murid yang berumur 13 hingga 15 tahun (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga) dan diberikan pendedahan pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

Pendidikan menengah atas disediakan kepada murid-murid berumur 16 hingga 17 tahun (Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima) menjurus kepada aliran sastera, sains, agama, teknik, vokasional dan kemahiran termasuk menyediakan murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau alam pekerjaan.

Pendidikan menengah rendah dan pendidikan menengah atas adalah untuk memastikan murid mempunyai kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, mempunyai nilai jati diri kenegaraan yang tinggi serta menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa utama, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di semua sekolah adalah wajib dan bagi sekolah menengah bermula dari tingkatan 1 termasuk peralihan hingga tingkatan 6;

Program pendidikan bagi murid berkeperluan khas pula adalah yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing agar dapat berdikari di samping memastikan murid berkeperluan khas yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.

Murid berkeperluan pendidikan khas boleh dilanjutkan kepada satu tempoh seperti yang berikut:

- a) tidak lebih daripada dua tahun di sekolah rendah; atau
- b) tidak lebih daripada dua tahun di sekolah menengah; atau
- c) satu tahun di sekolah rendah dan satu tahun di sekolah menengah.

Pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang mengikuti pendidikan vokasional di sekolah menengah pendidikan khas vokasional boleh dilanjutkan bagi tempoh satu tahun lagi.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menekankan program pembangunan insan bagi menghasilkan murid yang mengamalkan sikap positif dan berdaya saing dalam era yang lebih mencabar.
- ii. Meningkatkan kemahiran akademik, asas industri, pertanian dan vokasional serta pengurusan sendiri murid.
- iii. Memperkasakan kurikulum Pendidikan Teknik Vokasional (PTV) supaya murid lepasan PTV mempunyai laluan kerjaya yang jelas, luas, nilai kebolehpasaran, menguasai kemahiran keusahawanan dan kebolehkerjaan.
- iv. Menyediakan lebih banyak peluang dalam bidang kemahiran dan vokasional.
- v. Menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan sokongan, peralatan *augmentative* dan *assistive* mencukupi dan terkini sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas.
- vi. Menyediakan peluang yang sama kepada murid berkeperluan khas yang berpotensi untuk cemerlang dalam kelas arus perdana.
- vii. Merekodkan penyertaan, kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum, dan diberi penilaian.

Punca Kuasa

- Bahagian IV, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 1, Seksyen 17 hingga 19, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 4, Seksyen 30 hingga 32, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bab 8, Seksyen 41, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Perkara 8.2.1 SPI Bil.1/1985
- Perkara 2.1 SPI Bil.2/1986
- SPI Bil.14/2002
- Peraturan-peraturan (Pendidikan Khas) 2013

1.1.4 Pendidikan Lepas Menengah

Pendidikan lepas menengah ialah pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah atas, tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi. Pendidikan lepas menengah yang disediakan ialah Tingkatan Enam, Pendidikan Matrikulasi dan Pendidikan Guru di Institut Pendidikan Guru (IPG).

1.1.4.1 Pendidikan Lepas Menengah (Tingkatan Enam)

Dasar

Pendidikan Lepas Menengah (Tingkatan Enam)

Pengenalan

Pendidikan Tingkatan Enam merupakan pendidikan lepas menengah yang dilaksanakan di sekolah menengah bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Murid Tingkatan Enam menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). STPM merupakan salah satu kelayakan yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat tertiar di dalam negara. STPM juga diterima sebagai syarat kemasukan terus ke institusi pengajian tinggi di luar negara untuk ijazah pertama setaraf dengan kelayakan seperti 'A' level.

Bermula tahun 2013, Inisiatif 46B: Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam yang merupakan salah satu inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 bagi pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam.

Pernyataan Dasar

Program Tingkatan Enam KPM adalah untuk menyediakan peluang pendidikan prauniversiti yang mantap dan berkualiti melalui sukatan pelajaran, spesifikasi ujian dan pentaksiran yang menepati piawai bagi meningkatkan keupayaan diri murid dari segi intelektual, daya kepimpinan, jati diri dan semangat yang tinggi sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi di dalam atau di luar negara.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menambah baik pengurusan dan fungsi guru Tingkatan Enam bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Tingkatan Enam lebih menarik dan suasana pembelajaran yang kondusif disediakan.
- ii. Memperuntukkan jawatan kenaikan pangkat melalui urusan pemangkuan atau penempatan hakiki Gred DG44, Gred DG48 dan Gred DG52.
- iii. Memperkenalkan sistem pentaksiran baharu STPM yang menggantikan peperiksaan STPM terminal pada tahun 2012 kepada kohort murid yang menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2013.
- iv. Menjenamakan semula Tingkatan Enam yang melibatkan lima fokus utama seperti yang berikut:
 - imej dan anjakan minda;
 - infrastruktur dan infostruktur;
 - pengurusan dan pentadbiran;
 - mod pengajaran dan pembelajaran; dan
 - kurikulum.
- v. Memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepas menengah yang lain sebagai salah satu laluan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti;
- vi. Melonggarkan syarat pemakaian seragam sekolah untuk murid Tingkatan Enam. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2014: Etika Pakaian Murid Tingkatan Enam, murid Tingkatan Enam hendaklah berpakaian kemas, sopan dan tidak mencolok mata;

- vii. Memperkenalkan konsep pemusatan Tingkatan Enam berdasarkan tiga mod, iaitu Mod 1, Mod 2 dan Mod 3.
- viii. Membangunkan dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi dalam kalangan murid Tingkatan Enam;
- ix. Mengembangkan bakat kepimpinan, dan kemahiran insaniah melalui penambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum dan khidmat komuniti.
- x. Menambah baik infrastruktur dan infostruktur bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran prauniversiti yang kondusif.
- xi. Mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan Tingkatan Enam.
- xii. Memperkenalkan penaksiran kokurikulum baharu Tingkatan Enam bermula pada tahun 2016
- xiii. Menukarkan nama Pusat Tingkatan Enam Mod 1 kepada Kolej Tingkatan Enam.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-202 pada 16 Julai 2013
- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-203 pada 21 November 2013
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025
- Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2016 – Penukaran Nama Pusat Tingkatan Enam Mod 1 Kepada Kolej Tingkatan Enam
- Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 11 Tahun 2016 – Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam

1.1.4.2 Pendidikan Lepas Menengah (Matrikulasi)

Dasar

Pendidikan Lepas Menengah (Matrikulasi)

Pengenalan

Program Matrikulasi KPM merupakan program persediaan bagi pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang *Science, Technology, Engineering dan Mathematics* (STEM) serta Perakaunan di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan di luar negara. Program Matrikulasi KPM ini dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Matrikulasi (BM), KPM. Semua lulusan Program Matrikulasi KPM dianugerahkan Sijil Matrikulasi KPM yang diiktiraf ke Perkhidmatan Awam mulai tahun 2017.

Pernyataan Dasar

Program Matrikulasi KPM adalah untuk memastikan pembangunan potensi pelajar bumiputera melalui pendidikan prauniversiti yang berkualiti untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di IPT di dalam dan di luar negara dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Program ini menawarkan Program Matrikulasi Satu Tahun (PST) bagi Jurusan Sains, Perakaunan dan Aliran Teknikal yang dilaksanakan selama satu tahun dan Program Matrikulasi Dua Tahun (PDT) yang dilaksanakan selama dua tahun khusus bagi Jurusan Sains sahaja.

Strategi Pelaksanaan

Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Program Matrikulasi KPM yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

- i. melaksanakan pengambilan pelajar lepasan SPM yang cemerlang dalam mata pelajaran berorientasikan Sains, Teknologi dan Perakaunan untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM berdasarkan keperluan semasa Universiti Awam (UA);
- ii. melaksanakan Program Matrikulasi KPM dalam tempoh satu hingga dua tahun bagi menambah bilangan pelajar bumiputera cemerlang yang layak mengikuti pelbagai bidang yang ditawarkan serta kursus yang kompetitif di UA;
- iii. mengemas kini dan melaksanakan kurikulum, pentaksiran dan peperiksaan Program Matrikulasi KPM yang diiktiraf oleh IPT di dalam dan di luar negara mengikut standard antarabangsa;
- iv. mendapatkan pengiktirafan dan penarafan kurikulum Program Matrikulasi KPM oleh universiti berprestij di luar negara;
- v. menambah bilangan kolej, menaik taraf dan menambahbaik kemudahan serta prasarana kolej matrikulasi dengan persekitaran yang kondusif mengikut piawaian antarabangsa;
- vi. menyediakan tenaga pengajar terlatih yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran dalam mata pelajaran yang diajar di Program Matrikulasi KPM;
- vii. melahirkan lulusan matrikulasi yang cemerlang dalam bidang akademik, berketerampilan dan diterima masuk di IPT dalam dan luar negara;
- viii. menyediakan biasiswa kepada semua pelajar bagi membiayai yuran pengajian dan penginapan termasuk elaun wang saku kepada pelajar yang berkelayakan.

• Kurikulum

- i. Kurikulum Program Matrikulasi KPM digubal oleh panel yang dilantik dalam kalangan pensyarah UA seluruh negara mengikut bidang kepakaran mereka bersama-sama dengan pensyarah kanan matrikulasi. Ahli panel yang sama dilantik sebagai fasilitator dalam sebarang latihan orientasi kurikulum baharu atau yang disemak semula.
- ii. Pelaksanaan kurikulum Program Matrikulasi KPM tidak menyediakan modul atau buku teks yang khusus bertujuan mengupayakan pelajar membuat rujukan dan berkemahiran mencari maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku rujukan, *ejournal* dan *ebook* sebagaimana amalan pembelajaran sendiri (*independent learning*) di IPT. Kaedah pembelajaran berteraskan *self-access learning* diterapkan kepada pelajar selaras dengan matlamat Pembelajaran Abad ke-21 (PAKD).
- iii. Kurikulum Program Matrikulasi KPM mengintergrasikan PAKD seperti *Higher Order Thinking Skills* (HOTS) dan *teaching exemplars* bagi memastikan hasil pembelajaran seperti yang dihasratkan tercapai selaras dengan matlamat keberhasilan pelajar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

• Pentaksiran dan Peperiksaan

- i. Bahagian Matrikulasi mengendalikan pentaksiran dan peperiksaan untuk menilai pencapaian pelajar yang berdaftar dalam Program Matrikulasi KPM sahaja. Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kepada gabungan dua komponen dalam sistem penilaian Program Matrikulasi KPM iaitu Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) dan Penilaian Berterusan (PB).

- ii. Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akhir akademik pelajar. Pelajar Program Matrikulasi KPM juga dinilai berdasarkan kepada pelibatan dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan, unit beruniform dan khidmat masyarakat.

Punca Kuasa

- Penubuhan Program Matrikulasi KPM
 - Subseksyen 34(1) (d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
 - Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999
- 10 Peratus Pelajar Bukan Bumiputera
 - Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2002
- Peraturan Pelajar Program Matrikulasi KPM
 - Akta 174 [Akta Institusi-institusi Pelajaran 1976 (Tatatertib)]

1.1.4.3 Pendidikan Lepas Menengah (Institusi Pendidikan Guru)

Dasar

Pendidikan Lepas Menengah (Institusi Pendidikan Guru)

Pengenalan

Institut Pendidikan Guru Malaysia menyediakan laluan untuk lepasan SPM menceburi profesion perguruan sebagai guru sekolah rendah melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan seterusnya Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Pernyataan Dasar

Program Pendidikan Guru IPG adalah untuk memartabatkan profesion keguruan dengan memastikan bakal guru sekolah rendah ialah guru yang terbaik dan paling layak menyertai profesion perguruan melalui peningkatan setiap aspek kompetensi guru secara berterusan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengetatkan syarat kelayakan masuk mengikuti latihan perguruan.
- ii. Melaksanakan kajian semula dan meningkatkan kurikulum latihan perguruan secara berkesan ke peringkat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
- iii. Meningkatkan kualiti penyampaian latihan melalui peningkatan kualiti pensyarah.
- iv. Menetapkan standard yang lebih tinggi untuk kelulusan bagi latihan perguruan dan memasuki profesion perguruan.

Punca Kuasa

- Seksyen 44, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 46, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.1.5 Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional

Dasar

Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional

Pengenalan

Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional memberi peluang kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan teknologi dan vokasional untuk memenuhi tenaga kerja dalam bidang industri negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, KPM telah merangka dan melaksanakan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional mulai 2012 dan menjadi salah satu Aspirasi Sistem, iaitu akses kepada pendidikan berkualiti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Transformasi Pendidikan Vokasional ialah satu usaha merekayasa sistem pendidikan vokasional yang menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi selari dengan visi Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

Pernyataan Dasar

Pendidikan latihan teknik dan vokasional adalah untuk memastikan murid yang berminat dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (PLTV) terus berada dalam sistem persekolahan. PLTV juga adalah untuk memastikan murid mempunyai kompetensi yang tinggi dalam pekerjaan, berkelayakan, fleksibel, berfikir kreatif dan inovatif, mahir dan terlatih serta mempunyai nilai murni bagi memenuhi keperluan perindustrian dan pemodenan negara di samping memastikan sistem PLTV diperkukuh supaya relevan dengan pembangunan ekonomi semasa negara.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan kurikulum pendidikan vokasional yang dapat menghasilkan modal insan yang berkemahiran untuk bekerja serta bersedia meneruskan pendidikan dalam bidang kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi melalui tindakan yang berikut, iaitu:
 - a) melaksanakan kurikulum Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang merupakan kurikulum pembelajaran untuk murid yang mengikuti aliran pendidikan vokasional pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1-3). Kurikulum akademik PAV telah dibangunkan oleh BPK, manakala kurikulum kemahiran PAV menggunakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia; dan
 - b) melaksanakan kurikulum Kolej Vokasional (KV), iaitu Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). KSKV merupakan kurikulum yang baharu yang diguna pakai di Kolej Vokasional KPM seperti yang dinyatakan dalam Bab 5A Seksyen 33B Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2014. KSKV ini dirangka dengan mematuhi keperluan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] dan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] bagi memastikan sijil atau diploma yang dianugerahkan setaraf dengan sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan vokasional yang lain dan diiktiraf oleh industri. Di samping itu KSKV juga dibangunkan supaya memenuhi keperluan pensijilan antarabangsa. *Outcome* kolej vokasional ialah 70 peratus bekerja di industri, 20 peratus melanjutkan pengajian dan 10 peratus menjadi usahawan.
- ii. Membangunkan institusi pendidikan vokasional yang dapat menghasilkan modal insan yang berkemahiran untuk bekerja serta bersedia melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi melalui tindakan yang berikut, iaitu:



- a) mewujudkan PAV di 81 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan empat buah sekolah Model Khas (K9);
 - b) menubuhkan Kolej Vokasional (KV) KPM dengan menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada KV. KV menyediakan PLTV untuk murid lepasan menengah rendah. Pada tahun 2012 sebanyak 15 buah KV telah diwujudkan, diikuti 72 buah pada tahun 2013 dan sebanyak 80 buah KV telah mula beroperasi pada tahun 2014;
 - c) meningkatkan strategi penambahan enrolmen TVET 16+ dengan pemerkasaan mata pelajaran vokasional (MPV) kepada Program Vokasional Menengah Atas (PVMA). PVMA mempunyai nilai tambah yang lebih baik untuk murid berbanding dengan MPV sedia ada kerana murid masih mempunyai laluan untuk meneruskan pendidikan dalam bidang kemahiran ke tahap yang lebih tinggi di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS);
 - d) memberi latihan kepada murid melalui Program *apprenticeship*, iaitu program berasaskan model Sistem Latihan Dual Nasional yang dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Melalui kaedah program *apprenticeship* ini, murid diberi latihan dalam tiga komponen utama, iaitu akademik, latihan asas vokasional dan praktikal terus di industri. Murid ini berpeluang mendapat Sijil Kemahiran Malaysia sehingga tahap 2 atau 3 atau pensijilan daripada industri lain yang diiktiraf mengikut bidang kemahiran; dan
 - e) mempertingkatkan lagi pendidikan vokasional sekali gus menjayakan transformasi pendidikan vokasional melalui pelaksanaan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA). PIMA memberi peluang kepada murid untuk mendapat pengiktirafan kemahiran daripada pihak industri dan membuka ruang kerjaya yang lebih pelbagai dalam bidang kemahiran.
- iii. Mempertingkatkan usaha kolaboratif dengan rakan strategik dalam industri bagi memperluas akses dan menjamin kualiti pendidikan vokasional serta mempertingkatkan keboleherjaan lulusan pendidikan vokasional melalui tindakan yang berikut, iaitu:
 - a) melaksanakan program pendidikan vokasional bersama-sama kementerian lain seperti di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Antara ILKA yang terlibat ialah GIATMARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), *Wood Industry Skills Development Centre* (WISDEC) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Program dilaksanakan berdasarkan konsep kolaboratif, iaitu perkongsian prasarana, peralatan dan sumber manusia yang terdapat di ILKA tersebut;

- b) melaksanakan program pendidikan vokasional bersama-sama Institut Latihan Kemahiran Swasta melalui kaedah *Public-Private Partnership* (PPP). Program yang dijalankan adalah bagi kursus-kursus berimpak tinggi berdasarkan konsep *buying places*, iaitu pembelajaran dijalankan di premis ILKS mengguna pakai kemudahan peralatan dan kepakaran tenaga pengajar mereka.
- iv. Menyediakan mekanisme pentaksiran yang menjurus kepada pentauliah dan pengiktirafan lulusan pendidikan vokasional melalui pelaksanaan pentaksiran berasaskan standard kompetensi vokasional. Bagi program Sijil Vokasional Malaysia (SVM), pentaksiran adalah di bawah Lembaga Peperiksaan dan mematuhi standard Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Bagi program Diploma, pentaksiran adalah di bawah BPTV dan mematuhi standard *Malaysian Qualification Agency* (MQA) dan JPK.
- v. Mempertingkatkan daya upaya organisasi pendidikan vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memperkasakan sumber manusia menerusi latihan peningkatan kemahiran dan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada guru PAV dan KV yang telah bermula sejak 2012.

Punca Kuasa

- Seksyen 35, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-195 bertarikh 20 Disember 2010

1.2 Kategori Institusi Pendidikan

1.2.1 Sekolah Kerajaan

Dasar

Sekolah Kerajaan (SK)

Pengenalan

Sekolah Kerajaan ialah sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pendidikan bagi menyediakan pendidikan kepada murid pelbagai kaum di peringkat rendah atau di peringkat menengah atau di peringkat lepas menengah.

Pernyataan Dasar

Sekolah Kerajaan atau institusi pendidikan Kerajaan ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri di bawah Bahagian IV Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Strategi Pelaksanaan

- i. Penubuhan dan pengoperasian semua sekolah atau institusi pendidikan Kerajaan tertakluk kepada peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya serta dasar pendidikan kebangsaan.

1.2.2 Sekolah Bantuan Kerajaan

Dasar

Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)

| | |
|----------------------|--|
| Pengenalan | Sekolah Bantuan Kerajaan ialah sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak lain selain Menteri Pendidikan sebelum Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dikuatkuasakan. SBK menyediakan pendidikan kepada murid pelbagai kaum di peringkat rendah atau di peringkat menengah atau di peringkat lepas menengah. |
| Pernyataan Dasar | Sekolah Bantuan Kerajaan atau institusi pendidikan bantuan Kerajaan ialah sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Sumbangan modal ertinya bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi: a) mengadakan bangunan; b) mengubah atau menambah premis yang sedia ada; c) mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baharu, diubah atau ditambah; atau d) apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan. |
| Strategi Pelaksanaan | i. Pengoperasian semua sekolah atau institusi pendidikan bantuan Kerajaan tertakluk kepada peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Dasar Pendidikan Kebangsaan. |
| Punca Kuasa | • Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Dasar Pendidikan Kebangsaan |

1.2.3 Institusi Pendidikan Swasta (IPS)

Dasar

Institusi Pendidikan Swasta (IPS)

| | |
|------------|--|
| Pengenalan | <p>Institusi Pendidikan Swasta (IPS) merujuk tafsiran tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan. Merujuk Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], IPS yang merupakan salah satu daripada kategori sekolah di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK), boleh menawarkan pendidikan yang terdiri daripada peringkat pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah tetapi tidak termasuk pendidikan di sekolah ekspatriat atau sekolah antarabangsa.</p> <p>Institusi pendidikan swasta dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta dan menawarkan pendidikan dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat lepas menengah. IPS di bawah seliaan KPM adalah di peringkat prasekolah, rendah dan menengah seperti yang berikut:</p> <p>i. sekolah rendah/menengah akademik/agama Islam; dan</p> <p>ii. Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika).</p> |
|------------|--|

Pernyataan Dasar

Institusi Pendidikan Swasta adalah untuk meningkatkan pelibatan sektor swasta dalam pembangunan pendidikan negara bagi menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. IPS yang menyediakan pendidikan rendah atau menengah atau kedua-duanya hendaklah berdaftar dengan KPM dan mematuhi semua peruntukan yang berkaitan IPS dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] serta mematuhi kehendak Kurikulum Kebangsaan, dan hendaklah menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan di samping selari dengan hasrat yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menambah bilangan IPS yang menawarkan pendidikan di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.
- ii. Meningkatkan usaha untuk menarik minat sektor swasta dalam negara untuk menceburi bidang pendidikan.
- iii. Melaksanakan pemeriksaan dan pengawalseliaan IPS secara berkala untuk memastikan IPS akur terhadap pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan, kualiti dan piawaian yang ditetapkan oleh KPM dari semasa ke semasa.
- iv. Menggunakan TMK sebagai pengupaya untuk meningkatkan pengurusan IPS yang lebih efisien.

Punca Kuasa

- Seksyen 16, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bahagian VII, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.2.3.1 Taman Didikan Kanak-kanak Swasta (Tadika Swasta)

Dasar

Taman Didikan Kanak-kanak Swasta (Tadika Swasta)

Pengenalan

Institusi pendidikan swasta yang mengendalikan pendidikan prasekolah bagi sepuluh orang murid atau lebih yang berusia di antara 4 hingga 6 tahun dengan menggunakan kurikulum kebangsaan.

Pernyataan Dasar

Tadika swasta merupakan alternatif selain prasekolah di bawah agensi kerajaan bagi menyediakan akses pendidikan kepada kanak-kanak, dan memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan formal seawal usia empat tahun dengan menggunakan kurikulum kebangsaan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua tadika swasta berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Memastikan semua tadika swasta sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala daripada sudut tadbir urus dan kurikulum bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

- iii. Memastikan tadika swasta turut mengikuti perubahan semasa seperti yang terdapat dalam sistem pendidikan negara bagi menjamin pendidikan yang diberikan berada pada landasan yang betul.
- iv. Mendapatkan data tadika, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.

Punca Kuasa

- Seksyen 20, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 22, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.2.3.2 Sekolah Rendah dan Menengah Swasta (Akademik dan Agama Islam)

Dasar

Sekolah Rendah dan Menengah Swasta (Akademik dan Agama Islam)

Pengenalan

Sekolah Rendah dan Menengah Swasta (akademik dan agama Islam) ialah institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat rendah sebagai pendidikan wajib untuk murid-murid berusia di antara 6 hingga 12 tahun dan pendidikan peringkat menengah untuk murid-murid berusia di antara 13 hingga 17 tahun dengan menggunakan kurikulum kebangsaan.

Pernyataan Dasar

Sekolah Rendah dan Menengah Swasta (akademik dan agama Islam) ialah institusi yang menyediakan akses pendidikan peringkat rendah dan menengah sebagai pilihan kepada ibu bapa selain sekolah kerajaan. Sekolah tersebut menggunakan sistem dan kurikulum yang sama dengan sekolah kerajaan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua sekolah swasta berdaftar dengan sempurna dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Memastikan semua sekolah swasta sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum.
- iii. Mendapatkan data sekolah, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iv. Memastikan semua sekolah swasta turut mengikuti perubahan semasa yang terdapat dalam sistem pendidikan negara bagi menjamin pendidikan yang diberikan berada pada landasan yang betul.

Punca Kuasa

- Seksyen 16, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Bahagian VII, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995)
- Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995

1.3 Bahasa Pengantar

1.3.1 Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Pengantar Utama

Dasar

Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Pengantar Utama

Pengenalan

Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menjadi bahasa rasmi bagi urusan rasmi. Bagi perkara ini, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa maksud rasmi ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri.

Walau bagaimanapun, jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan ialah selain bahasa kebangsaan, maka bahasa Melayu hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan tersebut.

Pernyataan Dasar

Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama melalui penggunaan bahasa Melayu.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama kecuali di SJKC dan SJKT.
- ii. Memastikan mata pelajaran Bahasa Melayu diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di semua peringkat persekolahan.
- iii. Menyediakan guru bahasa Melayu terlatih yang mencukupi.
- iv. Menyediakan bahan PdP bahasa Melayu yang bersesuaian dengan kurikulum dan keperluan semasa.
- v. Menjalankan pemeriksaan dan pemantauan untuk penjaminan kualiti mata pelajaran Bahasa Melayu.
- vi. Melaksanakan pentaksiran mata pelajaran Bahasa Melayu bagi pensijilan dan keperluan laluan kerjaya.

Punca Kuasa

- Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152)
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka [Akta 213] 1959 (Disemak 1978)
- Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Peluasan) 1983
- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.3.2 Bahasa Pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan

Dasar

Bahasa Pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan

Pengenalan

Terdapat institusi pendidikan yang menggunakan selain bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, iaitu sekolah jenis kebangsaan. Bahasa yang digunakan di sekolah jenis kebangsaan ialah bahasa Cina dan bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, bahasa kebangsaan diajarkan di sekolah tersebut sebagai mata pelajaran wajib.

Pernyataan Dasar

Bahasa Cina dan bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah jenis kebangsaan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama di sekolah jenis kebangsaan.
- ii. Memastikan bahasa kebangsaan diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah jenis kebangsaan.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.4 Kurikulum Kebangsaan bagi Kegunaan Semua Sekolah

1.4.1 Kurikulum Kebangsaan

Dasar

Kurikulum Kebangsaan

Pengenalan

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Kurikulum kebangsaan merangkumi kurikulum yang berikut berdasarkan peringkat/tahap persekolahan:

- **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) (4 – 6 tahun)**

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017) ialah suatu program pendidikan prasekolah yang menyeluruh dan bersepadu daripada aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Matlamat KSPK (Semakan 2017) adalah untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya.

KSPK (Semakan 2017) digubal bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa. KSPK (Semakan 2017) digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak.

Kurikulum yang dihasilkan menyepadukan enam tunjang kerangka KSPK, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta memasukkan Kemahiran Abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara eksplisit dalam penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi serta jasmani. KSPK (Semakan 2017) mula dilaksanakan pada tahun 2017.

- **Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) ialah suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KSSR adalah untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara seimbang dan menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek; bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum. KSSR mula dilaksanakan pada tahun 2011.

- **Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) (Dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan murid Tahun 1 mulai tahun 2017)**

PPPM 2013 - 2025 menyarankan kurikulum sekolah rendah disemak semula supaya memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kreatif, inovatif, menyelesaikan masalah, dan kepimpinan. KSSR yang disemak semula ini dinamakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017). KSSR (Semakan 2017) mengambil kira elemen yang memupuk nilai perpaduan, dan keharmonian kaum supaya murid mengenal, menghormati, dan menerima kelainan serta perbezaan individu. Setiap murid dibentuk menjadi warganegara yang cinta akan negaranya, dan berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau status sosioekonomi. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ditulis secara eksplisit dalam Standard Pembelajaran semua mata pelajaran bagi memastikan pelaksanaan PdP yang mantap untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. KSSR (Semakan 2017) dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tahun 1 mulai tahun 2017.

- **Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (sehingga 2021)**

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ialah suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KBSM adalah untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. Kurikulum ini juga menyediakan murid untuk melanjutkan pendidikan dan/atau untuk memasuki alam pekerjaan.

- **Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan murid Tingkatan 1 mulai tahun 2017)**

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ialah suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur, kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KSSM adalah untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu

meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek; bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum ini menyediakan murid untuk melanjutkan pendidikan dan/atau untuk memasuki alam kerjaya. KSSM mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tingkatan 1 mulai tahun 2017.

Pelaksanaan MPEI (Tingkatan 4 dan 5) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017 **(bagi murid yang mengikuti mata pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) mulai tahun 2017).**

- i. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) MPEI mula dilaksanakan di Tingkatan 4 pada tahun 2017 bagi menggantikan 10 mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada peringkat menengah atas untuk memenuhi keperluan dan perkembangan teknologi semasa.
- ii. KSSM MPEI telah ditambah baik dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat global.

Kurikulum MPEI digubal berdasarkan kompetensi yang merujuk standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. MPEI juga menyediakan asas yang kukuh bagi murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar dan secara langsung menguasai kompetensi standard industri.

Pernyataan Dasar

Kurikulum kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kurikulum Kebangsaan yang ditetapkan hendaklah menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka diperoleh oleh murid-murid pada akhir tempoh persekolahan masing-masing dan hendaklah termasuk mata pelajaran teras dan apa-apa mata pelajaran lain yang ditetapkan. Penggunaan kurikulum kebangsaan juga adalah untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini serta menyampaikan pengetahuan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan, melaksanakan dan memantau pelaksanaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi murid-murid di peringkat prasekolah, rendah dan menengah termasuk murid berkeperluan khas (MBK).
- ii. Menyediakan, melaksanakan dan memantau penggunaan semua bahan sokongan kurikulum kebangsaan untuk semua kategori sekolah.
- iii. Menyediakan, menyemak dan mengemas kini kurikulum sedia ada mengikut keperluan semasa dan masa akan datang berdasarkan perubahan dasar pendidikan dan dasar utama negara.
- iv. Menetapkan peruntukan waktu dalam jadual waktu persekolahan berdasarkan kursus pengajian dan peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996.
- v. Melaksanakan penyebaran kurikulum baharu untuk semua guru.
- vi. Menjalankan kajian dan penilaian untuk tujuan penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada.

- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-208 bertarikh 21/09/2015
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2016
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016

1.4.2 Kurikulum Standard Kolej Vokasional

Dasar

Kurikulum Standard Kolej Vokasional

Pengenalan

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) dizahirkan melalui penjenamaan semula sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional. Selaras dengan TPV, Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2014 di dalam Bab 5A Seksyen 33B menetapkan penubuhan dan penyenggaraan kolej vokasional adalah berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional dengan memakai satu kurikulum baharu dikenali sebagai Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Pelaksanaan KSKV hendaklah digunakan oleh semua kolej vokasional.

KSKV dirangka dan dibangunkan berdasarkan pematuhan kepada keperluan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) bagi memastikan sijil dan diploma yang dikeluarkan oleh kolej vokasional setaraf dengan mana-mana pemberi pendidikan vokasional yang lain dan diiktiraf oleh industri. KSKV juga ditambah nilai bagi memenuhi keperluan badan-badan profesional yang berkaitan.

KSKV diguna pakai bagi pelaksanaan keseluruhan pengajian di kolej vokasional, iaitu dua tahun di peringkat sijil dan dua tahun lima bulan di peringkat diploma. KSKV merangkumi komponen akademik dan vokasional dengan nisbah 30:70 dan dilaksanakan berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil atau *Outcome Based Education* (OBE). Elemen penting KSKV ialah:

- visi, misi dan matlamat;
- objektif pendidikan program (PEO);
- hasil pembelajaran program (PLO);
- kursus dan jam kredit;
- hasil pembelajaran kursus (CLO); dan
- struktur program, dokumen kskv, silibus serta *course outline*
- Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
- Aktiviti Penaksiran

KSKV mengandungi komponen vokasional (70%) dan komponen akademik (30%). Reka bentuk dan kandungan KSKV bagi setiap program yang ditawarkan tertakluk kepada pematuhan standard *Malaysia Qualification Agency* (MQA), dan standard kemahiran Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) terutama dalam aspek penetapan jumlah jam pembelajaran dan kandungan kursus (*content*). Pemetaan dan semakan KSKV dilaksanakan bagi menjamin pematuhan kepada kedua-dua agensi berkenaan.

Komponen akademik KSKV bagi peringkat sijil dan diploma adalah seperti yang berikut:

- Peringkat Sijil:-
 - Bahasa Melayu (Kod 1104 / setara Kod 1103 SPM);
 - Bahasa Inggeris;
 - Matematik;
 - Sains;
 - Sejarah; dan
 - Pendidikan Islam/Moral.

Peringkat Diploma:

- a) Kursus Wajib Teras Umum
 - Pengajian Islam / Pengajian Moral;
 - Pengajian Malaysia;
 - *English for Communication*;
 - Etika Profesionalisme
 - Kokurikulum;
 - Keusahawanan; dan
 - *Core Abilities*.
- b) Kursus Teras Umum Disiplin
 - Matematik;
 - Matematik Perniagaan;
 - Statistik;
 - *English for Business*; dan
 - Dua kursus berdasarkan pengkhususan.
- c) Kursus Teras Wajib Elektif
 - Bahasa Arab / Bahasa Cina

Komponen vokasional KSKV bagi peringkat sijil dan diploma:

- i. Peringkat Sijil:
 - a) empat kursus teras disiplin berdasarkan pengkhususan bagi setiap semester.
- ii. Peringkat Diploma:
 - a) empat kursus teras disiplin bagi setiap semester; dan
 - b) *On-the-job training* (OJT).

KSKV bagi peringkat diploma juga merangkumi pelaksanaan Projek Tahun Akhir (PTA) dan OJT. PTA dilaksanakan dalam semester ke-3 dan ke-4, manakala OJT dilaksanakan dalam semester ke-5 selama lima bulan dan merupakan syarat wajib lulus bagi memperoleh diploma.

Pernyataan Dasar

Kurikulum Standard Kolej Vokasional adalah kurikulum kebangsaan yang dibangunkan bagi pelaksanaan Pendidikan Dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) dan hendaklah diguna pakai oleh mana-mana institusi yang melaksanakan Program Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia.

Strategi Pelaksanaan

Bagi mengoptimalkan pencapaian KSKV, strategi yang diambil ialah:

- i. mereka bentuk KSKV berdasarkan:
 - a) Pembelajaran Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education*);
 - b) Pembelajaran berpusatkan pelajar;
 - c) Penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan;
 - d) Penguasaan *soft-skills* pelajar;
 - e) Penggunaan pelbagai kaedah PdP;
 - f) Penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran pembelajaran; dan
 - g) Penggunaan teknologi secara optimum dalam pembelajaran.
- ii. membangunkan kandungan KSKV mengambil kira perkara yang berikut:
 - a) keperluan pengetahuan teori dan amali;
 - b) keperluan pembangunan insaniah;
 - c) pembelajaran berasaskan *inquiry*;
 - d) pembelajaran berasaskan penyelidikan;
 - e) keperluan pembelajaran *interdisciplinary*;
 - f) pematuhan *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) MQA dan pensijilan JPK;
 - g) Pembangunan Hasil Pembelajaran Program (PLO); dan
 - h) Pembangunan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO).

- iii. Pemetaan KSKV dengan Hasil Pembelajaran Program (PLO) ialah:
 - a) pemetaan menjelaskan secara keseluruhan bagaimana pelajar memperoleh sesuatu hasil pembelajaran melalui kursus yang ditawarkan; dan
 - b) hubung kait hasil pembelajaran dengan senarai kursus dalam kurikulum dan dinyatakan dalam indeks tertentu bagi membantu proses penambahbaikan berterusan.
- iv. Semakan KSKV secara berkala:
 - a) menilai keupayaan kurikulum bagi memenuhi pihak berkepentingan;
 - b) menilai kesesuaiannya berbanding dengan hasil pembelajaran program yang ingin dicapai;
 - c) mengenal pasti masalah dan langkah-langkah penambahbaikan yang diperlukan;
 - d) memastikannya relevan dengan keperluan semasa;
 - e) melaksanakan semakan pada akhir setiap kitaran tempoh lazim pengajian; melantik *Technical Advisory Council* (TAC) yang terdiri dari pihak berkepentingan terutama pihak industry; dan
 - f) membentangkan hasil semakan kepada pihak berkepentingan.
- v. Kawalan terhadap perubahan reka bentuk dan pelaksanaan KSKV:
 - a) perubahan reka bentuk dan pelaksanaan tertakluk kepada kelulusan Senat Kolej Vokasional KPM.
- vi. Memberi nilai tambah kepada KSKV melalui hubungan kolaboratif dengan badan-badan profesional:
 - a) pemetaan kandungan kurikulum bagi melayakkan pelajar mendapat pensijilan badan profesional dalam bidang pengkhususan yang diambil.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-195 bertarikh 20 Disember 2010
- Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2014

1.4.3 Kurikulum Pendidikan Islam

1.4.3.1 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

Dasar

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada dasarnya bersetuju menjadikan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz sebagai Kurikulum Kebangsaan bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam dalam agenda Transformasi Pendidikan Negara.

Pelaksanaan KBD dan KBT adalah seperti yang berikut:

- i. Menengah Rendah
 - a) Dini
 - b) Tahfiz
- ii. Menengah Atas
 - a) Dini
 - Aliran Dini
 - Aliran Dini + Sains/Sastera Ikhtisas
 - b) Tahfiz
- iii. Tingkatan Enam Dini

Pernyataan Dasar

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan adalah untuk melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang dalam mata pelajaran berasaskan *naqli* dan *'aqli* bagi menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam yang serba boleh pada masa akan datang.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan sukatan pelajaran dan spesifikasi ujian mata pelajaran digubal bersesuaian mengikut dasar-dasar pelaksanaan kurikulum sedia ada di KPM dengan persetujuan bersama-sama Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).
- ii. Memastikan pelaksanaan KBD dan KBT yang berkualiti dan terancang ke arah melahirkan pelapis ulamak yang berwibawa, profesional dan teknokrat yang beragama (*mutadayyin*).
- iii. Memastikan pelaksanaan struktur KBD dan KBT sebagai Kurikulum Kebangsaan berdasarkan Jadual Peruntukan Waktu Khas (JPWK) yang melibatkan penambahan mata pelajaran Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz, pengurangan peruntukan waktu minimum seminggu mata pelajaran Kurikulum Kebangsaan, dan penggunaan Jadual Waktu Sekolah yang melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih panjang.
- iv. Membekalkan Guru Dini dan Guru Tahfiz yang terlatih dan setaraf dengan guru-guru KPM dari segi perjawatan.
- v. Mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme guru Guru Dini dan Guru Tahfiz melalui kepakaran yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
- vi. Menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan kepada KBD dan KBT setaraf dengan Kurikulum Kebangsaan.
- vii. Merancang dan mengurus urusan geran per kapita mata pelajaran.
- viii. Memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran KBD dan KBT di sekolah.
- ix. Menyelaraskan pengurusan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz antara KPM dengan Jawatankuasa Kurikulum Agama LEPAI.
- x. Menggilap potensi dan keupayaan pelajar melalui kurikulum yang dapat menyediakan individu yang seimbang dan berketerampilan dalam kedua-dua bidang ilmu *naqli* dan *'aqli*.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 13 Tahun 2011 bertarikh 07 Oktober 2011
- Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil. 03/2012 bertarikh 26 Jun 2012
- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-200 bertarikh 27 Julai 2012
- Majlis Raja-raja kali ke-231 bertarikh 27 Februari 2013

1.4.3.2 Kurikulum Tingkatan Enam Dini (STAM)

Dasar

Kurikulum Tingkatan Enam Dini (STAM)

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk Kurikulum Tingkatan Enam Dini sejak tahun 1999. Kurikulum yang diguna pakai untuk murid-murid Tingkatan Enam Dini dengan menggunakan kurikulum yang ditetapkan oleh pihak Universiti al-Azhar Mesir. Sukatan kurikulum ini disediakan sepenuhnya di dalam bahasa Arab yang menggandungi sebanyak 13 mata pelajaran dalam tiga bidang, iaitu Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiah. Pembekalan buku teks, pembelajaran dan pengajaran serta pentaksiran kurikulum ini juga adalah dalam bahasa Arab.

Mata pelajaran STAM sebanyak 13 mata pelajaran adalah seperti yang berikut:

- i. Tauhid;
- ii. Hadis dan Mustolah Hadis;
- iii. Tafsir dan *'Ulumuhu*;
- iv. *Mantiq*;
- v. *Balaghah*;
- vi. *Fiqh*;
- vii. *Hifz al-Quran* dan Tajwid;
- viii. Nahu;
- ix. Sarf;
- x. *Insya'*;
- xi. *Mutala'ah*;
- xii. Adab dan *Nusus*; dan
- xiii. *'Arudh* dan *Qafiyah*

Pernyataan Dasar

Pelaksanaan Kurikulum Tingkatan Enam Dini (STAM) yang ditawarkan kepada murid sekolah agama adalah daripada kalangan warganegara Malaysia, dan bukan warganegara Malaysia sebagai syarat kelayakan masuk peringkat Ijazah Pertama di Universiti Al-Azhar, Mesir. Selain itu, sijil ini juga diterima sebagai salah satu laluan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Islam dan Sains Sosial peringkat ijazah pertama di Universiti Awam.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan sukatan pelajaran dan spesifikasi ujian mata pelajaran digubal bersesuaian dengan ketetapan pihak Universiti Al-Azhar, Mesir.
- ii. Memastikan kualiti pentaksiran menepati piawai dan mendapat pengiktirafan yang ditetapkan oleh Universiti Al-Azhar dan Universiti Awam.
- iii. Memastikan calon-calon STAM sekolah agama pernah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
- iv. Melantik guru Tingkatan Enam Dini dalam bidang Pengajian Islam dan Pengajian Bahasa Arab yang memiliki ikhtisas pendidikan.
- v. Meningkatkan kualiti guru Tingkatan Enam Dini melalui latihan dalaman yang berterusan.
- vi. Menambah baik prasarana bilik darjah dan kelengkapan pembelajaran murid.
- vii. Mempromosi STAM di peringkat antarabangsa khususnya negara-negara Islam di rantau ASEAN.

viii. Merancang dan mengurus urusan geran per kapita mata pelajaran Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

ix. Mewujudkan mekanisme penguatkuasaan, pemantauan dan penyeliaan secara sistematik, berterusan dan berkesan terhadap pelaksanaan dasar Tingkatan Enam Dini.

Punca Kuasa

- Memorandum Perjanjian Akademik dan Kebudayaan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Arab Mesir pada tahun 1999
- Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 13 Tahun 2011 bertarikh 07 Oktober 2011
- Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil. 03/2012 bertarikh 26 Jun 2012
- Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-200 bertarikh 27 Julai 2012
- Perkenan dan persetujuan Majlis Raja-raja kali ke-231 bertarikh 27 Februari 2013

1.4.4 Kurikulum Pendidikan Khas

Dasar

Kurikulum Pendidikan Khas

Pengenalan

Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, menyatakan bahawa murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah pendidikan khas (SPK), program pendidikan khas integrasi (PPKI) dan program pendidikan Inklusif (PPI) di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah hendaklah mengikuti Kurikulum Pendidikan Khas yang disediakan oleh KPM.

Pernyataan Dasar

Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Khas adalah untuk membolehkan MBK mengikuti PdP yang bersesuaian dengan tahap keupayaan masing-masing, meminimumkan halangan untuk belajar dan memastikan pelibatan dalam PdP secara aktif.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan MBK dapat mengikuti Kurikulum Pendidikan Khas seperti yang berikut:
 - a) Kurikulum Kebangsaan yang dibina oleh KPM untuk murid arus perdana. MBK yang mengikuti kurikulum ini tidak dikecualikan daripada menduduki semua peperiksaan awam;
 - b) Kurikulum Kebangsaan yang diubah suai berdasarkan keperluan MBK. MBK yang mengikuti kurikulum ini juga tidak dikecualikan daripada menduduki semua peperiksaan awam;
 - c) Kurikulum dibina khusus bagi memenuhi keperluan MBK [Rujuk Rancangan Pendidikan Individu (RPI)]; dan
 - d) Kurikulum Latihan Kemahiran yang diiktiraf dan digunakan oleh Institut Latihan Kemahiran (ILK) awam atau swasta. Kurikulum Latihan Kemahiran hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan.
- ii. Merancang dan melaksanakan PdP yang bersifat luwes, relevan dan berkualiti tinggi, iaitu guru boleh mengubah suai perkara yang berikut:
 - a) kaedah, teknik pengajaran dan pembelajaran;
 - b) masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti;

- c) susunan aktiviti disertai dengan aktiviti intervensi merentas kurikulum; dan
- d) bahan bantu mengajar.

- iii. Menggunakan RPI bagi setiap MBK mengikut tahap kemampuan.
- iv. Meningkatkan keupayaan dan tahap kesediaan MBK untuk belajar daripada peringkat awal persekolahan hingga ke peringkat kerjaya melalui program transisi.
- v. Mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme guru melalui kepakaran yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
- vi. Mewujudkan mekanisme penguatkuasaan, pemantauan dan penyeliaan secara sistematik, berterusan dan berkesan.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550
- Peraturan-Peraturan Pendidikan [Pendidikan Khas (2013)]
- Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (2015)

1.5 Perpaduan Nasional Menerusi Pendidikan

Dasar

Perpaduan Nasional Menerusi Pendidikan

Pengenalan

Perpaduan ialah satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara keseluruhannya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama dalam kalangan mereka. Perpaduan memainkan peranan penting bagi memacu kestabilan dan kemajuan negara.

Laporan Razak 1956 menggariskan satu dasar pelajaran yang boleh diterima oleh semua kaum dan memenuhi aspirasi setiap kaum yang telah menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Dalam usaha untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan, dasar pendidikan yang terkandung dalam Laporan Razak 1956 mengutamakan perpaduan negara. Nilai perpaduan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat berbilang kaum.

Agenda kerajaan untuk perpaduan kaum di Tanah Melayu diteruskan dengan penggubalan sukatan pelajaran dan kandungan kurikulum mengikut acuan Malaysia dengan bermatlamatkan menyatupadukan kaum dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Jawatankuasa Penilaian Sukatan Pelajaran ditubuhkan pada tahun 1964 untuk menyemak, menambah baik dan menggubal sukatan pelajaran.

Berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Penyata Razak 1956, Akta Pelajaran 1961 diwujudkan untuk melahirkan masyarakat majmuk yang bersatu padu yang memberi tumpuan atau penekanan kepada penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, penggunaan kurikulum yang sama bagi semua sekolah dan pengambilan peperiksaan awam yang sama oleh semua murid.

Penekanan yang sama juga termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996, iaitu dasar pendidikan dilaksanakan melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama.

Pernyataan Dasar

Perpaduan Nasional Menerusi Pendidikan adalah untuk memastikan:

- penggunaan bahasa kebangsaan dalam medium pendidikan sebagai tunjang kekuatan budaya dan jati diri bangsa dengan penerapan sastera yang bermutu tinggi sebagai wahana terbaik menyuburkan budaya ilmu dan pembinaan tamadun bangsa;
- pembinaan negara bangsa Malaysia dengan memperkukuh perpaduan;
- pembinaan identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara; dan
- penyediaan program pendidikan yang dapat melahirkan murid yang bersatu padu, bertolak ansur, penyayang, mempunyai nilai-nilai positif, patriotik dan bangga terhadap negara selaras dengan prinsip Rukun Negara serta memastikan Sekolah Kebangsaan (SK) menjadi sekolah pilihan utama ibu bapa.

Strategi Pelaksanaan

- i. Kurikulum Kebangsaan
 - a) Menggunakan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan.
- ii. Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu)
 - a) Menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di institusi pendidikan.
 - b) Mewajibkan pengajaran bahasa kebangsaan di institusi pendidikan yang bahasa pengantar utama bukan bahasa kebangsaan.
 - c) Menerapkan unsur perpaduan melalui mata pelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
 - d) Menambah baik pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).
- iii. Membina Negara Bangsa
 - a) Menambah baik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah melalui pendekatan yang lebih menarik minat murid untuk memahami kepelbagaian bangsa dan sejarah negara.
 - b) Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2014.
- iv. Program Berlandaskan Rukun Negara
 - a) Menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sosial yang sihat.
 - b) Mempelbagai, memperkukuh dan memperluas aktiviti kokurikulum untuk memupuk semangat perpaduan.
 - c) Menerapkan unsur patriotisme melalui pelbagai program pendidikan.
 - d) Memperluas program kokurikulum secara integrasi antara jenis sekolah melalui Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP).
- v. Memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai sekolah aliran perdana dan menjadi pilihan utama ibu bapa.
- vi. Menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab Komunikasi sebagai mata pelajaran tambahan di SK.
- vii. Mengadakan pembelajaran bahasa etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian serta jika ibu bapa kepada sekurang-kurangnya 15 murid di sekolah itu memintanya.



Punca Kuasa

- Seksyen 17, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 19, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

1.6 Penilaian dan Pentaksiran

1.6.1 Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

Dasar

Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

Pengenalan

Sistem Pentaksiran yang diamalkan di Malaysia berfungsi sebagai petunjuk kepada kualiti pendidikan negara. Pentaksiran ialah proses mengumpul data dan maklumat tentang murid serta menilai tahap penguasaan murid dalam pembelajaran. Pentaksiran juga bertujuan memperbaiki pembelajaran murid melalui maklumat yang diperolehi.

Pernyataan Dasar

Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan adalah untuk memastikan semua urusan pentaksiran yang dijalankan menepati prinsip ekuiti dalam pendidikan tanpa sebarang diskriminasi; memastikan semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bertanggungjawab menyediakan semua murid untuk menduduki peperiksaan; memastikan pentaksiran yang dilaksanakan bersifat holistik, iaitu melibatkan peperiksaan pusat dan pentaksiran berasaskan sekolah; dan memastikan peperiksaan awam yang dikendalikan oleh badan luar negara yang melibatkan murid dalam sistem persekolahan mendapat kelulusan Pengarah Peperiksaan.

Strategi Pelaksanaan

- Peperiksaan Awam** - Peperiksaan Awam ialah peperiksaan yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilaporkan oleh petugas yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan garis panduan dan peraturan penskoran yang ditetapkan. Pernyataan Keputusan/sijil dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan.

LP mengendalikan peperiksaan awam termasuk UPSR, SPM, SPMU, SVM, UPBA dan STAM mengikut jadual serta mengedarkan peraturan dan garis panduan bertulis kepada calon yang berdaftar untuk menduduki peperiksaan.

- ii. **Pentaksiran Berasaskan Sekolah** – satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) terdiri daripada empat (4) komponen, iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik.
- iii. **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)**
Pentaksiran formatif yang dilaksanakan seiring dengan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk mentaksir perkembangan pembelajaran murid iaitu:
- Pentaksiran untuk pembelajaran (*Assessment for learning*)
 - Pentaksiran sebagai pembelajaran (*Assessment as learning*)
- PBD juga merangkumi pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun untuk menaksir pencapaian murid:
- Pentaksiran tentang pembelajaran (*Assessment of learning*)
- iv. **Pentaksiran Pusat (PP)**
Pentaksiran yang dilaksanakan oleh sekolah menggunakan instrumen pentaksiran, tugas, panduan penskoran dan jadual pengredan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP). Pelaporan PP dikeluarkan oleh pihak sekolah.
- v. **Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**
Pentaksiran yang ditadbir, direkod dan dilaporkan melalui penyertaan, pelibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstrakurikulum. Murid perlu melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut keupayaan murid.
- vi. **Pentaksiran Psikometrik (PPsi)**
Suatu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret psikologi, iaitu aptitud dan personaliti murid.
- vii. **Penghasilan Instrumen Pentaksiran** - Menghasilkan instrumen peperiksaan dan instrumen pentaksiran berdasarkan kurikulum, Jadual Spesifikasi Ujian dan merujuk format peperiksaan / pentaksiran bagi setiap mata pelajaran dengan menepati prinsip kesahan, kebolehpercayaan, keadilan serta mematuhi prosedur operasi standard dan arahan keselamatan.
- viii. **Pengendalian Pentaksiran dan Peperiksaan**
- a) Pusat Peperiksaan –
Pusat Peperiksaan ialah sekolah atau institusi pendidikan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan untuk diadakan peperiksaan.
- b) Pendaftaran Calon –
Pendaftaran calon hendaklah dilakukan berpandukan peraturan peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.
- ix. Kelayakan Calon adalah seperti yang berikut:
- a) **Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)**
- Murid Tahun 6 yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Agensi Kerajaan; dan
 - Telah mencapai umur 11 tahun pada 01 Januari tahun peperiksaan UPSR.

b) **Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR)**

- Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang berada dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan MBK yang mengikuti pendidikan inklusif separa di Sekolah Kerajaan / Sekolah Bantuan Kerajaan / Sekolah Swasta.
- Mengikuti KSSR PK Masalah Pembelajaran Tahap 2.
- Berada pada tahun akhir persekolahan.
- Berumur tidak melebihi 14 tahun pada 01 Januari tahun pentaksiran.
- Mempunyai pengesahan pegawai perubatan hospital kerajaan / hospital swasta / kad OKU.
- Calon yang mendaftar untuk menduduki PASR tidak boleh mendaftar untuk menduduki UPSR.

c) **Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)**

- Calon Sekolah
 - Murid Tingkatan 3 yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Agensi Kerajaan; dan
 - Telah mencapai umur 14 tahun pada 01 Januari tahun PT3.
- Calon Persendirian
 - Telah mencapai umur 14 tahun pada 01 Januari tahun PT3.

d) **Pentaksiran PAV**

- Semua murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang mengikuti Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di peringkat menengah rendah hendaklah melaksanakan Pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional.

e) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

- Calon Sekolah
 - Murid Tingkatan 5 yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Agensi Kerajaan.
 - Telah mencapai umur 16 tahun pada 01 Januari tahun peperiksaan SPM.
- Calon Persendirian
 - Telah mencapai umur 16 tahun pada 01 Januari tahun peperiksaan SPM.

f) **Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPM [U])**

- Calon yang pernah menduduki peperiksaan SPM / SPM(V) / SPVM / MCE

g) **Sijil Vokasional Malaysia (SVM)**

- Semua murid di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) yang berdaftar dengan KPM dan mengikuti Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) hendaklah melaksanakan Pentaksiran Pusat.
- Murid berada di Semester 1, 2, 3 dan/atau 4 mengikuti sesi pengajian pada tahun semasa pentaksiran.
- Calon telah menduduki Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi Pentaksiran Pusat (Pentaksiran Tingkatan 3 [PT3]), Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi).

h) **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**

- Calon Sekolah
 - Murid Tingkatan 6 di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau agensi kerajaan seperti sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah di bawah agensi kerajaan, Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), sekolah swasta dan calon yang diberi pengecualian daripada pihak KPM.
 - Telah diperakui mengikuti kurikulum Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar Al-Syarif yang dipersetujui antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak Al-Azhar Al-Syarif, Kaherah, Mesir.
 - Pernah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - Telah mencapai umur 18 tahun pada 1 Januari tahun peperiksaan STAM.
- Calon Persendirian
 - Telah diperakui mengikuti kurikulum Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar Al-Syarif yang dipersetujui antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak Al-Azhar Al-Syarif, Kaherah, Mesir.
 - Pernah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - Telah mencapai umur 18 tahun pada 01 Januari tahun peperiksaan STAM.

x. **Pengiktirafan, Keputusan Peperiksaan dan Pensijilan**

- a) Lembaga Peperiksaan tidak mengiktiraf kelulusan dalam bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh mana-mana badan peperiksaan atau institusi pendidikan di dalam atau di luar negara sebagai setaraf dengan kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM
- b) *Cambridge International Examinations* (CIE) telah memberi akreditasi gred A-E Bahasa Inggeris 1119 SPM setara dengan gred A*-E IGCSE dan GCSE. CIE juga meletakkan gred A-C Bahasa Inggeris 1119 SPM setanding dengan C1 CEFR.
- c) Keputusan Peperiksaan
 - Pengarah Peperiksaan boleh membatalkan keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan calon jika dibuktikan bahawa calon itu telah melakukan suatu salah laku dalam sesuatu peperiksaan yang dikendalikan.
 - Pengarah Peperiksaan boleh mengisytiharkan sesuatu peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan sebagai terbatal sekiranya berlaku salah laku yang meluas di pusat peperiksaan itu.
 - Pengarah Peperiksaan boleh, jika yang difikirkannya patut, menggantung keputusan peperiksaan seseorang calon sementara menunggu selesainya penyiasatan tentang salah laku calon yang dikatakan.
 - Pengarah Peperiksaan hendaklah mengeluarkan keputusan peperiksaan kepada guru besar atau pengetua sekolah atau pengarah pendidikan negeri dan bukan terus kepada calon.
 - Mana-mana calon yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaannya boleh memohon untuk membuat penyemakan semula keputusan peperiksaannya itu tidak melebihi tiga puluh hari selepas pengumuman keputusan peperiksaan itu.
 - Permohonan penyemakan semula keputusan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pengarah Peperiksaan dan disertai dengan *fee*.
- d) Pensijilan
 - Syarat pensijilan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan hendaklah dipenuhi oleh calon untuk dianugerahkan sijil.

- Sijil / Pernyataan Keputusan dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dalam tempoh enam bulan selepas pengumuman keputusan peperiksaan.
- Pengarah Peperiksaan boleh mengeluarkan suatu surat memperakui keputusan peperiksaan bagi maksud penggantian sijil peperiksaan atau pernyataan keputusan yang hilang atau rosak apabila ada permohonan daripada calon.
- Permohonan surat perakuan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pengarah Peperiksaan dan disertakan dengan *fee*.
- Pengarah Peperiksaan boleh melupuskan sijil peperiksaan yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditentukan.
- Sijil / Pernyataan Keputusan hanya dikeluarkan sekali sahaja bagi semua jenis peperiksaan pusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan.

xi. **Penjaminan Kualiti**

- a) Penjaminan kualiti hendaklah dilakukan melalui pementoran, pemantauan, penyelarasan dan pengesanan yang merupakan piawaian untuk meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan pentaksiran dan peperiksaan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh LP.
- b) Penjaminan Kualiti hendaklah dilakukan oleh LP atau pihak lain yang dikenal pasti oleh LP atas keperluan atau permintaan pihak yang berkepentingan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.
- c) Kriteria untuk instrumen penjaminan kualiti hendaklah ditetapkan oleh LP atau mana-mana pihak yang dikenal pasti oleh LP.
- d) Laporan program penjaminan kualiti hendaklah dikemukakan kepada LP untuk tindakan susulan.
- e) Semua urusan penjaminan kualiti hendaklah berlandaskan standard pendidikan yang selaras dengan amalan pentaksiran global.
- f) Proses verifikasi skor ujian bagi peperiksaan dan pentaksiran hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa. Tindakan susulan hendaklah dilakukan oleh LP atau mana-mana pihak yang dikenal pasti oleh LP.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997
- Dokumen dan Panduan Majlis Keselamatan Negara serta Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
- Buku Dasar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
- Panduan Pengurusan Peperiksaan
- Surat-surat Siaran LP/Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuat kuasa

1.6.2 Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Dasar

Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Pengenalan

Peperiksaan STPM merupakan peperiksaan awam yang telah dikendalikan sejak tahun 1980 oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Dalam Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] 1980, pada Seksyen 7.(1) Tugas Majlis adalah untuk mengelola, tertakluk kepada dan mengikut Akta ini, peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan itu, termasuklah:

- a) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan;
- b) menyediakan kertas peperiksaan;
- c) menerima masuk atau mendaftar calon; dan
- d) menganugerahkan sijil.

Seksyen 7(2) Dalam mengelolakan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Majlis hendaklah berusaha bersama-sama dengan Universiti, dan boleh selanjutnya berusaha bersama dengan mana-mana orang, badan, pertubuhan, institusi atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia.

Dalam peperiksaan STPM, sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan. Sistem pentaksiran STPM dibahagikan kepada tiga penggal mengikut penggal persekolahan. Kandungan pengajian dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum mengikut kesesuaian bidang kajian/disiplin bagi mengisi ketiga-tiga penggal.

Calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dikecualikan daripada membayar yuran STPM mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2007 tentang Garis Panduan Pengoperasian Dasar Pemansuhan Yuran Peperiksaan Awam. Walau bagaimanapun, semua calon yang ingin menduduki peperiksaan ulangan bertulis bagi suatu penggal dikenakan bayaran per kertas.

Kaedah pentaksiran STPM terdiri daripada peperiksaan bertulis berpusat dan kerja kursus (KK). Wajaran peperiksaan bertulis berpusat adalah di antara 60-80 peratus, manakala wajaran untuk KK adalah di antara 20-40 peratus. Peperiksaan bertulis berpusat dijalankan pada hujung penggal 1, penggal 2, dan penggal 3, manakala KK pula dijalankan pada mana-mana penggal yang ditentukan bagi kertas yang berkenaan.

Antara keistimewaan yang terdapat dalam peperiksaan STPM kini ialah calon boleh memperbaiki keputusan peperiksaan bertulis bagi suatu penggal yang berkenaan dengan menduduki peperiksaan ulangan (ulangan 1 dan ulangan 2). Keputusan terbaik antara peperiksaan penggal dengan peperiksaan ulangan yang diduduki oleh calon dalam suatu mata pelajaran akan diambil kira dalam pengiraan keputusan keseluruhan bagi mata pelajaran tersebut.

Keputusan keseluruhan peperiksaan STPM dikeluarkan berdasarkan gabungan keputusan terbaik calon dalam peperiksaan bertulis berpusat pada ketiga-tiga penggal (yang diambil kira berdasarkan keputusan terbaik calon dalam peperiksaan pertama atau peperiksaan ulangan) bersama-sama dengan KK.

Peperiksaan STPM merupakan peperiksaan awam yang berprestij sama ada di Malaysia atau di peringkat antarabangsa. Sijil STPM diiktiraf untuk permohonan kemasukan ke Universiti Awam dan Universiti Swasta di Malaysia.

Di peringkat antarabangsa, Sijil STPM diiktiraf setaraf dengan *A-Level* oleh *Cambridge Assessment*, England dan diiktiraf oleh kebanyakan universiti terkemuka di dunia.

Sijil STPM juga diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pelantikan ke perkhidmatan awam melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 11 Tahun 2005 dengan penjawat lulusan STPM diberikan permulaan Gred 27.

Pernyataan Dasar

Peperiksaan STPM wajib diduduki oleh murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam sebagai jambatan untuk meneruskan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Universiti (UA). Pentaksiran Tingkatan Enam bertujuan untuk mengukur dan menilai pencapaian pelajar dalam aspek kognitif, afektif, dan kemahiran insaniah sepanjang tempoh pembelajaran murid di Tingkatan Enam.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan Peraturan dan Skema Peperiksaan serta Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM dikeluarkan lapan bulan sebelum peperiksaan Penggal 1.
- ii. Memastikan semua calon yang mendaftar dapat menduduki peperiksaan.
- iii. Memastikan tarikh peperiksaan dilaksanakan mengikut Kalendar Peperiksaan tahun semasa yang dikeluarkan.
- iv. Memastikan keputusan peperiksaan STPM dikeluarkan dalam tempoh 15 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan.
- v. Memastikan Sijil STPM dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan Julai.

Punca Kuasa

- Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] 1980
- Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 4 Januari 2012
- Mesyuarat Lembaga Pengelola Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis) ke-118 pada 8 Julai 2010
- Mesyuarat Lembaga Pengelola Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis) ke-105 pada 7 Mac 2006

1.6.3 Peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET)

Dasar

Malaysian University English Test (MUET)

Pengenalan

Malaysian University English Test (MUET) merupakan ujian yang diselenggarakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) mulai tahun 1999 sebagai satu ujian yang mengukur tahap kecekapan (*proficiency test*) berbahasa Inggeris pada peringkat prauniversiti.

Mulai tahun 2001, keputusan MUET telah dijadikan syarat kemasukan kepada semua calon yang ingin memohon kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Universiti Awam (UA) oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kini Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi).

Komponen ujian MUET terdiri daripada ujian *Listening*, *Speaking*, *Reading*, dan *Writing*. Pencapaian calon dilaporkan mengikut *Band*, dan *Band 6* merupakan *Band* tertinggi. Setiap *Band* mempunyai deskriptor masing-masing.

Umumnya, calon yang menduduki MUET terdiri daripada calon sekolah kerajaan, calon sekolah swasta, calon persendirian individu, calon Matrikulasi, calon diploma/sijil, calon ijazah, calon sekolah kerajaan negeri, dan calon sekolah integrasi. Calon sekolah kerajaan yang menduduki ujian ini ialah calon yang menduduki peperiksaan STPM. Ujian MUET digunakan untuk membuat keputusan yang berkepentingan tinggi (*high-stake*) dengan tujuan untuk menapis kecekapan berbahasa Inggeris bagi kemasukan dan pemerolehan ijazah bagi pelajar yang berada di Universiti Awam (UA).

Pada tahun 1999 hingga tahun 2011, ujian ini diadakan dua kali setahun tetapi mulai tahun 2012, ujian ini telah diadakan sebanyak tiga kali setahun. Tiada syarat kelayakan yang dikenakan kepada calon yang ingin menduduki ujian ini. Tempoh sah laku keputusan MUET pula ialah lima tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan (dicatatkan pada slip keputusan yang diterima oleh calon).

Pada 10 Oktober 2014, melalui pembentangan Bajet 2015 di Parlimen, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan dasar baharu berkaitan dengan syarat memperoleh Band minimum MUET bagi tujuan kemasukan dan memperoleh ijazah di IPTA mulai tahun 2015, dan YAB Dato' Seri Perdana Menteri juga mengumumkan pelaksanaan langkah yang sama kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Laporan Cambridge English Evaluation Test 2015 yang dikeluarkan oleh *Cambridge English Language Assessment*, England bagi mengkaji korelasi antara MUET dengan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) telah menunjukkan bahawa MUET mempunyai korelasi yang baik dengan CEFR, iaitu calon yang mempunyai kemahiran yang tinggi akan mendapat *band* yang lebih baik untuk MUET dan CEFR. Dapatan kajian menunjukkan bahawa calon yang memperoleh MUET *Band 4* untuk MUET boleh mendapat B2 untuk CEFR, *Band 5* boleh mendapat C1, dan *Band 6* boleh mendapat C2.

MUET juga diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti di beberapa universiti terkemuka di Singapura, Hong Kong, China, Jepun, England, dan Amerika Syarikat. Bagi memperkasakan standard MUET di persada antarabangsa agar setara dengan IELTS oleh England dan TOEFL oleh Amerika Syarikat, MPM kini dalam proses menyejajarkan (*alignment*) MUET dengan CEFR melalui hubungan kolaboratif dengan *Cambridge English Language Assessment*, England. Dijangkakan MUET akan sejajar sepenuhnya dengan CEFR pada pertengahan tahun 2018.

Calon yang ingin menduduki ujian ini boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang *Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions* dan panduan pendaftaran serta yuran untuk menduduki MUET melalui portal MPM www.mpm.edu.my.

Pernyataan Dasar

Dasar baharu MUET yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah menetapkan *Band* minimum MUET yang perlu dicapai oleh pelajar bagi tujuan kemasukan dan pemerolehan ijazah mengikut kursus yang dipilih adalah seperti yang berikut:

| Kursus | Syarat Kemasukan | Syarat Memperoleh Ijazah |
|--|------------------|--------------------------|
| Pengajian Sastera dan Sains Sosial | 2 | 3 |
| Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) | 3 | 4 |
| Pengajian Undang-undang dan Perubatan | 3 | 5 |

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan Peraturan, Spesifikasi, dan Format Ujian bagi MUET dikeluarkan 18 bulan sebelum ujian.
- ii. Memastikan semua calon yang mendaftar dapat menduduki ujian.
- iii. Memastikan tarikh ujian dilaksanakan mengikut Kalendar Ujian tahun semasa yang dikeluarkan.
- iv. Memastikan keputusan MUET dikeluarkan dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir ujian.

Punca Kuasa

- Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] 1980
- Pemberitahuan MPM/3(AM)/99 bertarikh 10 Oktober 2014
- Ucapan Bajet Tahun 2015 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 10 Oktober 2017
- Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga pada 10 Oktober 2015





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 2



Sekolah Program

2

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BAB 2: SEKOLAH PROGRAM

Bab 2 memperincikan dasar sekolah-sekolah yang mengikuti program tertentu yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sekolah yang telah mengikuti program-program tersebut dikenali sebagai sekolah program. Terdapat pelbagai jenis sekolah program di KPM yang diketengahkan merangkumi pelbagai konsep untuk meningkatkan kualiti pendidikan di bawah seliaan KPM. Pada masa yang sama, terdapat juga sekolah program yang diperkenalkan untuk tujuan mencapai perpaduan kaum, sebagai contoh Sekolah Wawasan. Selain itu, terdapat juga sekolah program yang bertujuan untuk mencungkil dan menyetengahkan bakat murid, contohnya Sekolah Seni Malaysia dan Sekolah Sukan. Terdapat pelbagai lagi sekolah program yang mempunyai fungsi tertentu untuk memastikan hasrat PPPM 2013 - 2025 dapat dicapai dengan jayanya. Kesemua huraian terperinci tentang sekolah-sekolah program tersebut diperjelas dalam bab ini.



BAB 2: SEKOLAH PROGRAM

2.1 Sekolah Wawasan

Dasar

Sekolah Wawasan

Pengenalan

Sekolah Wawasan ialah gabungan ketiga-tiga sekolah, iaitu SK, SJKC & SJKT dalam satu kawasan. Di dalam kawasan ini, sekolah tersebut menggunakan segala kemudahan yang ada, contohnya padang, kantin dan sebagainya digunakan bersama-sama atau dikongsi bersama-sama.

Pembentukan Sekolah Wawasan ini tidak sesekali bertujuan mengubah pentadbiran dan sistem pembelajaran yang asal bagi setiap sekolah. Sekolah Wawasan mempunyai pentadbiran secara berasingan (mempunyai autoriti untuk mengurus peruntukan kewangan, perancangan sumber manusia dan pembangunan dan lain-lain) bagi setiap aliran. Setiap sekolah mempunyai nama dan logo sekolah, lagu sekolah dan sistem peperiksaan peringkat sekolah masing-masing.

Terdapat tiga orang guru besar berbeza dengan kumpulan guru dan juga kakitangan pentadbir yang berasingan. Sekolah Wawasan juga tetap menghormati bahasa dan kebudayaan etnik dan budaya sekolah masing-masing. Pelaksanaan Sekolah Wawasan selari dengan usaha mengekalkan identiti asal etnik di sekolah berkenaan.

Pewujudan sekolah ini mampu menjadi titian untuk mencapai matlamat penyatuan etnik yang terdapat di Malaysia untuk mencintai negara sepenuhnya. Sistem persekolahan ini memfokuskan kepada pemusatan etnik berjiwa Malaysia. Di sini terhimpun pelbagai ras dan agama.

Pernyataan Dasar

Sekolah Wawasan yang terdiri daripada gabungan ketiga-tiga sekolah, iaitu SK, SJKC & SJKT dalam satu kawasan bertanggungjawab mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid yang pelbagai bangsa dan latar belakang serta memupuk semangat integrasi antara pelajar daripada pelbagai kaum. Penubuhan sekolah ini juga dapat menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menempatkan beberapa buah sekolah yang berlainan aliran dalam satu kawasan, iaitu satu 'bumbung' tanpa mengira agama dan bangsa.
- ii. Pusat pentadbiran sekolah mengikut aliran masing-masing.
- iii. Sensitiviti semua kumpulan etnik diambil kira dalam pengurusan makanan, dan bayaran sewa diagihkan kepada sekolah-sekolah berdasarkan nisbah murid.
- iv. Menggalakkan aktiviti kokurikulum tambahan secara bersama-sama.
- v. Penggunaan bahasa pengantar sekolah masing-masing dibenarkan.

Punca Kuasa

- Idea Penubuhan Sekolah Wawasan telah dicernakan oleh Perdana Menteri dan diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1997

2.2 Sekolah Amanah

Dasar

Sekolah Amanah

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat agar ibu bapa, komuniti dan sektor swasta turut terlibat sebagai rakan dalam bidang pendidikan. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) di bawah Anjakan ke-9: Bekerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Secara Meluas telah mewujudkan Inisiatif 66: Peluasan Pelibatan Sektor Swasta bagi menggalakkan pelibatan rakan swasta dalam bidang pendidikan.


Pelibatan sektor swasta merujuk mana-mana syarikat swasta, kumpulan alumni, institut pendidikan tinggi, organisasi bukan kerajaan (NGO), pihak perseorangan atau yayasan yang menyumbang bantuan dari segi kewangan, kepakaran dan sumber-sumber lain bagi meningkatkan prestasi murid dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Pernyataan Dasar

Sekolah Amanah ialah sekolah di bawah KPM (sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan) yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, dan diurus secara usaha sama antara penaja berkeelayakan dengan KPM dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian untuk memanfaatkan kelebihan daya saing pelbagai pihak bagi menyampaikan pendidikan berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap.

Strategi Pelaksanaan

Rangka Kerja Program Sekolah Amanah adalah seperti pada gambar rajah di bawah:



- Menandatangani Perjanjian Usaha Sama Sektor Awam-Swasta (OMA) antara KPM selaku penyelia program bersama-sama pihak Penaja/ Yayasan.
- Menggariskan tempoh, autonomi yang diberikan kepada pihak penaja/yayasan, tanggungjawab dan akauntabiliti antara KPM dengan pihak penaja/yayasan dalam perjanjian.
- Memastikan pihak penaja/yayasan selaku pengoperasi program bertanggungjawab terhadap pencapaian Sasaran Prestasi Utama (*Key Performance Target*) semua Sekolah Amanah di bawah mereka dalam tempoh perjanjian yang telah ditetapkan.
- Melantik Pembekal Perkhidmatan Pendidikan selaku operator program oleh pihak penaja/yayasan, sekiranya perlu.

- v. Memastikan objektif Sekolah Amanah dan KPT tercapai.
- vi. Menyalurkan semua peruntukan mengurus kecuali gaji dalam bentuk geran kepada Sekolah Amanah oleh KPM.

Punca Kuasa

- 15 Disember 2009 - Kelulusan rangka kerja pengoperasian Program Sekolah Amanah dan autonomi semasa *3rd Education Delivery Task Force* (DTF) dan pelancarannya pada 10 Disember 2010 oleh YAB TPM Malaysia.
- 03 Januari 2011 - Perjanjian Usaha Sama Sektor Awam-Swasta bagi Pengoperasian Program Sekolah Amanah telah ditandatangani oleh KPM dan Yayasan AMIR (YA).

2.3 Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)

Dasar

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)

Pengenalan

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur merupakan satu inisiatif KPM terhadap keperluan meneruskan usaha memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur yang merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini. Inisiatif ini seiring dengan Dasar Pendidikan Alternatif, KPM.

SBJK mula beroperasi mulai 19 Ogos 2013 berdasarkan pelaksanaan Pendidikan Alternatif di bangunan lama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (JPWPKL), Jalan Raja Muda Abdul Aziz Kuala Lumpur.

Pernyataan Dasar


SBJK menyediakan akses pendidikan formal kepada kanak-kanak jalanan yang merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini agar mereka dapat berdikari dan tidak menjadi bebanan kepada masyarakat setempat serta negara pada masa hadapan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Penubuhan Jawatankuasa Bertindak SBJK yang melibatkan bahagian-bahagian di KPM. Perkara utama yang ditekankan oleh jawatankuasa ini ialah pengoperasian SBJK.
- ii. Menawarkan pendidikan dari prasekolah hingga tingkatan 5 dalam satu premis.
- iii. SBJK menerima murid warganegara Malaysia dalam peringkat persekolahan daripada prasekolah hingga menengah atas (berumur 5 hingga 19 tahun). Kategori kanak-kanak yang diterima masuk ke SBJK ialah:
 - a) kanak-kanak jalanan;
 - b) kanak-kanak terpinggir;
 - c) kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri; dan
 - d) kanak-kanak yatim piatu yang tinggal di bawah pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iv. Kurikulum yang digunakan di SBJK ialah kurikulum kebangsaan yang diubah suai. Pengubahsuaian ini dilakukan untuk menyesuaikan murid dengan persekitaran dan budaya persekolahan serta dapat menarik minat murid datang ke sekolah. Murid

SBJK tidak diwajibkan memakai pakaian seragam sekolah dan merujuk peraturan pengurusan SBJK dari semasa ke semasa.

- v. Kurikulum yang dilaksanakan di SBJK mengikut Model Pendidikan SBJK, dan terdapat tiga laluan murid yang mengikut tahap pencapaian masing-masing tanpa mengikut umur setelah menjalani ujian saringan. Laluan tersebut adalah seperti yang berikut:
- Laluan 1 – Modul Asas menggunakan model LINUS (asas membaca, menulis dan mengira).
 - Laluan 2 – Modul Asas Akademik (Mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral).
 - Laluan 3 – Modul Pendidikan Asas Vokasional (PAV)



- Menyediakan Ujian Diagnostik untuk melihat tahap kesediaan belajar murid daripada aspek kesediaan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Ujian kesediaan belajar yang ditadbir melalui kaedah temu bual berfokus dan soal selidik yang mengkaji kebolehan dan kesediaan murid melalui proses PdP daripada aspek kognitif, afektif dan psikomotor.
- Mata pelajaran yang menjadi teras di SBJK ialah Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Kesihatan di samping Reka Bentuk Teknologi, Teknologi Maklumat Komunikasi, Sejarah dan Pendidikan Kemahiran Vokasional (peringkat menengah). Selain itu, Bimbingan Bakat menjadi penyubur nilai, jati diri, bakat dan kepimpinan murid serta berfokuskan kepada pengetahuan, kemahiran, nilai, akidah dan kekeluargaan.
- Mengguna pakai kaedah pengajaran pelbagai (*multigred*) dengan menggabungkan lebih daripada satu kumpulan murid dalam gred yang berbeza dengan masa pembelajaran murid dilaksanakan secara fleksibel, terancang dan mengikut keperluan dan minat murid.

- ix. Mengurus selia semua bantuan yang diterima oleh SBJK serta memperkukuh penyertaan ibu bapa, masyarakat dan pemegang taruh, agensi kerajaan lain dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui perkongsian pintar bagi memberikan pendidikan murid di SBJK.

Punca Kuasa

- 22 Jun 2010 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-194
- 10 November 2011 - Mesyuarat Profesional KPM Bil. 25/2011
- 23 Mei 2012 - Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 8/2012
- 23 Mei 2012 - Mesyuarat Pascakabinet Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 09/2012

2.4 Sekolah Model Khas Komprehensif K9

Dasar

Sekolah Model Khas Komprehensif K9

Pengenalan

Pelan transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pedalaman telah mengenal pasti salah satu kaedah untuk meningkatkan enrolmen murid orang asli dan pedalaman dalam pendidikan menengah adalah dengan mengadakan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) di kawasan terpencil bagi mengatasi keciciran pada peringkat transisi pendidikan rendah ke pendidikan menengah.

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang pertama telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, pada 08 September 2007 di Sekolah Kebangsaan Bandar 2, Paloh Hinai, di Daerah Pekan, Pahang. Pengoperasian secara rintis bermula pada tahun 2008 dengan pengambilan murid Tingkatan Satu. Sehingga 2017, bagi pengoperasian K9, terdapat lapan buah sekolah yang sedang beroperasi.

Pernyataan Dasar

Sekolah Model Khas Komprehensif K9 bertujuan menangani isu keciciran murid sewaktu transisi dari tahun enam ke tingkatan satu serta memastikan kemudahan Sekolah Kurang Murid (SKM) digunakan secara optimum selain dapat menjimatkan kos perbelanjaan membina sebuah sekolah menengah yang baharu.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengoperasikan Sekolah Model Khas Komprehensif K9 secara rintis pada tahun 2008.
- ii. Memperluas Sekolah Model Khas Komprehensif K9 ke Sarawak di SK Long Bedian, Baram untuk murid kaum Penan pada tahun 2012.
- iii. Memilih sekolah untuk peluasan program ini berdasarkan dua kriteria utama, iaitu sekolah rendah di kawasan luar bandar atau terpencil dan jarak ke sekolah menengah terlalu jauh dengan tempat tinggal murid Orang Asli/Penan/Peribumi.
- iv. Menawarkan pendidikan dari tahun 1 hingga tingkatan 3 dalam satu premis (Sembilan tahun).
- v. Menempatkan Murid Orang Asli/Penan/Peribumi yang berjauhan dari tempat tinggal di asrama.

vi. Membuat permohonan bagi sekolah baharu yang dicadangkan untuk pengoperasian Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang dirasakan bersesuaian oleh pihak sekolah melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Punca Kuasa

- 08 September 2007 – Perasmian Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Sekolah Kebangsaan Bandar 2, Paloh Hinai di daerah Pekan, Pahang.

2.5 Sekolah Model Khas

Dasar

Sekolah Model Khas

Pengenalan

Sekolah Model Khas ialah sekolah yang menggabungkan pendidikan rendah dan menengah di bawah satu bumbung. Pendidikan rendah yang dimaksudkan adalah di peringkat Tahap II, iaitu Tahun 4, 5 dan 6, manakala pendidikan menengah pula adalah dari Tingkatan 1 hingga 5 di bawah pentadbiran pengetua sekolah menengah.

Konsep program Sekolah Model Khas diperkenalkan pada tahun 1995 apabila Yayasan Pembangunan Pendidikan Daerah Baling (YPPDP), Kedah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membina sebuah sekolah baharu di daerah Baling. KPM telah mencadangkan sebuah sekolah yang mempunyai konsep yang berbeza daripada sekolah biasa, yang menyediakan kemudahan fizikal dan suasana pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang kondusif bagi mengatasi kemunduran pendidikan di daerah tersebut.

Program rintis telah dilaksanakan di dua buah sekolah menengah di Pahang, iaitu Sekolah Model Khas Clifford, Kuala Lipis (1997) dan sekolah Model Khas Seri Pekan (1998). Projek Sekolah Model Khas di negeri Pahang dinamakan projek Sekolah Indera Syahbandar Pahang (SISP). Kini, jumlah keseluruhan sekolah model khas sebanyak 11 buah berada di sekitar negeri Pahang, Perak, Selangor, Kedah dan Negeri Sembilan.

Pernyataan Dasar

Sekolah Model Khas ialah penggabungan pendidikan rendah dan menengah di bawah satu bumbung di peringkat Tahap II, (Tahun 4, 5 dan 6), dan dari Tingkatan 1 hingga 5 di bawah pentadbiran pengetua sekolah menengah yang dapat meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan kepada murid miskin yang berpotensi khususnya di kawasan luar bandar.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan Sekolah Model Khas melalui pemilihan daerah, iaitu daerah miskin di luar bandar yang mempunyai sekurang-kurangnya dua buah sekolah menengah.
- ii. Menentukan sekolah sedia ada perlulah dalam kalangan Sekolah Menengah Gred A yang mempunyai sekurang-kurangnya 24 bilik darjah berserta kemudahan asas dan fizikal yang diperakukan dalam brief piawai, kemudahan surau, asrama dan rumah guru. Sekolah tersebut perlu juga mempunyai ruang tapak yang luas bagi menyediakan kemudahan tambahan. Sekolah tersebut adalah yang belum mempunyai apa-apa program khas daripada JPN dan KPM. Bilangan murid maksimum ialah 30 orang bagi satu kelas.

- iii. Memilih murid daripada keluarga miskin, iaitu yang berpendapatan di bawah RM1500 bagi sekolah rendah. Murid tersebut perlulah lulus cemerlang dalam Ujian Pemilihan Khas bagi kemasukan tahap II dan peperiksaan akhir di Tahun 3. Setiap daerah perlu mewakili sekurang-kurangnya seorang murid bagi setiap sekolah dalam daerah itu. Murid itu juga perlu mendapat sokongan guru besar/PPD.
- iv. Memilih murid daripada keluarga miskin dan termiskin, iaitu pendapatan di bawah RM1500 bagi sekolah menengah. Peluang ini juga terbuka bagi murid yang lulus cemerlang di dalam UPSR bagi kemasukan ke tingkatan 1, tetapi tidak berjaya mendapat tempat di asrama penuh. Setiap daerah perlu mewakili sekurang-kurangnya seorang murid bagi setiap sekolah dalam daerah itu. Murid itu juga perlu mendapat sokongan guru besar/PPD.

Punca Kuasa

- Seksyen 28 dan 31 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- 17 Julai 1996 - Kelulusan Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri
- 28 Mei 1997 - Mesyuarat pengurusan KPM
- 23 Jun 1997 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-136

2.6 Sekolah Berasrama Penuh

Dasar

Sekolah Berasrama Penuh (SBP)

Pengenalan

Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru telah memberi penekanan kepada keperluan tenaga kerja dalam bidang sains dan teknologi. Dasar ini telah dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Kedua (1975 – 1980) dan memberi penekanan kepada perkembangan sekolah berasrama penuh (SBP).

SBP diwujudkan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif bagi mengembangkan potensi murid yang cemerlang ke arah melahirkan modal insan berkualiti.

SBP memainkan peranan penting bagi mengembangkan tunas bakat terbaik negara dan mendemokrasikan pendidikan berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat Malaysia. SBP menjana bakat yang sepadan dengan cabaran global.

Penyata Razak 1956 mengesyorkan enam buah SBP dibina. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- i. Sekolah Dato' Abdul Razak (1956);
- ii. Sekolah Tun Fatimah (1956);
- iii. Sekolah Tuanku Abdul Rahman (1957);
- iv. Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (1963);
- v. Sekolah Alam Shah (SAS) kini dikenali sebagai Sekolah Sultan Alam Shah (1963); dan
- vi. Sekolah Menengah Perempuan, Jalan Kolam Ayer kini dikenali sebagai Sekolah Seri Puteri (1968).

Sejumlah 69 buah SBP beroperasi di seluruh negara sehingga tahun 2017.

Pernyataan Dasar

SBP diwujudkan bertujuan meningkatkan keterampilan, daya saing dan kepimpinan murid ke arah melahirkan modal insan berkualiti, menyediakan 70 peratus tempat kepada murid luar bandar dan murid daripada keluarga isi rumah B40¹ dari seluruh negara, dan meningkatkan bilangan murid bumiputera yang layak meneruskan pengajian dalam bidang profesional serta membentuk watak sekolah yang boleh dijadikan penandaarasan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mempraktikkan sistem pengurusan dan kepimpinan berkesan dalam kalangan guru di SBP.
- ii. Mewujudkan program kepemimpinan murid SBP yang mapan.
- iii. Menyediakan bantuan pendidikan kepada murid daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah.
- iv. Menaik taraf infrastruktur SBP sedia ada bagi mempertingkatkan suasana kondusif sekolah.
- v. Menawarkan mata pelajaran elektif dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Bahasa, Pengajian Islam, Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas bagi memenuhi keperluan murid.
- vi. Menawarkan mata pelajaran Bahasa Antarabangsa bagi mempertingkatkan kemahiran berbahasa.
- vii. Memperluas program jaringan dan jalinan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Punca Kuasa

- Penyata Razak 1956

1. Isi rumah B40 merujuk isi rumah berpendapatan sehingga RM3,855 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

2.7 Sekolah Menengah Teknik

Dasar

Sekolah Menengah Teknik

Pengenalan

Sekolah Menengah Teknik (SMT) menawarkan pendidikan di peringkat menengah atas, iaitu tingkatan empat dan tingkatan lima kepada murid yang cenderung dalam bidang sains dan teknologi. Setelah tamat pengajian di SMT, murid berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta.

Pernyataan Dasar

Sekolah Menengah Teknik adalah untuk membolehkan murid menyambung pengajian dalam bidang sains dan teknologi bagi melahirkan tenaga kerja profesional.

Strategi Pelaksanaan

- i. Murid mengikuti pembelajaran dalam salah satu aliran teknikal:
 - a) Kejuruteraan Mekanikal
 - b) Kejuruteraan Elektrik
 - c) Kejuruteraan Awam
 - d) Perdagangan
 - e) Sains Pertanian
- ii. Murid mengikuti Kurikulum Kebangsaan mengandungi kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua aspek pengetahuan dan kemahiran.
- iii. Pada akhir tahun pengajian, murid mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
- iv. Memberi peluang kepada pelajar untuk bekerja dalam bidang teknikal dan sains.
- v. Memperkukuh strategi melalui *Public-Private Partnership* (PPP) dan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bagi meningkatkan peluang untuk pelajar melanjutkan Pelajaran.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025
- 20 Disember 2010 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-195

2.8 Kolej Vokasional

Dasar

Kolej Vokasional

Pengenalan

Penjenamaan sekolah menengah vokasional kepada Kolej Vokasional (KV) bermula tahun 2012 dengan pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional. KV merupakan institusi pendidikan dan latihan vokasional pascamenengah yang melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) untuk membentuk modal insan bersahsiah, berilmu dan berkemahiran tinggi.

KV dibangunkan dalam konteks matlamat umum sistem pendidikan kebangsaan untuk membentuk modal insan bersahsiah, berilmu dan berkemahiran tinggi dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Takrifan Kolej Vokasional (KV) dalam Akta Pendidikan 1996 (pindaan) 2014 adalah suatu institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri di bawah seksyen 33A. KV memberi ruang kepada murid lepasan menengah rendah terpilih untuk mengikuti TVET hingga ke peringkat Diploma.

Pernyataan Dasar

KV dijenamakan dengan tujuan memastikan murid yang berminat dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (PLTV) terus berada dalam sistem persekolahan. KV juga dapat melahirkan lepasan KV yang memiliki Diploma atau sijil atau apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan atau antarabangsa. Selain itu, lepasan KV dapat memenuhi keperluan pasaran kerja berkemahiran tinggi dan berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyasarkan murid lepasan menengah rendah untuk mengikuti TVET hingga ke peringkat Diploma.
- ii. Menawarkan dua program utama, iaitu program Diploma dan Program Sijil serta Sijil Kemahiran.
- iii. Menggunakan pakai Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bagi pelaksanaan Program Diploma secara sistem semester.
- iv. Menjalani latihan industri pada akhir pengajian bagi memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan.
- v. Memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM) daripada Lembaga Peperiksaan selepas dua tahun pengajian bagi murid yang berkelayakan.
- vi. Mendapat pengiktirafan bagi SVM daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai kelayakan untuk bekerja di sektor awam, dan diguna pakai sebagai syarat kemasukan ke program Diploma.
- vii. Menganugerahkan Diploma kepada murid pada tahun akhir pengajian berserta kelayakan kemahiran yang setara oleh Senat Kolej Vokasional.

Diploma dianugerahkan oleh Senat Kolej Vokasional pada tahun akhir pengajian serta kelayakan kemahiran yang setara.
- viii. Mengorientasi pembelajaran KV sebagai pembelajaran berasaskan kerja dan latihan dalam kerja atau *on-job-training* (OJT).

Orientasi pembelajaran pelajar KV ialah pembelajaran berasaskan kerja dan latihan dalam kerja atau *on-the-job training* (OJT).

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Senat Kolej Vokasional)
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- 20 Disember 2010 - Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-195

2.9 Sekolah Pendidikan Khas

Dasar

Sekolah Pendidikan Khas

Pengenalan

Sekolah Pendidikan Khas (SPK) ialah sekolah yang menyediakan pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan, iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.

Berdasarkan data sehingga tahun 2017, terdapat 28 buah sekolah kebangsaan pendidikan khas, empat buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional dan dua buah sekolah menengah pendidikan khas di seluruh negara.

Pernyataan Dasar

Sekolah Pendidikan Khas (SPK) memberi peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mendapat akses pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing agar dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan, menyebarkan dan memantau pelaksanaan dasar pendidikan khas.
- ii. Menyediakan akses pendidikan yang berkualiti, relevan dan sesuai untuk MBK.
- iii. Merancang dan melaksanakan pembinaan SPK baharu atau gantian penuh.
- iv. Melaksanakan intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas di peringkat prasekolah atau perkhidmatan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK).
- v. Menyediakan peluang yang sama kepada MBK yang berpotensi untuk cemerlang dalam bidang akademik.
- vi. Menyediakan lebih banyak peluang kepada MBK yang cenderung dalam bidang kemahiran dan vokasional.
- vii. Merancang program peningkatan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP).
- viii. Menyediakan bahan PdP yang mencukupi, terkini serta sesuai dengan keupayaan dan keperluan MBK.
- ix. Menyediakan perkhidmatan sokongan dan peralatan *augmentative* dan *assistive* bagi memenuhi keperluan MBK.
- x. Menyelaras pelaksanaan pentaksiran MBK.
- xi. Memastikan bilangan guru mencukupi, terlatih dan berkemahiran dalam bidang pendidikan khas.
- xii. Meningkatkan kompetensi kepimpinan instruksional dalam kalangan guru dan pemimpin di sekolah.
- xiii. Menilai pelaksanaan PdP termasuk Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi MBK.
- xiv. Memantau dan menilai pelaksanaan program pendidikan khas di SPK secara berterusan.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Peraturan-Peraturan Pendidikan [Pendidikan Khas (2013)]
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025
- Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas 2015

2.10 Sekolah Seni Malaysia

Dasar

Sekolah Seni Malaysia

| | |
|----------------------|---|
| Pengenalan | Penubuhan Sekolah Seni Malaysia (SSEM) merupakan salah satu usaha untuk membangunkan potensi individu secara seimbang dan bersepadu melalui pendidikan kesenian yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik. |
| Pernyataan Dasar | SSEM berfungsi sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kesenian dan kebudayaan bagi melahirkan ilmuan yang berbudaya dan budayawan yang berilmu. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Menambah bilangan SSEM bagi menampung penambahan bilangan murid yang berbakat dan berminat dalam bidang kesenian.Memperluas penyertaan murid SSEM dalam pertandingan dan persembahan kesenian dan kebudayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.Menjalinkan rangkaian rakan seni, kerjasama dan perkongsian pintar dalam bidang kesenian serta kebudayaan dengan Sekolah Seni atau IPT di dalam negara dan di luar negara.Meningkatkan pencapaian murid bagi kesemua bidang kesenian di peringkat PT3 dan SPM.Mempelbagaikan kaedah pelantikan jurulatih bidang kesenian bagi memastikan SSEM mendapat khidmat kepakaran dalam bidang kesenian secara <i>optimum</i>.Menyediakan insentif kepada murid dan guru/jurulatih bidang kesenian.Melaksanakan mata pelajaran khusus dalam bidang kesenian.Melaksanakan pemberatan bidang kesenian sebanyak 60 peratus, manakala akademik pula sebanyak 40 peratus.Melaksanakan Penilaian Berasaskan Sekolah (<i>School Based Assessment</i>) bagi mata pelajaran bidang kesenian berdasarkan Indikator Prestasi Standard [<i>Standard Performance Indicator</i> (SPI)].Menyediakan kemudahan infrastruktur dan peralatan seni yang mencukupi untuk pembangunan murid. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997Dasar Kebudayaan Kebangsaan 197124 November 2006: Mesyuarat Hal-hal Profesional Kementerian Pelajaran Bil. 09/200627 Disember 2007: Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 20/200717 Disember 2015: Mesyuarat Hal-hal Profesional KPM Bil. 39/201521 Januari 2016: Mesyuarat Hal-hal Profesional KPM Bil. 3/2016 |

2.11 Sekolah Sukan

Dasar

Sekolah Sukan

Pengenalan

Sukan memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan imej negara bangsa. Pencapaian cemerlang atlet dalam arena sukan di peringkat antarabangsa menjadi lambang kepada kecemerlangan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi penekanan secara holistik terhadap peranan sukan di peringkat akar umbi, iaitu sekolah adalah untuk memupuk integrasi nasional dan melahirkan atlet murid bertaraf dunia. Selaras dengan Dasar Sukan Negara, Sekolah Sukan menggalas tanggungjawab yang penting untuk meningkatkan pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa. Sekolah Sukan dikategorikan sebagai sekolah berasrama penuh yang menyediakan pendidikan bagi atlet murid yang cemerlang dalam bidang sukan.

Pernyataan Dasar

Sekolah Sukan diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, pengalaman dan kemahiran atlet murid dalam bidang sukan tanpa mengabaikan pencapaian akademik ke arah melahirkan atlet murid bertaraf dunia.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan program pembangunan sukan yang berstruktur serta terancang untuk jangka pendek dan jangka panjang.
- ii. Menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran Sekolah Sukan di Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan bagi melahirkan atlet murid berkualiti.
- iii. Menjalinkan kerjasama antara Sekolah Sukan dengan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan persatuan sukan kebangsaan di dalam negara dan di luar negara.
- iv. Mengenal pasti dan menempatkan tenaga pakar yang berpengalaman dan bertauliah dalam bidang sukan untuk berkhidmat di Sekolah Sukan.
- v. Memilih atlet murid ke Sekolah Sukan melalui Program Mengenal Pasti Bakat (TID) yang standard dan melalui pencalonan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara.
- vi. Menyediakan program jadual persekolahan yang fleksibel untuk Sekolah Sukan.
- vii. Menyediakan program latihan kepada atlet murid sebagai persediaan untuk menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa.
- viii. Memperluas penyertaan dan memperbanyak pengelolaan pertandingan sukan di peringkat Sekolah Sukan sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Punca Kuasa

- Rancangan Malaysia ke-5 (1991-1995)
- 30 Jun 2005: Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan JKPS

2.12 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Dasar

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Pengenalan

Pada tahun 1977 sebanyak 11 sekolah agama rakyat telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan dijadikan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

SMKA ialah sekolah kawalan berasrama yang melaksanakan dwikurikulum, iaitu kurikulum akademik dan kurikulum agama secara bersepadu.

Pendidikan di SMKA merupakan usaha melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, cemerlang, berakhlak mulia, bertaqwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada diri, agama, ummah dan negara. Sekolah agama ini ditubuhkan adalah untuk memenuhi permintaan ibu bapa terhadap pendidikan agama dan bahasa Arab.

Pernyataan Dasar

SMKA diwujudkan bertujuan untuk memastikan pengambilan murid ke SMKA adalah dalam kalangan murid tempatan yang mencapai kelayakan cemerlang, dan boleh membaca dan menulis jawi serta membaca al-Quran dengan baik dan lancar, di samping memastikan sekolah agama KPM sebagai institusi pendidikan agama terbaik yang menawarkan pelbagai program Pendidikan Islam berkualiti dan terancang ke arah melahirkan profesional dan teknokrat yang beragama (*mutadayyin*), dan ulamak yang berwibawa.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menambah bilangan SMKA bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sekolah agama.
- ii. Menambah baik kemudahan fizikal dan prasarana sedia ada.
- iii. Mewujudkan iklim dini kondusif untuk memberangsangkan pembinaan sahsiah unggul murid yang berilmu dan beramal dengan ilmu tersebut.
- iv. Meningkatkan kecemerlangan SMKA dalam bidang pengajian.
- v. Menambah bilangan SMKA yang diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi.
- vi. Menambah baik pakej mata pelajaran sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa dan negara.
- vii. Mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme guru Pendidikan Islam, guru tahfiz dan bahasa Arab melalui kepakaran yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
- viii. Merancang dan melaksanakan program dakwah dan kepimpinan serta pengukuhan nilai kepada semua warga sekolah yang beragama Islam.
- ix. Menyediakan bahan bantu mengajar Pendidikan Islam, bahasa Arab dan tulisan Jawi yang mencukupi, berkesan serta menepati keperluan dan perkembangan semasa.
- x. Mewujudkan mekanisme penguatkuasaan, pemantauan dan penyeliaan secara sistematik, berterusan dan berkesan terhadap pelaksanaan dasar Pendidikan Islam dan bahasa Arab.
- xi. Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran sekolah agama KPM.

- xii. Melaksanakan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) berasaskan garis panduan pelaksanaan yang ditetapkan.
- xiii. Merancang, mengurus dan menyelaras pelaksanaan pakej mata pelajaran di SMKA untuk dilaksanakan di sekolah menengah harian yang melaksanakan Kelas Aliran Agama (KAA).

Punca Kuasa

- Keputusan Mesyuarat Kabinet Tahun 1975





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 3



Program Kurikulum dan Kokurikulum

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

3



BAB 3: PROGRAM KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

Bab 3 menerangkan dasar program kurikulum dan program kokurikulum yang disediakan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan lebih terperinci. KPM menyediakan program kurikulum dan kokurikulum khusus untuk murid bermula daripada peringkat sekolah rendah, menengah sehinggalah peringkat lepasan menengah. Program yang dirancang bertujuan untuk memperkukuh kemenjadian murid secara holistik. Melalui program kementerian, diharapkan murid bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga cemerlang dalam aspek sahsiah, kesihatan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran berfikir.



BAB 3: PROGRAM KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

3.1 Program Kurikulum

3.1.1 Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Dasar

Memartabatkan Bahasa Malaysia (BM) Memperkukuh Bahasa Inggeris (BI) (MBMMBI)

Pengenalan

MBMMBI memfokuskan usaha memartabatkan BM dan memperkukuh BI bagi melahirkan masyarakat yang mampu berkomunikasi dengan berkesan, bersatu padu serta dapat menjana daya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan dasar MBMMBI akan bermula dengan Tahun Satu pada tahun 2011, manakala bagi Tahun Empat, Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat adalah pada tahun 2012. Perubahan dasar kepada MBMMBI akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010.

Pernyataan Dasar

MBMMBI bertujuan untuk membentuk masyarakat yang menguasai BM dan BI dalam sistem pendidikan negara.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mentransformasikan Kurikulum BM dan BI.
- ii. Memantapkan Kompetensi Guru BM dan BI.
- iii. Menempatkan guru BM dan BI mengikut opsyen.
- iv. Menggunakan khidmat pakar, perunding dan pembantu guru.
- v. Memperluas penggunaan bahan dan TMK dalam PdP bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- vi. Memperluas publisiti dan kempen pengukuhan bahasa.
- vii. Meningkatkan penyertaan murid dalam aktiviti bahasa di luar bilik darjah.
- viii. Melaksanakan penaksiran dan pelaporan keperihalan pencapaian murid. (Selepas semakan semula pada tahun 2015 terdapat sembilan Strategi Pelaksanaan)

Punca Kuasa

- 08 Julai 2009: Keputusan Jemaah Menteri - Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) menggantikan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

3.1.2 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu

Dasar

Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu

Pengenalan

Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu ini bertujuan untuk melonjakkan pemerolehan dan kompetensi bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan.

Pernyataan Dasar

Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu bertujuan memartabatkan pendidikan bahasa Melayu melalui perancangan strategik dan pedagogi berkesan di bilik darjah.

Strategi Pelaksanaan

Matlamat inisiatif ini dapat dicapai melalui program yang sedang dilaksanakan, iaitu:

- i. Menyediakan Kerangka Standard Bahasa Melayu
 - Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dibangunkan sebagai satu standard bahasa untuk menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Standard bahasa ini dijadikan rujukan bagi pengguna bahasa Melayu dalam semua bidang.
- ii. Menyediakan Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu
 - Kerangka ini dijadikan sebagai garis panduan dalam pembinaan diri guru dan kursus-kursus peningkatan profesionalisme yang perlu diikuti oleh guru.
- iii. Menyediakan Dokumen Hala Tuju Pendidikan BM
 - Dokumen ini menyatakan hala tuju pendidikan bahasa Melayu 2017-2025
- iv. Menyediakan Penaksiran Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) SPM
 - Ujian Lisan Bahasa Melayu merupakan struktur penilaian yang ditambah baik dengan memberikan tumpuan kepada penguasaan bahasa Melayu yang lebih menyeluruh dalam kalangan murid.
- v. Menyediakan dan melaksanakan bimbingan bagi penggunaan Kit Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) SM, SK, SJK
 - Kit PIKeBM merupakan satu strategi untuk meningkatkan kemahiran lisan bahasa Melayu melalui aktiviti kokurikulum di sekolah.
- vi. Meningkatkan kemahiran guru bahasa Melayu Tahap 1 - 4 melalui Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) dengan menggunakan Modul Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu
 - Peningkatan kemahiran ini berfokus kepada guru bahasa Melayu bukan opsyen yang mendapat tahap 1-4 dalam UKBM. Guru-guru yang berkaitan diberikan kursus yang menjurus kepada aspek pedagogi dan empat kemahiran berbahasa.
- vii. Meningkatkan kemahiran guru bahasa Melayu di sekolah yang melaksanakan DLP dengan menggunakan Modul Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu secara dalam talian dan secara bersemuka.
 - Program ini menyediakan kursus peningkatan pedagogi kepada guru bahasa Melayu yang sekolah mereka melaksanakan DLP. Kursus yang disediakan adalah secara dalam talian dan secara bersemuka.
- viii. Meningkatkan kemahiran pedagogi Kesusasteraan Melayu
 - Program ini menyediakan pedagogi alternatif Kesusasteraan Melayu berdasarkan genre yang diajarkan di sekolah. Pedagogi alternatif ini adalah untuk menjadikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu lebih menarik dan lebih bermakna, memberikan nilai ekonomi kepada Kesusasteraan Melayu dan mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu secara realistik dan kontekstual.

- ix. Meningkatkan profesionalisme guru BM untuk Sekolah Orang Asli, SKM, Sekolah *Band 5*, GPMP BM 6.0 ke atas dengan menggunakan Modul Peningkatan Profesionalisme Guru BM
 - Program ini memberikan tumpuan kepada pedagogi khusus untuk Sekolah Orang Asli, SKM, Sekolah *Band 5*, dan sekolah GPMP BM 6.0 ke atas. Modul yang dirangka memberikan tumpuan kepada teknik berkesan bagi meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan kemahiran berbahasa.
- x. Melaksanakan Program Bijak BM (PBBM)
 - Program ini memberikan tumpuan kepada 200 buah sekolah hotspot untuk mengatasi masalah penguasaan asas berbahasa dalam kalangan murid. Untuk mencapai hasrat ini, guru-guru di sekolah yang berkaitan diberikan kursus pedagogi mikro berkaitan dengan bidang tumpuan.

Punca Kuasa

- 15 September 2016: Mesyuarat Profesional KPM BI. 28/2016
- 26 September 2016: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) KPM ke-211/2016

3.1.3 *Highly Immersive Programme (HIP)*

Dasar

Highly Immersive Programme (HIP)

Pengenalan

HIP ialah inisiatif bahasa Inggeris yang diperkenalkan di bawah dasar MBMMBI dan menyokong lima anjakan dalam dokumen PPPM 2013-2025. Program ini melibatkan semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. HIP menggunakan konsep *Whole School Approach*, iaitu pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa serta komuniti bersama-sama bagi meningkatkan prestasi bahasa Inggeris. HIP juga menggalakkan sekolah menjalin kerjasama dengan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti bahasa Inggeris di sekolah.

Pelaksanaan HIP telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada pembentangan bajet 2016 bertarikh 23 Oktober 2016.

Pernyataan Dasar

HIP berperanan mewujudkan satu persekitaran *immersive* bahasa Inggeris di sekolah dengan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Strategi Pelaksanaan

Pelaksanaan HIP di semua sekolah rendah dan menengah KPM adalah bagi perkara yang berikut, iaitu:

- i. Melaksanakan Aktiviti di dalam Kelas
 - Guru bahasa Inggeris bertanggungjawab terhadap aktiviti di dalam kelas. Aktiviti ini merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan melibatkan semua murid. HIP memberi nilai tambah bagi memperkukuh pengajaran dan pembelajaran sedia ada di dalam kelas. Pembelajaran kritis serta kreatif diutamakan dan interaksi murid dalam bahasa Inggeris diberi penekanan dalam semua aktiviti. Guru perlu mewujudkan persekitaran yang seronok dan *non-threatening* yang menggalakkan pertuturan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Guru juga digalakkan untuk melaksanakan aktiviti yang mencabar menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). HIP menggalakkan perkongsian amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru.

- ii. Melaksanakan Aktiviti di Luar Kelas
 - Aktiviti di luar kelas ialah aktiviti sokongan bahasa Inggeris yang dijalankan di luar kelas. Aktiviti di luar kelas melibatkan guru daripada semua mata pelajaran selain guru bahasa Inggeris merupakan nilai tambah bagi HIP. Semua murid harus terlibat daripada semua tahap. Suasana yang kondusif perlu diwujudkan agar murid tidak segan untuk menggunakan bahasa Inggeris. Suasana yang kaya dengan bahan bahasa Inggeris seperti visual, auditori dan kinestetik perlu diwujudkan untuk mengambil kira minat dan kebolehan murid yang berbeza. Pelbagai bentuk insentif termasuk sijil boleh ditawarkan sebagai tanda penghargaan pelibatan murid.
- iii. Melaksanakan Aktiviti Kelas Bimbingan
 - Aktiviti kelas bimbingan merupakan aktiviti pengukuhan dan pemulihan bahasa Inggeris yang menerapkan aktiviti didik hibur (*fun learning*) yang berpusatkan murid (*Learner-Centredness*). Aktiviti ini dilaksanakan dalam masa tambahan selepas waktu sekolah dan menyokong murid dalam pembelajaran bahasa Inggeris di dalam kelas. HIP menggalakkan pelibatan guru bahasa Inggeris bersama-sama guru mata pelajaran lain, murid yang lebih berkebolehan (*peer learning*) serta pihak ibu bapa bagi melaksanakan aktiviti kelas bimbingan.
- iv. Melaksanakan Aktiviti Gerak Jangkau (*Outreach*)
 - Sekolah hendaklah mengadakan aktiviti gerak jangkau (*Outreach*) sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Gerak jangkau ialah aktiviti sokongan bahasa Inggeris yang boleh melibatkan ibu bapa serta masyarakat. Masyarakat bermaksud badan kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta serta alumni yang boleh menyumbang dalam bentuk kepakaran, masa atau sokongan. Gerak jangkau antara sekolah juga digalakkan. Bagi mewujudkan kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan, sekolah perlu merujuk dokumen Sarana Sekolah serta garis panduan *Public Private Partnership* (PPP) yang disediakan.

Punca Kuasa

- 19 Oktober 2015: Kelulusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)
- 25 Februari 2016: Mesyuarat Profesional KPM Bil. 07/2016

3.1.4 Dual Language Programme (DLP)

Dasar

Dual Language Programme (DLP)

Pengenalan

DLP ialah program yang diperkenalkan di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah yang memenuhi kriteria tertentu untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya selain bahasa Melayu bagi mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang ditetapkan oleh KPM.

DLP dibangunkan hasil daripada keputusan Makmal Bahasa Inggeris yang telah dianjurkan oleh KPM dan diuruskan oleh pihak PADU dan PEMANDU atas arahan Majlis Ekonomi dengan tujuan untuk membangunkan sebuah pelan radikal yang dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di Malaysia.

Pernyataan Dasar

DLP berperanan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui peningkatan masa pendedahan kepada bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Strategi Pelaksanaan

- i. Semua sekolah di bawah KPM boleh menyertai DLP sekiranya memenuhi keempat-empat kriteria yang telah ditetapkan, iaitu:
 - a) sumber yang mencukupi;
 - b) kesediaan sekolah;
 - c) sokongan ibu bapa; dan
 - d) pencapaian sekolah dalam bahasa Melayu menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata bahasa Melayu peringkat kebangsaan.

Punca Kuasa

- 23 Oktober 2015: Pengumuman Pelaksanaan DLP di sekolah tertentu oleh YAB Perdana Menteri Malaysia
- Surat Siaran KPM Bil. 18 Tahun 2015

3.1.5 Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

Dasar

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

Pengenalan

PPKBIS memberi tumpuan kepada 1,191 sekolah hotspot dalam negara, iaitu sekolah yang mencapai peratus lulus di bawah 77 peratus bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) dalam peperiksaan SPM. Latihan PPKBIS menasaskan pegawai SISC+ bahasa Inggeris sekolah menengah dan juga guru bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah menengah.

Pernyataan Dasar

PPKBIS memberi tumpuan kepada meningkatkan kemahiran murid menengah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) terutamanya bagi meningkatkan peratus lulus BI sekolah *hotspot* pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan PPKBIS melalui latihan *School Support Plan* yang melibatkan pensyarah ELTC serta pegawai SISC+ bahasa Inggeris sekolah menengah di setiap negeri. Terdapat dua pendekatan yang digunakan, iaitu:
 - a) Pendekatan pertama adalah menggunakan kaedah "*direct approach*", iaitu sokongan diberikan secara langsung oleh pensyarah ELTC melalui Bengkel *School Support Plan* Fasa 1 & 2 kepada guru bahasa Inggeris terpilih dari sekolah *hotspot* di seluruh negara.
 - b) Pendekatan kedua adalah melalui lawatan sokongan oleh pegawai SISC+ bahasa Inggeris sekolah menengah kepada guru bahasa Inggeris di sekolah *hotspot* di seluruh negara.

- ii. Melaksanakan bengkel yang dijalankan di bawah *School Support Plan* bagi membolehkan ELTC memberi sokongan secara langsung kepada guru bahasa Inggeris di sekolah menengah agar mereka berupaya membantu meningkatkan prestasi murid secara berterusan. Latihan guru yang dijalankan melalui *School Support Plan* membolehkan guru:
 - a) menganalisis soalan karangan kertas Bahasa Inggeris 1119/1 untuk mengenal pasti kemahiran yang diperlukan oleh murid untuk menulis karangan yang dikehendaki;
 - b) menganalisis data prestasi murid untuk mengenal pasti jurang antara pengetahuan dengan kemahiran murid; dan
 - c) membina pelan intervensi yang mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan pembelajaran bahasa Inggeris untuk merapatkan jurang antara pengetahuan dengan kemahiran murid.

Punca Kuasa

- 08 November 2013: Mesyuarat *Education NKRA Delivery Task Force* (DTF) Bil. 04/2013
- 04 Jun 2015: Mesyuarat Profesional KPM Bil.17/2015

3.1.6 Program *Professional Up-Skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*

Dasar

Program *Professional Up-Skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*

Pengenalan

Pro-ELT ialah salah satu inisiatif yang diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru opsyen bahasa Inggeris yang belum mencapai tahap penguasaan berbahasa yang disasarkan, iaitu sekurang-kurangnya *Common European Framework of Reference (CEFR) Band C1*.

(Common European Framework of Reference [CEFR] Global Scales: Band A1 & A2 [basic user], Band B1 & B2 [independent user], dan Band C1 & C2 [proficient user]).

Pernyataan Dasar

Program Pro-ELT berperanan untuk memastikan guru bahasa Inggeris mendapat pencapaian minimum penguasaan tahap *Band C* pada CEFR.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengetahui pasti guru bahasa Inggeris yang berada pada tahap penguasaan CEFR *Band B1* atau *Band B2* di seluruh negara untuk menghadiri kursus ini berdasarkan jadual pelaksanaan yang ditetapkan.
- ii. Melaksanakan kursus adalah secara berperingkat-peringkat seperti yang berikut:
 - a) Pemilihan Peserta Program
 - Guru opsyen bahasa Inggeris dipilih berdasarkan kepada keputusan ujian Aptis mengikut *Common European Framework of Reference (CEFR) for Languages*. Peserta terdiri daripada guru yang mendapat keputusan CEFR *Band B1* dan *B2* sahaja. Keputusan ujian ini merupakan *entry point* bagi guru mengikuti program Pro-ELT kerana keperluan meningkatkan tahap kecekapan bahasa sekurang-kurangnya kepada satu tahap pencapaian pada CEFR. Pada akhir program, guru ini dapat menduduki ujian Aptis (*exit point*) untuk mengukur tahap pencapaian kecekapan bahasa guru.

- b) Kriteria jurulatih
 - Jurulatih Program *Pro-ELT Cohort 4* terdiri daripada pensyarah ELTC yang mendapat CEFR *Band C2* dalam ujian Aptis. Pemilihan tersebut dilaksanakan kerana tahap kecekapan berbahasa yang perlu dicapai oleh guru yang menghadiri latihan hendaklah sekurang-kurangnya CEFR *Band C1*. Mengikut *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025* tahap kecekapan berbahasa jurulatih perlu satu tahap lebih tinggi (*Band C2*) daripada tahap kecekapan berbahasa peserta program (guru) yang dilatih.
- c) Bahan latihan
 - Bahan latihan yang digunakan terdiri daripada modul latihan bersemuka dan dalam talian yang digunakan semasa program Pro-ELT Kohort 1 dan 2. KPM telah mendapat kesemua IP *Rights* untuk menggunakan bahan latihan ini. ELTC juga menyediakan bahan latihan sampingan (*supplementary materials*) untuk membantu guru daripada CEFR *Band B2* mencapai CEFR *Band C1*.
 - Bahan latihan Pro-ELT dibina khas berdasarkan empat kemahiran bahasa melalui kandungan berasaskan pedagogi dan metodologi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Inggeris.
- d) Mod Penyampaian
 - Mod penyampaian program ini adalah secara *blended* untuk tiga fasa. Guru menghadiri kelas secara bersemuka (Fasa 1 & Fasa 3), dan kelas dalam talian (Fasa 2). Fasa bersemuka adalah untuk 10 hari (60 jam), dan fasa dalam talian adalah untuk empat minggu (60 jam).

Punca Kuasa

- 04 Julai 2012: Mesyuarat JKK MBI Bil.13/2012
- Mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF) Bil. 05/2012 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Pendidikan

3.1.7 Program Diploma *International Baccalaureate*® (IB)

Dasar

Program Diploma *International Baccalaureate*® (IB)

Pengenalan

Program Diploma *International Baccalaureate*® (IB) merupakan program prauniversiti yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Program ini dijalankan dalam tempoh dua tahun, iaitu empat semester. Diploma IB merupakan kelayakan yang boleh diterima pakai bagi kemasukan ke program ijazah sarjana muda di dalam negara dan di luar negara. Program ini dilaksanakan di *The Malay College* Kuala Kangsar, Perak mulai tahun 2011, manakala di Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan mulai tahun 2016.

Pernyataan Dasar

Program Diploma IB bertujuan untuk melahirkan modal insan seimbang berfikiran global yang menghargai kemanusiaan dan apresiasi terhadap alam untuk kehidupan yang aman dan sejahtera.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyelaras pengoperasian Program Diploma IB di sekolah KPM iaitu merupakan peranan KPM, manakala *International Baccalaureate Organization* (IBO) yang berpusat di Geneva, Switzerland bertindak sebagai badan yang menggubal dasar, kurikulum, pentaksiran dan mengawal kualiti pelaksanaan program.
- ii. Memilih guru Program Diploma IB dalam kalangan guru KPM yang mempunyai pengalaman, berpengetahuan dan menguasai mata pelajaran yang diajarkan serta fasih dalam bahasa Inggeris.

- iii. Membuka program ini kepada semua murid yang memenuhi semua syarat kemasukan yang ditetapkan oleh sekolah.
- iv. Membiayai kos pengajian murid melalui penajaan sama ada oleh pihak kerajaan, swasta, badan berkanun atau persendirian.
- v. Menerima Lulusan Diploma IB bagi melanjutkan pengajian ijazah muda di universiti ternama di luar negara, dan mula diterima di semua universiti Malaysia pada tahun 2016.
- vi. Melaksanakan jaminan kualiti pengurusan Program Diploma IB di KPM, iaitu pemantauan kepada pematuan syarat layak status “*World School*” dengan memastikan latihan guru, pencapaian murid dalam bidang akademik dan *Creativity Action Research* serta kemenjadian murid diambil kira dan ditambah baik dari masa ke semasa.
- vii. Menjadikan kebajikan dan kemahiran guru yang kompeten sebagai teras dan aset kepada kelestarian pengiktirafan sekolah KPM sebagai “*World School*”. Untuk itu, perjawatan khas berkaitan perkhidmatan guru Program Diploma IB telah diterima oleh pihak JPA pada tahun 2017.

Punca Kuasa

- 07 Januari 2009: Mesyuarat Profesional KPM Bil.1/2009
- 24 Jun 2009: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 09/2009
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2017: Pelaksanaan Program Diploma *International Baccalaureate*® di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia

3.1.8 Program j-QAF

Dasar

Program j-QAF

Pengenalan

Program j-QAF berasaskan idea YAB Perdana Menteri Malaysia yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalus di peringkat Kementerian Pelajaran melalui satu Seminar j-QAF pada 03 hingga 05 Mac 2004. Program j-QAF telah dilaksanakan secara uji kaji dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada Julai 2004. YAB Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005.

Pernyataan Dasar

Program j-QAF ialah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah menggunakan kurikulum, model dan modulnya yang tersendiri serta peruntukan jadual waktu sedia ada, di samping penggunaan tenaga guru yang khusus untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan setiap murid Islam dapat menguasai kemahiran bacaan dan tulisan Jawi, menguasai kemahiran bacaan dan khatam al-Quran, menguasai kemahiran asas bahasa Arab, dan menguasai wuduk dan menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan amali sebelum menamatkan pembelajaran di Tahun Enam.
- ii. Menggunakan lima komponen model, iaitu Model Pemulihan Jawi, Model Khatam al-Quran, Model Tasmik, Model Peluasan Bahasa Arab dan Model Bestari Solat.
- iii. Melaksanakan semua model tersebut di sekolah kebangsaan (SK), manakala di sekolah jenis kebangsaan (SJK) hanya empat komponen model dilaksanakan kecuali Model Peluasan Bahasa Arab.

- iv. Menggunakan semua tenaga guru Pendidikan Islam di sekolah rendah untuk melaksanakan program j-QAF.
- v. Memasukkan dua waktu tambahan (Tasmik) dalam jadual waktu induk sebagai waktu rasmi guru Pendidikan Islam dan dikira sebagai jadual waktu persendirian.
- vi. Melaksanakan Model Khatam al-Quran dan tasmik secara berkolaboratif mengikut bilangan murid seperti yang berikut:

| Bilangan Murid | Bilangan Guru |
|----------------|---------------|
| 1 hingga 14 | 1 orang |
| 15 hingga 29 | 2 orang |
| 30 ke atas | 3 orang |

- vii. Melaksanakan Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab dua waktu seminggu yang diajarkan bersama-sama/serentak dengan waktu mata pelajaran bahasa Cina Komunikasi dan bahasa Tamil Komunikasi.
- viii. Menggunakan Model Enam Bulan Khatam al-Quran waktu Pendidikan Islam sebanyak empat masa dalam tempoh enam bulan pertama Tahun Satu hingga Tahun Enam. Pada masa yang sama bagi murid yang belum menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan kaedah IQRA'. Pada enam bulan kedua Asuhan Tilawah al-Quran menggunakan tiga waktu untuk Tahun Satu dan dua waktu pada Tahun Dua hingga Tahun Enam.
- ix. Menggunakan bahan-bahan asas yang disediakan dalam program ini, iaitu:
 - a) Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Program j-QAF;
 - b) Mushaf al-Quran bertajwid dan berwarna;
 - c) Buku Iqra';
 - d) Buku Latihan Aktiviti jawi tahap 1;
 - e) Buku Teks Bahasa Arab; dan
 - f) Buku Latihan Aktiviti bahasa Arab Tahap 1.
- x. Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Program j-QAF.
- xi. Menjalankan pemantauan secara berterusan untuk memberi bimbingan bagi menjamin keberkesanan program ini oleh pegawai j-Qaf peringkat pusat, negeri dan daerah.

Punca Kuasa

- 30 September 2004: Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 31/2004
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah
- 15 hingga 17 Jun 2007: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 2/2007
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 02/2015: Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 04 Februari 2015
- Surat Siaran Bil. 35/2012: Peluasan Program j-QAF Semua Sekolah Rendah Tahun 2013 bertarikh 21 Disember 2012
- Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 08/2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017 bertarikh 02 November 2016

3.1.9 Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Dasar

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Pengenalan

TMUA merupakan gabungan antara Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan program Ulul Albab yang berasaskan pendekatan Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Bahagian Pendidikan Islam, dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan bertanggungjawab untuk melaksanakan pengoperasian TMUA di sekolah terpilih dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sejak tahun 2014.

Pernyataan Dasar

TMUA bertujuan untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (*mutadayyin*), dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Modulnya yang tersendiri serta peruntukan jadual waktu sedia ada, di samping penggunaan tenaga guru yang khusus untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan murid yang mengikuti TMUA mengambil pakej mata pelajaran SPM yang telah ditetapkan dalam SPI Bil. 01 Tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mata pelajaran tersebut ialah:
 - a) Bahasa Melayu
 - b) Bahasa Inggeris
 - c) Matematik
 - d) Matematik Tambahan
 - e) Fizik
 - f) Biologi
 - g) Kimia
 - h) Pendidikan Islam
 - i) Sejarah
 - j) Bahasa Arab
 - k) Bahasa antarabangsa
 - l) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
 - m) Hifz al Quran
 - n) Maharat al Quran
- ii. Melaksanakan TMUA di sekolah satu sesi dengan jadual persekolahan murid bermula dari jam 6:30 pagi hingga 4:20 petang, manakala kelas tahriri hafazan dan hafazan baharu bermula pada jam 7:00 malam hingga 9:00 malam.
- iii. Memastikan murid yang mengikuti TMUA hendaklah mengambil satu mata pelajaran bahasa antarabangsa (selain bahasa Arab) yang ditawarkan oleh pihak sekolah.
- iv. Menempatkan guru tahfiz yang berkelulusan ijazah Pengajian Islam, Pendidikan Islam atau bahasa Arab, dan memiliki sijil atau diploma tahfiz yang diiktiraf oleh kerajaan.
- v. Menyediakan dan membekalkan makanan tambahan untuk membantu meningkatkan daya ingatan murid TMUA.
- vi. Menetapkan pemilihan murid berdasarkan kepada kriteria tambahan, iaitu lulus Ujian Saringan Hafazan.
- vii. Memastikan semua murid TMUA memilih aliran sains tulen ketika di peringkat menengah atas sebagaimana yang disarankan.

viii. Menyasarkan 100 peratus murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun.

ix. Menyediakan garis panduan pelaksanaan TMUA untuk rujukan pihak sekolah.

Punca Kuasa

- 10 April 2014: Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bil. 01/2014
- 26 Jun 2012: Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil. 03/2012
- 27 Julai 2012: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-200, Bil. 03/2012
- 27 Februari 2013: Mesyuarat Majlis Raja-raja kali ke-231
- SPI Bilangan 1 tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia

3.1.10 Kelas Aliran Agama (KAA)

Dasar

Kelas Aliran Agama (KAA)

Pengenalan

KAA merupakan kelas aliran agama yang operasinya berada di Sekolah Menengah Kebangsaan KPM dengan menggunakan pakej Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). KAA diwujudkan bagi menampung permohonan murid ke SMKA yang terhad. KAA mula dilaksanakan secara rintis di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada tahun 1987.

Rancangan Malaysia ke-11 telah memberi penekanan memperkasakan KAA di bawah fokus menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* murid dan kecemerlangan institusi melalui Strategi D1, iaitu menambah baik pencapaian murid melalui peningkatan akses dan kualiti.

Pernyataan Dasar

KAA di SMK menyediakan kemudahan kepada murid-murid Islam yang dapat mengikuti pembelajaran dan pengajaran pendidikan agama terbaik, berkualiti dan terancang ke arah melahirkan profesional dan teknokrat yang beragama (*mutadayyin*), dan pelapis ulamak yang berwibawa, di samping menampung permintaan ibu bapa dan murid yang bercita-cita melanjutkan pengajian dalam bidang agama.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang, mengurus dan menyelaras pelaksanaan pakej mata pelajaran di SMKA untuk dilaksanakan di sekolah menengah harian.
- ii. Mewujudkan iklim dini kondusif untuk memberangsangkan pembinaan sahsiah unggul murid yang berilmu dan beramal dengan ilmu tersebut dalam persekitaran sekolah yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama.
- iii. Meningkatkan kecemerlangan akademik dalam bidang pengajian dan keunggulan sahsiah.
- iv. Meluaskan KAA peringkat menengah atas di sebahagian sekolah yang melaksanakan KAA dan perlu diadakan bagi memberi peluang kepada murid lepasan tingkatan 3 meneruskan pengajian dalam aliran agama.

- viii. Memastikan murid-murid KAA yang mengikuti aliran agama perlu mengambil pakej aliran agama secara lengkap dan sempurna, iaitu bahasa Arab, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, dan Pendidikan Syariah Islamiyah.
- ix. Memastikan setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya sebuah sekolah yang melaksanakan KAA sepenuhnya.
- x. Memastikan guru-guru yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Arab hendaklah terdiri daripada kalangan guru yang terlatih dalam bahasa Arab.
- xi. Melaksanakan KKQ supaya matlamat penguasaan al-Quran, tarannum dan qiraat dalam kalangan murid dapat dicapai.

Punca Kuasa

- Februari 1990: Arahan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk menubuhkan Aliran Agama di SMK setiap negeri
- Januari 2011: Mesyuarat Penyelarasan Hal-hal Profesional (PHP) ke-29
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Inisiatif meningkatkan kualiti pendidikan agama, dan anjakan ke-3: Melahirkan Rakyat yang Menghayati Nilai

3.1.11 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Dasar

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Pengenalan

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Tiga ciri utama KBAT ialah kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif serta membuat penaaakulan seperti dalam huraian yang berikut:

- i. Kemahiran berfikir kritis.
 - kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.
- ii. Kemahiran berfikir kreatif.
 - kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.
- iii. Kemahiran menaaakul.
 - membolehkan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Murid yang menguasai KBAT juga mampu menghadapi cabaran dan berani mengambil risiko untuk mencuba penyelesaian yang baharu. Pemupukan KBAT mendorong murid untuk membuat kesimpulan berdasarkan logik, mempunyai bukti berasaskan bacaan dan penyelidikan yang dibuat. Murid juga dapat membuat ramalan berdasarkan sebab dan akibat serta memberikan cadangan penyelesaian dengan ciptaan idea yang rasional. KPM telah menggariskan Profil Murid yang perlu ada untuk murid berupaya bersaing pada peringkat global seperti yang berikut:

- i. berdaya tahan;
- ii. pemikir;
- iii. mahir berkomunikasi;
- iv. kerja sepasukan;
- v. bersifat ingin tahu;
- vi. berprinsip;
- vii. bermaklumat;
- viii. prihatin; dan
- ix. patriotik.

Pernyataan Dasar

KBAT ialah satu usaha berterusan KPM untuk melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara. Pemupukan dan pembudayaan KBAT dapat membantu murid melakukan operasi pemikiran seperti membuat analisis dan inferensi yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman serta meningkatkan prestasi pencapaian mereka. Selaras dengan itu, setiap murid yang dihasilkan diharapkan dapat memperbaiki kelemahan diri serta mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara terurus dalam kehidupan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menggunakan strategi pendekatan yang menyeluruh dan sistemik yang merangkumi tujuh elemen yang terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran serta empat elemen sokongan, iaitu kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya agar KBAT dapat direalisasikan dalam sistem persekolahan.

Melaksanakan pembudayaan dan kelestarian KBAT agar dapat direalisasikan melalui tujuh strategi yang berikut:

- a) pembangunan merangkumi pembinaan konsep, dasar, penendarasan, penyediaan bahan dan penyediaan garis panduan;
- b) pewujudan jaringan pelibatan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dari dalam negara dan dari luar negara melalui perkongsian pintar;
- c) latihan inklusif yang melibatkan semua pihak berkepentingan;
- d) prasarana merangkumi peralatan dan perkakasan bagi melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif;
- e) refleksi merangkumi pemantauan, penilaian, penaksiran dan kajian; dan
- f) insentif yang merangkumi pelbagai bentuk sebagai penghargaan ke atas sumbangan hasil kerja KBAT yang cemerlang seperti yang berikut:

- Anugerah Guru Inovatif: dianugerahkan kepada guru yang menghasilkan bahan PdP inovatif yang cemerlang;
- Anugerah Tokoh Guru Inovatif: dianugerahkan kepada guru yang membudayakan KBAT secara keseluruhan dengan cemerlang;
- Penarafan KBAT: Sekolah yang mencapai standard yang ditetapkan bagi membudayakan KBAT meliputi aspek kepimpinan dan pengurusan sekolah, PdP dan kokurikulum dinobatkan sebagai Sekolah yang Membudayakan KBAT;

- sekolah yang mengikuti *Middle Years Programme International Baccalaureate* (MYPIB) berpeluang untuk mendapat pengalaman pelaksanaan sistem pendidikan bertaraf antarabangsa serta pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai *IB World School*;
- guru yang berpotensi berpeluang untuk berkongsi pengetahuan, maklumat dan pengalaman sebagai *Workshop Leader* di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan Program MYPIB;
- guru yang menjalani kursus KBAT menerima sijil yang diiktiraf oleh universiti antarabangsa (melalui program i-THINK, iaitu *Buckinghamshire New University*); dan
- guru yang mengikuti kursus atau mendapat pengiktirafan berkaitan KBAT sebagai syarat untuk kenaikan pangkat.

g) komunikasi secara berterusan melalui media.

Punca Kuasa

- Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Inisiatif #20

3.1.12 Program Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0

Dasar

Program Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0

Pengenalan

Program ini dinamai Program Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0 yang merupakan penambahbaikan daripada program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid Tahun 1 yang dilaksanakan mulai tahun 2006.

Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang dimulakan pada tahun 2010 ialah penambahbaikan daripada program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid Tahun 1 yang dilaksanakan mulai tahun 2006. Program Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0 pula merupakan peluasan daripada program LINUS sedia ada dengan memasukkan literasi bahasa Inggeris serta meneruskan Literasi Bahasa Melayu dan Numerasi.

Program LINUS 2.0 ialah Inisiatif PPPM #24 yang diwujudkan untuk menangani isu literasi bahasa Inggeris dalam makmal *Government Transformation Programme* (GTP) 2.0 pada bulan Mei 2012 berdasarkan kejayaan Program LINUS (Literasi Bahasa Melayu dan Numerasi).

Objektif Program LINUS 2.0 ialah 100 peratus murid Tahap I (Tahun 1, 2 dan 3) menguasai kemahiran asas literasi bahasa Melayu (LBM), literasi bahasa Inggeris (LBI), dan numerasi (NUM) selepas mengikuti tiga tahun pendidikan di sekolah rendah kecuali murid berkeperluan khas (MBK) yang diukur berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan.

Pernyataan Dasar

Program LINUS 2.0 bertujuan mencapai seratus peratus murid Tahap I (Tahun 1, 2 dan 3) dapat menguasai kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu (LBM), Literasi Bahasa Inggeris, dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun pendidikan di sekolah rendah kecuali murid berkeperluan khas (MBK) yang diukur berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengurus saringan bagi semua murid Tahap I kecuali murid berkeperluan khas yang mengikuti Program LINUS 2.0 sebanyak dua kali setahun menerusi 12 konstruk yang berdasarkan asas literasi seperti yang berikut:
 - a) Asas Literasi Bahasa Inggeris
 - Keupayaan membaca, menulis, dan memahami perkataan, ayat tunggal, dan ayat majmuk dalam bahasa Inggeris dan mampu menggunakan perkataan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian.
 - b) Asas Literasi Bahasa Melayu
 - Keupayaan membaca, menulis, dan memahami perkataan, ayat tunggal, dan ayat majmuk dalam bahasa Melayu dan mampu menggunakan perkataan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian.
 - c) Asas Numerasi
 - Keupayaan unuk menyelesaikan operasi asas matematik, memaham idea matematik yang mudah dan mampu menggunakan kemahiran matematik dalam pembelajaran dan komunikasi harian.
- ii. Memantau pengurusan dan pelaksanaan Program LINUS 2.0 secara menyeluruh.
- iii. Menyediakan bahan bantuan PdP, instrumen saringan dan latihan.
- iv. Menjalankan Dialog Pelaksanaan Intervensi kepada PPD yang ditetapkan.
- v. Melaporkan data Saringan 1 dan Saringan 2 Program LINUS 2.0.
- vi. Menjalankan latihan pengurusan Program LINUS 2.0 kepada guru besar baharu berdasarkan keperluan.
- vii. Mengenal pasti murid Tahun 3 yang tidak menguasai konstruk 1 dan konstruk 2 Saringan 2 (sebagai Murid Berkeperluan Khas atau tidak).
- viii. Menjalankan latihan Program Pemulihan LINUS 2.0 LBI kepada guru bahasa Inggeris Tahun 4.
- ix. Memberi pendedahan tentang program LINUS 2.0 kepada pensyarah bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Matematik.
- x. Menyediakan sumber pendidikan berbentuk digital, audio dan video berdasarkan keperluan.

Punca Kuasa

- 27 Julai 2009: Pengumuman Indeks Prestasi Utama (KPI) enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) oleh Perdana Menteri
- Ogos 2009: Pembentangan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) KPM Menteri Pelajaran
- 02 November 2012: Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet
- 30 Januari 2013: Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Khas Inisiatif #24, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)

3.1.13 Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)

Dasar

Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB)

Pengenalan

MYPIB ialah suatu program pendidikan bertaraf antarabangsa dari *International Baccalaureate Organization* (IBO). Program ini dilaksanakan di sepuluh buah sekolah terpilih seluruh Malaysia. Pelaksanaan pendekatan MYPIB melibatkan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 bermula tahun 2015 hingga tahun 2019, menggunakan kurikulum kebangsaan, bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dan mengekalkan pelajar menduduki peperiksaan SPM.

Pernyataan Dasar

MYPIB bertujuan memperkukuh pelaksanaan kurikulum dan pendekatan PdP berdasarkan standard dan kriteria yang ditetapkan oleh IBO bagi menghasilkan murid berfikiran antarabangsa yang bercirikan Sifat Ingin Tahu (*Inquirers*), Berpengetahuan (*Knowledgeable*), Pemikir (*Thinkers*), Mahir Berkomunikasi (*Communicators*), Berprinsip (*Principled*), Berfikiran terbuka (*Open-minded*), Penyayang (*Caring*), Mengambil risiko (*Risk-takers*), Seimbang (*Balanced*), dan Reflektif (*Reflective*), di samping menjadikan murid lebih aktif melalui pelibatan dalam aktiviti sosial dan projek berkumpulan, mengupayakan murid menjadi insan yang peka, berfikiran kritikal serta mampu bersaing dalam dunia yang mencabar, seterusnya menjadikan mereka bersifat berperikemanusiaan yang mempunyai kecenderungan untuk belajar sepanjang hayat.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memilih sekolah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Program IB KPM seperti yang berikut:
 - a) sekolah menengah dari band 1 hingga 4;
 - b) sekolah dari bandar dan luar bandar melibatkan sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan agama, dan sekolah berasrama penuh;
 - c) sekolah bersedia untuk menerima Program Pendekatan MYP IB;
 - d) pengetua yang proaktif;
 - e) sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan berfungsi; dan
 - f) sekolah mempunyai capaian internet.
- ii. Memastikan semua pentadbir dan guru mengikut *Supplementary Profesional Development* (SPD) yang dikendalikan oleh pihak IBO dan bengkel yang diadakan berjalan dengan baik.
- iii. Memastikan 10 buah sekolah yang terpilih berjaya memasuki fasa pencalonan (*candidacy phase*) pada 2014 dan setiap sekolah menerima bimbingan oleh seorang konsultan selama 20 secara maya dan dua hari secara bersemuka pada setiap tahun.
- iv. Memastikan semua sekolah dapat menyediakan semua dokumen dan eviden yang telah ditetapkan dalam dokumen *Programme Standards and Practices* serta berdasarkan bimbingan konsultan.
- v. Memberi sokongan kepada pelaksanaan MYPIB di sekolah melalui kerjasama dengan pihak JPN seperti berikut:
 - a) Mengurangkan penglibatan sekolah sebagai tuan rumah dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak JPN dan PPD.
 - b) Memastikan pentadbir dan guru baharu yang dilantik atau bertukar ke Sekolah MYPIB adalah berdasarkan keperluan opsyen, positif menerima perubahan serta mahir berbahasa Inggeris.
 - c) Memastikan prasarana dan kemudahan sekolah menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh IBO.

- vi. Mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme guru melalui kursus dan bengkel yang dicadangkan oleh pihak IBO dari semasa ke semasa.
- vii. Membantu guru memantapkan strategi pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan unit plan dan jaringan kolaboratif yang dijalankan dalam kalangan 10 buah Sekolah MYPIB.
- viii. Melaksanakan program intervensi kepada 4 buah sekolah bagi membantu sekolah mendapat kelayakan untuk memohon pengiktirafan dalam usaha memastikan 10 buah Sekolah dapat diiktiraf sebagai *IB World School*.
- ix. Melaksanakan program kelestarian untuk sekolah yang telah berjaya diiktiraf sebagai *IB World School* bagi tempoh 5 tahun sebelum menghadapi penilaian semula pada 2021 mencakupi aspek berikut:
 - a) Pemantauan dan penyeliaan MYPIB.
 - b) Khidmat bantuan dan sokongan yang berterusan oleh *Governance Body*.
 - c) Pemerksaan dan bina upaya pentadbir dan guru dari semasa ke semasa.
- x. Memastikan pembudayaan MYPIB dapat dilaksanakan berdasarkan semua standard dan keperluan yang telah ditetapkan oleh IBO melalui pelaksanaan program kelestarian yang merupakan usaha KPM sebagai *Governance Body* kepada 10 buah Sekolah MYPIB.

Punca Kuasa

- PPPM 2013-2025: Bab 4.
- 05 Julai 2012: Mesyuarat Profesional KPM Bil. 20/2012
- 26 Julai 2012: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-200 Bil. 03/2012

3.1.14 Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Dasar

Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Pengenalan

Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau akronimnya STEM adalah salah satu daripada enam ciri kemenjadian murid seperti yang terkandung dalam Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui Inisiatif ini, kementerian memastikan murid dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian STEM. Kementerian juga berusaha meletakkan asas yang kukuh di peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bilangan siswazah yang berkelayakan, kompeten dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan.

STEM merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan di KPM. BPPDP ialah peneraju utama Inisiatif Perkukuhan STEM dengan kerjasama daripada bahagian-bahagian lain KPM, iaitu BPG, BPK, BPSH, LP, BPSBPSK, BTP, BKK dan BPSM, Majlis Profesor Negara dan Institut Pengajian Tinggi, pihak bukan kerajaan seperti Pusat Sains Negara, MIGHT, *British Council*, ASM serta Petrosains.

STEM ialah pembelajaran bersepadu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik yang dilaksanakan secara formal berdasarkan kurikulum; bukan formal melalui aktiviti koakademik dan kokurikulum; dan tidak formal melalui pembelajaran tidak langsung di setiap peringkat umur bermula daripada peringkat awal kanak-kanak, pendidikan rendah dan pendidikan menengah.

Pelaksanaan Inisiatif Perkukuhan STEM berlandaskan kepada tiga elemen utama, iaitu:

- i. Visi inisiatif
 - Melahirkan modal insan dalam bidang STEM yang berkualiti bagi memenuhi keperluan negara.
- ii. Hasrat inisiatif
 - Meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian STEM.
 - Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru berkaitan pengintegrasian pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM.
 - Meningkatkan kesedaran murid dan orang awam melalui kempen kesedaran berkaitan STEM di peringkat kebangsaan.
- iii. Keberhasilan murid
 - Melahirkan murid yang berkebolehan mereka cipta, berfikir secara logik, menggunakan teknologi, menyelesaikan masalah dan mencipta idea atau sesuatu yang baharu melalui pembelajaran bersepadu merangkumi STEM yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar.

Semua langkah yang diambil bagi pelaksanaan Inisiatif Perkukuhan STEM berdasarkan kepada tiga tonggak, iaitu:

- i. Meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum:
 - menggabungkan kemahiran berfikir aras tinggi, meningkatkan penggunaan kemudahan pengajaran yang praktikal, dan menjadikan kandungan relevan dengan kehidupan harian untuk meningkatkan minat.
- ii. Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru:
 - melatih guru di sekolah rendah dan menengah untuk mengajar kurikulum yang disemak semula.
- iii. Meningkatkan kesedaran murid dan orang awam:
 - meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan murid tentang STEM.

Pernyataan Dasar

Pendidikan STEM sebagai pendidikan sepanjang hayat merangkumi pembelajaran bersepadu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik secara formal berdasarkan kurikulum, bukan formal melalui aktiviti koakademik dan kokurikulum dan tidak formal melalui pembelajaran tidak langsung di setiap peringkat umur bermula dari peringkat awal kanak-kanak, pendidikan rendah, pendidikan menengah rendah, menengah atas, tertiar dan di peringkat industri/komuniti yang boleh menyumbang kepada melahirkan masyarakat yang mempunyai literasi STEM serta membekalkan tenaga kerja STEM berkemahiran tinggi yang boleh menyumbang kepada inovasi baharu.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan Inisiatif Perkukuhan STEM dengan memberi tumpuan kepada empat golongan sasaran, iaitu murid, guru, pemimpin sekolah dan ibu bapa. Setiap golongan sasaran mempunyai objektif tertentu, iaitu:
 - a) Murid – meningkatkan minat dan kecenderungan murid terhadap bidang STEM.
 - b) Guru – memantapkan pengetahuan dan kemahiran guru terutama pengintegrasian ilmu-ilmu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.
 - c) Pemimpin sekolah – memperkukuh pengetahuan pemimpin sekolah berkenaan inisiatif berkaitan STEM yang diimplimentasikan di KPM.
 - d) Ibu bapa – meningkatkan tahap kesedaran ibu bapa terhadap bidang berkaitan STEM dan kepentingannya.

- ii. Merealisasikan Inisiatif Perkukuhan STEM melalui pelbagai strategi yang disusun mengikut kumpulan sasaran seperti yang berikut:

| Bil. | Kumpulan Dasar | Aktiviti |
|------|------------------|---|
| 1 | Murid | <ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Kelab STEM+ • Pertandingan School Lab • Permainan digital STEM • Program TV realiti STEM • Amali Sains • Program mentor mentee |
| 2 | Guru | <ul style="list-style-type: none"> • Video interaktif PdP STEM • Bahan exemplar STEM • Penilaian kompetensi guru bidang STEM • Latihan guru bidang STEM • Kolokium Pendidikan STEM • Persidangan Pendidikan STEM Peringkat Antarabangsa • Program mentor mentee • Kajian kesedaran STEM |
| 3 | Pemimpin sekolah | <ul style="list-style-type: none"> • Jerayawara Pendidikan STEM 2017 • Kurikulum dan aliran pendidikan STEM • Kajian kesedaran STEM |
| 4 | Ibu bapa | <ul style="list-style-type: none"> • Program peningkatan kesedaran STEM |

Punca Kuasa

- Anjakan ke-4 PPPM 2013-2025: Inisiatif #49

3.2 Program Kokurikulum

Dasar

Kokurikulum

Pengenalan

Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Aktiviti ini bertujuan mempelbagaikan pengetahuan dan pengalaman murid untuk memperkembangkan intelek, minat, bakat, jasmani dan rohani ke arah pembangunan kepimpinan murid, pembetulan nilai estetika, jati diri serta nilai sosial yang positif.

Pernyataan Dasar

Aktiviti kokurikulum bertujuan memastikan semua murid melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti melalui pasukan badan beruniform, persatuan/kelab serta sukan dan permainan ke arah pementapan jati diri dan pembangunan modal insan yang cemerlang.

Strategi Pelaksanaan

- i. Membudayakan aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid.
- ii. Memberi wajaran kepada pelibatan yang sesuai kepada aktiviti kokurikulum.
- iii. Memberi peluang kepada semua murid untuk melibatkan diri secara aktif melalui kepelbagaian aktiviti kokurikulum.
- iv. Melibatkan murid pelbagai kaum dalam aktiviti kokurikulum.
- v. Memberi penekanan terhadap penghayatan agama dan nilai-nilai murni dalam aktiviti kokurikulum.
- vi. Mempertingkatkan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar dengan masyarakat dan agensi luar.
- vii. Memperluas penyertaan murid dan memperbanyak pengelolaan aktiviti kokurikulum di semua peringkat.
- viii. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada murid, guru dan jurulatih dari semasa ke semasa.
- ix. Meningkatkan kecekapan sistem pengurusan kokurikulum di sekolah.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 (Akta Pendidikan 1996 [Akta 550])

3.2.1 1Murid 1Sukan

Dasar

1Murid 1Sukan

Pengenalan

1Murid 1Sukan mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di peringkat sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Melalui dasar ini, setiap murid akan melibatkan diri secara aktif dengan menyertai pelbagai aktiviti sukan di peringkat sekolah sepanjang tahun.

Dasar ini juga selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat yang bermula di peringkat sekolah melalui dua strategi, iaitu Sukan untuk Semua dan Sukan untuk Kecemerlangan.

Aktiviti sukan di bawah Sukan untuk Semua adalah sangat penting dalam membina kesihatan, sahsiah dan kesejahteraan murid di peringkat akar umbi. Bagi Sukan untuk Kecemerlangan, prestasi murid yang berbakat dan berpotensi perlu dibangunkan melalui program seperti Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS). Sehubungan dengan itu, penyertaan setiap murid dalam sukan adalah amat penting bagi mendukung aspirasi 1Malaysia dan melahirkan negara bangsa yang sihat, cergas, dinamik, dan bersatu padu.

Pernyataan Dasar

1Murid 1Sukan dapat membangunkan modal insan yang seimbang melalui penyertaan murid yang menyeluruh dalam aktiviti sukan sepanjang tahun serta memupuk budaya bersukan dalam kalangan murid sekolah untuk menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas sepanjang hayat.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan daripada pelbagai jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah atau yang dijalankan dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah.
- ii. Memastikan pihak sekolah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu perkembangan potensi setiap murid dalam bidang sukan.
- iii. Memastikan pihak sekolah mengoptimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada di sekolah atau kawasan persekitaran dengan mengutamakan aspek keselamatan murid.
- iv. Memastikan pembangunan sukan sekolah dapat meningkatkan kadar penyertaan seseorang murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.
- v. Memberi peluang kepada semua murid yang berbakat dan berpotensi dalam sukan untuk digilap bakat ke tahap yang lebih tinggi.

Punca Kuasa

- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16 Tahun 2010: Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan

3.2.2 Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ)

Dasar

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ)

Pengenalan

KKQ merupakan satu aktiviti untuk memperkasakan kemahiran al-Quran melalui penekanan khusus dalam bidang tajwid, rasm Uthmani, hafazan, ulum al-Quran, qiraat al-Sab'ie dan taranum yang dilaksanakan di SMKA, Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan. SMKA, SBPI dan SABK yang melaksanakan TMUA KBT dikecualikan melaksanakan KKQ.

Pernyataan Dasar

KKQ bertujuan untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam bidang al-Quran, iaitu membaca al-Quran secara tartil (bertajwid dan sebutan yang jelas) dan boleh bertarannum.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memperuntukkan jadual waktu untuk kelas ini selama tiga jam seminggu bagi setiap tingkatan dan dikira sebagai jadual waktu rasmi guru serta dimasukkan ke dalam jadual waktu sekolah.
- ii. Meningkatkan kualiti guru KKQ melalui latihan dalaman yang berterusan.
- iii. Mewujudkan mekanisme penguatkuasaan, pemantauan dan penyeliaan secara sistematik, berterusan dan berkesan terhadap pelaksanaan dasar KKQ.
- iv. Pelaksanaan KKQ adalah kepada murid yang dipilih oleh pihak sekolah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan.

Punca Kuasa

- 25 Mac 1985: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran ke-87



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 4



Program Pendidikan


4

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BAB 4: PROGRAM PENDIDIKAN

Bab 4 menghuraikan dasar bagi program pendidikan yang dipertanggungjawab kepada KPM bagi menyediakan dan menawarkan pendidikan yang holistik, dan mengikut kesesuaian keadaan semasa dengan mengambil kira pelbagai aspek. Program pendidikan yang diperkenalkan meliputi aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, kerjasama dengan pihak luar dalam pelaksanaan pendidikan, pembestarian sekolah berdasarkan sumber ICT dan teknologi, pengurusan kewangan, peningkatan profesionalisme perguruan serta mengambil kira aspek pengurusan kebajikan guru dan murid.



BAB 4: PROGRAM PENDIDIKAN

4.1 Pengecualian daripada mengikuti Pendidikan Wajib dan menjalankan Persekolahan di Rumah (*Home Schooling*)

Dasar

Pengecualian daripada mengikuti Pendidikan Wajib dan menjalankan Persekolahan di Rumah (*Home Schooling*)

Pengenalan

Home Schooling merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada anak-anak yang mempunyai masalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh pihak ibu bapa/penjaga. Selain itu, dasar ini juga adalah bagi memastikan tidak berlaku keciciran kepada kanak-kanak untuk memperoleh pendidikan wajib seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Dasar ini juga mendidik ibu bapa supaya menjalankan tanggungjawab mereka untuk menyekolahkan anak. Walau bagaimanapun, persekolahan biasa diutamakan kepada kanak-kanak kerana merupakan satu cara untuk kanak-kanak dapat berinteraksi antara satu sama lain.

Pernyataan Dasar

***Home schooling* adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh ibu bapa untuk mendapat pendidikan formal di rumah dengan kebenaran Menteri Pendidikan. Namun demikian, *home schooling* hanyalah satu keistimewaan dan bukannya hak.**

Strategi Pelaksanaan

- i. Permohonan *Home Schooling* boleh dibuat di mana-mana Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara menggunakan borang yang telah disediakan. Permohonan ini akan dihantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri yang berkaitan untuk diproses dan diberikan kelulusan khas.
- ii. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- iii. Pemohon mestilah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan.
- iv. Salah seorang ibu bapa mestilah berkesanggupan untuk menjadi pengajar kepada kanak-kanak tersebut secara sepenuh masa di rumah.
- v. *Home Schooling* diwajibkan untuk menggunakan kurikulum kebangsaan.
- vi. Berkemampuan untuk menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif dan sempurna untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- vii. Lawatan ke rumah pemohon akan dibuat untuk tujuan lawatan tapak kesesuaian prasarana pendidikan oleh pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
- viii. Pemohon membenarkan Pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah untuk melawat rumah pada bila-bila masa hari persekolahan untuk tujuan pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa prasangka.
- ix. Kanak-kanak yang menjalankan *Home Schooling* tidak dibenarkan sama sekali untuk menghadiri mana-mana persekolahan secara tuisyen harian sama ada swasta atau kerajaan.
- x. Kes permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib dan menjalankan persekolahan di rumah (*Home Schooling*) hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia untuk ulasan dan kemudiannya dikemukakan kepada YB Menteri Pendidikan untuk mendapatkan keputusan status kelulusan.

xi. Sekiranya didapati pemohon melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam kelulusan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan tersebut dengan serta-merta, dan kanak-kanak tersebut hendaklah didaftarkan semula ke sekolah biasa dengan segera.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2002: Seksyen 29A (para 3)
- 27 November 2002: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003
- Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah Tahun 2003
- 31 Mei 2005: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2005: Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian daripada Mengikuti Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah

4.2 Program Disaster Risk Reduction (DRR)

Dasar

Disaster Risk Reduction (DRR)

Pengenalan

Bencana seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran hutan, jerebu dan juga gempa bumi mempunyai impak yang besar terhadap murid, warga sekolah, komuniti dan negara. Bencana juga mengganggu sektor pendidikan negara dengan kerosakan bangunan sekolah, sesi pengajaran dan pembelajaran terganggu untuk jangka masa yang panjang, kecederaan dan kematian murid dan guru serta boleh menyebabkan keciciran murid dalam sistem pendidikan.

Memandangkan murid sekolah merupakan kumpulan yang mudah terancam oleh bencana, DRR dalam sektor pendidikan penting bagi meningkatkan kesedaran, pemahaman dan pengurusan bencana dalam kalangan murid dan guru serta keluarga dan komuniti. Kesan bencana boleh dikurangkan sekiranya murid dan semua pihak berkepentingan lebih memahami risiko bencana dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku bencana.

Pernyataan Dasar

DRR sentiasa diintegrasikan dalam Kurikulum Kebangsaan daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah dan dilaksanakan di peringkat sekolah sebagai aktiviti persatuan, kelab dalam aktiviti kokurikulum serta program anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dan Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK).

Strategi Pelaksanaan

- i. Membangunkan Garis Panduan Guru dalam Pendidikan Persekitaran Merentas Kurikulum bagi sekolah rendah dan menengah pada tahun 1998. Garis panduan yang serupa dibangunkan bagi prasekolah pada tahun 2005.
- ii. Membangunkan Konsep dan Manual Sekolah Selamat: Panduan Pelaksanaan Menjadikan Sekolah, Komuniti dan Keluarga Selamat untuk Kanak-kanak pada tahun 2002 bagi memastikan keselamatan murid KPM.
- iii. Memastikan bencana ditangani sebelum, semasa dan selepas bencana berlaku dengan penyediaan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Bantuan Bencana Luar Jangka, KPM.

- iv. Menggubal satu mekanisme penarafan keselamatan yang standard, iaitu Piawaian Keselamatan Sekolah (PKS) untuk digunakan oleh semua sekolah bagi meningkatkan kesedaran dalam DRR. Instrumen Piawaian Keselamatan Sekolah ini digunakan semasa menjalankan pemantauan dan penyeliaan keselamatan di sekolah.
- v. Membangunkan Manual Kesediaan Sekolah Menghadapi Bencana Alam: Panduan untuk Guru 2007 dan Manual Persediaan Menghadapi Bencana 2008 berikutan tragedi Tsunami dengan berkolaboratif bersama-sama UNICEF dan MERCY. Program ini bertujuan untuk melengkapkan guru dan sekolah dengan mekanisme persediaan ketika berlaku kecemasan seperti Tsunami dan gempa bumi.
- vi. Mewujudkan *Smart Support Team (SST)* yang terdiri daripada sukarela guru pada tahun 2008 bagi memberikan sokongan kepada mangsa bencana dalam aspek sokongan psikologi dan pendidikan. SST diiktiraf oleh UNICEF pada tahun 2010 sebagai salah satu amalan terbaik bagi menyokong DRR di sekolah dan komuniti.
- vii. Melaksanakan program latihan kepada guru, murid dan komuniti dan mengedarkan poster berkaitan persediaan sebelum, semasa dan selepas gempa bumi kepada semua sekolah dan komuniti terlibat bagi meningkatkan kesedaran dan kesediaan murid, guru dan komuniti terhadap bencana gempa bumi.

Punca Kuasa

- 18 Mei 1994: Mesyuarat Jemaah Menteri - mewujudkan Mekanisme pengurusan Bencana di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- 11 Mei 1997: Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara (Arahan No. 20)
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 09/2009: Penubuhan Jawatankuasa Bencana di Peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah

4.3 Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti

Dasar

Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti
Inisiatif #62: Peluasan Pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Ekosistem Sekolah

Pengenalan

Anjakan 9: Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) menyatakan bahawa hasrat murni Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran dalam komuniti. Ekosistem pembelajaran pada abad ke-21 telah mengubah konsep pendidikan berasaskan sistem sekolah kepada sistem pembelajaran (*learning system*) yang lebih luas cakupannya. Pelibatan ibu bapa dan komuniti secara aktif sebagai rakan sekolah dapat meningkatkan proses pembelajaran, keberhasilan murid dan prestasi sekolah secara menyeluruh.

Pernyataan Dasar

Pelibatan ibu bapa dan komuniti secara aktif dalam pembangunan akademik adalah untuk meningkatkan proses pembelajaran, keberhasilan murid dan secara menyeluruh dapat meningkatkan prestasi akademik murid dan sekolah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Meningkatkan pelibatan ibu bapa secara sukarela dalam aktiviti PIBG/sekolah.
- ii. Meningkatkan pelibatan dan jalinan pintar antara ibu bapa dengan pihak sekolah bagi pembangunan sahsiah dan disiplin murid secara menyeluruh melalui kerjasama dengan komuniti serta agensi tempatan seperti RELA, JKKK, PDRM dan lain-lain lagi.
- iii. Memantapkan peranan Kumpulan Penggerak Ibu bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPIBKK) serta Jurulatih Utama PIBK bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa dan komuniti melibatkan diri dengan memberi sumbangan berbentuk kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing membantu pihak sekolah sama ada di dalam atau di luar sekolah.
- iv. Memperluas promosi kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pelibatan mereka membantu pihak sekolah melalui media massa dan media cetak.

Punca Kuasa

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui Anjakan ke-9, iaitu bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti secara meluas.

4.4 Pembestarian Sekolah

Dasar

Pembestarian Sekolah

Pengenalan

Pembestarian Sekolah ialah proses berterusan memperluas pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pengurusan serta pentadbiran (PdT) ke semua sekolah melalui inisiatif ICT sedia ada supaya murid menjadi modal insan yang berupaya menghadapi cabaran abad ke-21 dan berfungsi dalam masyarakat berpengetahuan (*knowledge society*).

Gelombang ke-4 Pembestarian Sekolah, iaitu Konsolidasi dan Kelestarian (2011-2020) memberi tumpuan kepada perkara yang berikut:

- i. pemantapan infrastruktur;
- ii. peningkatan kemahiran dan kompetensi digital serta *pemikiran *computational* murid; dan
- iii. penilaian murid berasaskan keberhasilan.

Pernyataan Dasar

Pembestarian sekolah bertujuan mengoptimumkan potensi murid menguasai kemahiran inovasi digital dan kemahiran abad ke-21, menggunakan ICT sebagai pengupaya; meningkatkan kompetensi dan pembangunan profesional pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengintegrasikan ICT dalam pendidikan dengan berkesan; dan merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memanfaatkan semua inisiatif ICT sedia ada di sekolah merangkumi empat perkara utama, iaitu modal insan, perkakasan, perisian dan sumber pendidikan.
- ii. Membekalkan kemudahan ICT mengikut norma agihan yang ditetapkan dan memastikan peralatan dan infrastruktur ICT sentiasa berfungsi dan disenggara dengan baik.
- iii. Menyediakan kemudahan akses internet ke semua sekolah.
- iv. Membangunkan dan memperluas bahan digital berasaskan kurikulum berdasarkan piawaian yang ditetapkan.
- v. Memastikan pengurusan pembelajaran yang berkesan melalui persekitaran pembelajaran maya.
- vi. Menggalakkan perkongsian dan kelompok kolaboratif pakar dalam pembangunan bahan digital.
- vii. Memastikan pengurusan pentadbiran sekolah yang cekap dan berkesan melalui penggunaan sistem aplikasi pengurusan sekolah.
- viii. Meningkatkan kemahiran ICT pentadbir, guru, staf sokongan dan personel di sekolah, pejabat pelajaran daerah, jabatan pelajaran negeri dan bahagian-bahagian di KPM.
- ix. Meningkatkan kemahiran pengintegrasian ICT dalam PdP secara kreatif dan inovatif dalam kalangan guru.
- x. Menggalakkan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dan pertandingan yang mengintegrasikan ICT dan menghasilkan reka cipta/ inovasi.
- xi. Meningkatkan pelibatan pihak swasta, komuniti dan agensi luar dalam pelaksanaan pembestarian sekolah melalui perkongsian pintar (*smart partnership*).
- xii. Melibatkan kumpulan pakar untuk memberi input dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman.
- xiii. Menggalakkan inovasi / pendekatan baharu yang dapat menyumbang kepada penghasilan keputusan yang strategik, mempercepat pelaksanaan, menyelesaikan masalah, menggalakkan penyebaran amalan terbaik dan meningkatkan kemahiran.
- xiv. Memastikan pemantauan kemahiran dan kompetensi digital serta pemikiran komputasional murid menggunakan mekanisme pemantauan seperti *Digital Competency Standards* (DCS).
- xv. Memastikan pemantauan pembestarian sekolah dilaksanakan secara berterusan menggunakan mekanisme pemantauan seperti *Smart School Qualification Standards* (SSQS).
- xvi. Mengiktiraf sekolah yang telah memperoleh minimum 3-bintang dalam SSQS sebagai sekolah yang mencapai tahap bestari.
- xvii. Menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan ICT bagi memastikan penambahbaikan berterusan.
- xviii. Memantapkan perkongsian data pendidikan melalui sistem aplikasi di peringkat sekolah, jabatan dan kementerian.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Jemaah Menteri, Tahun 2005

* *pemikiran komputasional ialah kemahiran penyelesaian masalah harian secara berkesan melalui pengintegrasian alat (tool) ICT yang sesuai dan telah diterapkan dalam mata pelajaran TMK, Asas Sains Komputer dan Sains Komputer*

4.5 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Dasar

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK/ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pengenalan

Penggunaan komputer dalam pendidikan bermula pada tahun 1967 apabila Lembaga Peperiksaan (LP) menggunakan teknologi komputer dalam urusan pemprosesan data peperiksaan. Menyedari bahawa pendedahan awal kepada TMK/ICT dapat menyediakan generasi muda dengan nilai tambah kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi ledakan maklumat serta mengharungi arus globalisasi, TMK/ICT dijadikan mata pelajaran di sekolah pada awal 1990-an.

Dasar Wawasan 2020 telah memacu penggunaan TMK/ICT dengan meluas dalam pendidikan negara melalui pelancaran projek perdana Koridor Raya Multimedia pada tahun 1997 melalui Projek Sekolah Bestari. Pelbagai usaha membudayakan TMK/ICT juga telah diperkenalkan di sekolah bagi merapatkan jurang digital yang dihadapi oleh negara. Projek Makmal Komputer yang dilengkapi dengan komputer terkini dengan kemudahan LAN dan internet mula dilaksanakan pada tahun 1999.

Dasar ini dimulakan dengan mengambil kira gambaran menyeluruh tentang matlamat dan dasar negara seperti Pelan Transformasi Kerajaan (PTK), Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (PTE) dan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Dasar ini turut merangka hala tuju strategik dan aspirasi negara berserta matlamat dan keperluan Dasar TMK/ICT dalam Pendidikan, diikuti pula oleh pengenalan prasyarat pelaksanaan TMK/ICT dalam Pendidikan yang mampan dengan mengambil kira ciri unik sistem pendidikan dan aspirasi negara yang jelas.

Dasar ini juga diperkukuh dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM): Anjakan 7, iaitu Memanfaatkan TMK/ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia – TMK/ICT dalam Pendidikan dengan memastikan murid memanfaatkannya secara berkesan bagi meningkatkan pembelajaran mereka. KPM telah memperkenalkan asas TMK/ICT, iaitu sentiasa memastikan keupayaan infrastruktur TMK/ICT dipertingkatkan dari semasa ke semasa, memperkenalkan inovasi ICT serta mengekalkan penggunaan inovatif seluruh sistem, iaitu menerapkan pembelajaran menggunakan ICT sepenuhnya dalam Gelombang 3, PPPM.

Pernyataan Dasar

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK/ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah untuk memastikan penggunaan TMK/ICT untuk semua murid; TMK/ICT dalam pendidikan menjadi tanggungjawab bersama sektor awam, swasta dan komuniti; TMK/ICT sebagai pengupaya dalam pendidikan ke arah pembangunan modal insan berteraskan kemahiran abad ke-21 serta TMK/ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran pendidikan.

Pelibatan ibu bapa dan komuniti secara aktif dalam pembangunan akademik adalah untuk meningkatkan proses pembelajaran, keberhasilan murid dan secara menyeluruh dapat meningkatkan prestasi akademik murid dan sekolah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan infrastruktur dan perkakasan TMK/ICT yang mencukupi dan terkini untuk semua peringkat sekolah.
- ii. Membangunkan dan memperluas bahan digital berasaskan kurikulum dan menggalakkan perkongsian dan kelompok kolaboratif pakar bagi membangunkan bahan sumber digital tambahan.
- iii. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran reka bentuk pengajaran bagi pengintegrasian TMK/ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Membudayakan penggunaan TMK/ICT secara kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Jemaah Menteri, April 2010
- Mesyuarat *Flagship Coordination Committee* ke-30, 2010

4.6 Program Penerbitan Rancangan TV Pendidikan

Dasar

Program Penerbitan Rancangan TV Pendidikan

Pengenalan

Rancangan TV Pendidikan merupakan alat bantu mengajar yang dapat membantu guru mengendalikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah tetapi bukan pengganti guru dan disiarkan melalui siaran televisyen di Malaysia bermula tahun 1972. Selari dengan arus globalisasi, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 06 Disember 2006 telah menimbang dan mempersetujui Memorandum daripada Menteri Pelajaran (Memorandum No. 922/2535/2006 bertajuk, “Merapatkan Jurang Pendidikan Melalui TV Pendidikan”) supaya menyiarkan rancangan TV Pendidikan melalui laman sesawang.

Mulai 01 Mac 2008, video pendidikan boleh diakses melalui portal *EduwebTV* KPM (<http://www.eduwebtv.com.my>). Portal *EduwebTV* ialah portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Portal ini mempunyai tiga saluran utama, iaitu Kurikulum, Ehwat Semasa dan e-Guru.

Pernyataan Dasar

Program Penerbitan Rancangan TV Pendidikan adalah untuk menyebarkan bahan audio visual pendidikan bagi menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menerbitkan bahan audio video pendidikan berasaskan kurikulum bagi peringkat sekolah rendah dan menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Menerbitkan klip video bagi keperluan acara-acara utama Kementerian Pendidikan Malaysia.
- iii. Melaksanakan liputan peristiwa penting Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai bahan video dokumentasi.
- iv. Menyediakan khidmat nasihat serta kepakaran bagi penerbitan bahan grafik, audio dan video untuk keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- v. Memastikan bahan pendidikan yang dihasilkan disebar luas ke sekolah-sekolah di seluruh negara melalui portal *EduwebTV* (<http://www.eduwebtv.com.my>) untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Jemaah Menteri, 2006 - (Memorandum No. 922/2535/2006)
- Mesyuarat Jemaah Menteri, 1999 - (Memorandum No. 508/2186/99)
- Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 21/2006

4.7 Pinjaman Buku Teks

Dasar

Pinjaman Buku Teks

Pengenalan

Buku teks yang diperakukan oleh KPM merupakan bahan PdP yang utama, dan disediakan berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Pernyataan Dasar

Dasar Pinjaman Buku Teks ialah pemberian pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks kepada murid warganegara Malaysia di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menghasilkan buku teks mengikut keperluan kurikulum.
- ii. Memastikan sekolah membuat pesanan buku teks mengikut keperluan sebenar.
- iii. Memastikan pembekalan buku teks SPBT sampai ke sekolah sebelum hari pertama persekolahan bermula.
- iv. Memastikan pelaksanaan SPBT di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah diuruskan dengan cekap.
- v. Membekalkan buku teks, juga di sekolah-sekolah yang terlibat dengan program khas KPM seperti Program Khas Pelaksanaan Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Sekolah Dalam Hospital dan Kolej Vokasional.

Punca Kuasa

- 07 November 1979: Laporan Jawatankuasa Kabinet (Perkara 392 – 399)
- 23 Disember 1999: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1999
- 23 Februari 2000: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 05/2000
- 23 Jun 2017: Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2017
- 26 September 2007: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2007

4.8 Penggunaan Buku Teks dan Buku Aktiviti

Dasar

Penggunaan Buku Teks dan Buku Aktiviti

Pengenalan

Buku teks dan buku aktiviti yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri hendaklah diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pernyataan Dasar

Buku teks yang diperakukan oleh KPM wajib digunakan di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri.

Buku aktiviti bagi murid Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) yang diperakukan oleh KPM wajib digunakan di semua sekolah rendah kerajaan, sekolah rendah bantuan kerajaan dan Sekolah Agama Rakyat di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Strategi Pelaksanaan

- i. Menghasilkan buku teks dan buku aktiviti di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) mengikut keperluan kurikulum.
- ii. Memastikan pembekalan buku teks dan buku aktiviti di bawah SPBT sampai ke sekolah sebelum hari pertama persekolahan bermula.
- iii. Memastikan pelaksanaan SPBT di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah diuruskan dengan cekap.
- iv. Menjalankan kajian penggunaan Buku Teks dan Buku Aktiviti di sekolah.

Punca Kuasa

- 7 November 1979: Laporan Jawatankuasa Kabinet (Perkara 392 – 399)
- 17 Ogos 1987: Minit Mesyuarat Perancangan Pendidikan ke-99
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.12/1999 bertarikh 23 Disember 1999
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000 bertarikh 23 Februari 2000
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2007 bertarikh 26 September 2007

4.9 Pembekalan Buku Teks untuk Guru

Dasar

Pembekalan Buku Teks untuk Guru

Pengenalan

YB Menteri Pendidikan telah memutuskan bahawa semua guru dibekalkan dengan buku teks mengikut mata pelajaran yang diajarkan untuk memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran pada sesi pertemuan dengan delegasi Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) pada 16 Oktober 2016.

Pernyataan Dasar

Pembekalan buku teks adalah untuk guru di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri.

Strategi Pelaksanaan

- i. Membekalkan bantuan buku teks SPBT kepada semua guru di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri.
- ii. Memastikan pengurusan pinjaman buku teks untuk guru diuruskan oleh panitia mata pelajaran masing-masing. Ketua Panitia bagi mata pelajaran berkaitan perlu membuat pinjaman buku teks pada awal tahun dan memulangkannya kepada pihak sekolah pada akhir tahun.
- iii. Membekalkan buku teks kepada guru di sesebuah sekolah mengikut ketetapan yang berikut:

Nisbah Kelas Berbanding Buku Guru

| Bilangan Kelas | Bilangan Naskhah |
|----------------|------------------|
| 1 hingga 3 | 2 naskhah |
| 4 hingga 6 | 2 naskhah |
| 7 hingga 9 | 2 naskhah |
| 10 ke atas | 2 naskhah |

- iv. Memastikan pembekalan buku hanya melibatkan Buku Terbitan Baharu (BTB) berdasarkan judul yang sama dipesan oleh sekolah untuk murid.
- v. Memperoleh Buku Teks Cetakan Semula (BCS) dari bilik Operasi SPBT Sekolah (BOSS) atau Bilik Operasi SPBT Daerah (BOSD).
- vi. Membekalkan satu naskhah buku teks braille bagi mata pelajaran teras dan elektif, dan dua naskhah bagi buku teks masalah pembelajaran, ketidakupayaan penglihatan dan ketidakupayaan pendengaran di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) serta Program Inklusif.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, KPM Bil. 17/2016 bertarikh 04 November 2016
- 23 Jun 2017: Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2017

4.10 Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)

Dasar

Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)

| | |
|----------------------|---|
| Pengenalan | PBPPP merupakan suatu penilaian berdasarkan konsep Tugas dan Tempat Bertugas (<i>Job-Based and Workplace</i>) mengikut standard prestasi yang ditetapkan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. |
| Pernyataan Dasar | PBPPP adalah untuk menilai PPP secara menyeluruh dengan menggabungkan kompetensi, potensi dan keberhasilan untuk meningkatkan kecekapan dan komitmen bagi melahirkan PPP yang berprestasi tinggi. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">i. Merangka dan menyediakan Instrumen Penilaian PBPPP.ii. Merangka dan menyediakan Garis Panduan Instrumen Penilaian PBPPP.iii. Menyediakan dan mengedarkan Manual PBPPP.iv. Menyediakan dan mengedarkan Panduan Pegawai Penilai PBPPP.v. Menyediakan e-Video tentang PBPPP di alamat <i>eprestasi.moe.gov.my</i> yang merangkumi:<ol style="list-style-type: none">a) Latar Belakang PBPPP;b) Jawatankuasa PBPPP;c) Panduan Pegawai Penilai PBPPP;d) Makluman kepada Pegawai yang Dinilai;e) Kaedah Penilaian;f) Rubrik dan Skor Penilaian; dang) Contoh Penilaian.vi. Menyediakan Garis Panduan Penilaian Komponen Keberhasilan PBPPP.vii. Melaksanakan <i>Training of Trainers</i> bagi pelaksanaan PBPPP, iaitu:<ol style="list-style-type: none">a) Jurulatih Kebangsaan PBPPP (di peringkat JPN dan Bahagian);b) Jurulatih Utama (di peringkat PPD dan organisasi); danc) Taklimat organisasi (di peringkat sekolah dan pegawai PPP).viii. Merancang dan memantau pelaksanaan PBPPP.ix. Menganalisis data yang diperoleh daripada pelaksanaan dan skor PBPPP untuk penambahbaikan berterusan. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">• Makmal <i>Government Transformation Programmes 2.0</i>• Anjakan 4 dan 5, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025• 19 September 2013: Mesyuarat <i>Delivery Task Force</i> yang dipengerusikan oleh mantan YAB Menteri Pendidikan• Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 16 Tahun 2015• 21 Oktober 2015: Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara• 05 November 2015: Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, rujukan JPA.BK(S)174/3/14 (50)• 20 November 2015: Surat Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, rujukan KP(BPPK) 112/40 Jilid 2 (5) |

4.11 Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

Dasar

Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

| | |
|----------------------|--|
| Pengenalan | <p>Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) dilaksanakan sebagai usaha memastikan guru berkualiti dan kekal berkualiti dalam sistem pendidikan negara sepanjang tempoh perkhidmatan. Usaha ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 anjakan ke-4: Transformasi Perguruan Sebagai Profesion Pilihan dan anjakan ke-5: Memastikan Kepimpinan Berprestasi Tinggi Ditempatkan di Setiap Sekolah.</p> <p>Matlamat PPB adalah untuk membangunkan potensi dan kompetensi profesional Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) agar dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan dan cemerlang secara berterusan bagi melahirkan modal insan yang holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.</p> |
| Pernyataan Dasar | <p>Program PPB adalah untuk melengkapkan diri PPP dengan amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kemahiran secara terancang bagi memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti, mengukuhkan tahap profesionalisme keguruan melalui laluan kerjaya guru yang menarik.</p> |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Merancang Pelan Operasi Latihan berdasarkan hala tuju pendidikan dan keperluan latihan PPP.Memastikan pelaksanaan tujuh hari latihan dalam setahun kepada semua PPP secara pemantauan melalui Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM).Melaksanakan kajian keperluan latihan yang diperlukan oleh PPP.Merancang dan melaksanakan pelbagai kaedah latihan PPB.Memantau dan merekod pelaksanaan PPB melalui SPLKPM.Menjalankan penilaian keberkesanan latihan dan kajian impak PPB yang telah dilaksanakan. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Guru dan Pemimpin Sekolah) KPM Edisi 2014Pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia KPM - Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 4 Tahun 201627 Oktober 2016: Mesyuarat Profesional KPM Bil. 33/201621 November 2016: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-212Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan KPM Edisi 2016 |

4.12 Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)

Dasar

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)

Pengenalan

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan program transformasi secara holistik bagi membangunkan sekolah sebagai institusi pembelajaran (*learning school*) yang berkesan.

Matlamat program adalah untuk melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, pelibatan pembelajaran murid yang aktif dan bermakna dengan disokong kepimpinan yang berkualiti/berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu. Usaha ini selaras dengan enam Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM 2013-2025. Menjelang tahun 2025 semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan program TS25 sepenuhnya.

Pernyataan Dasar

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) adalah untuk mentransformasikan sekolah sebagai institusi pembelajaran (*learning school*), dan memastikan kemenjadian murid yang holistik melalui peningkatan keupayaan kepimpinan dan profesional guru secara berterusan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Membangunkan kepakaran dalaman KPM melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada Rakan *Educational Leadership and Instructional Team* (ELIT) dalam kalangan pensyarah Institut Aminuddin Baki, Institut Pendidikan Guru, pegawai jabatan pendidikan negeri, pegawai pejabat pendidikan daerah, pengetua/guru besar dan guru penolong kanan.
- ii. Membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dengan menyediakan suasana bilik darjah yang kondusif dan fleksibel, teknik pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan berkesan, pengurusan sekolah yang cekap dengan mengutamakan kemenjadian murid.
- iii. Memberikan latihan, bimbingan dan sokongan profesional kepada sekolah yang terlibat daripada aspek pedagogi dan kepimpinan oleh Rakan ELIT secara berterusan serta komitmen komuniti yang padu.

Punca Kuasa

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- 19 Januari 2015: Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 02/2015
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf Bil. 01/2015 bertarikh 12 Mac 2015
- Mesyuarat Profesional KPM Bil. 03/2016
- 01 Disember 2016: Mesyuarat Pengurusan KPPM Bil. 04/2016

4.13 Standard Guru Malaysia (SGM)

Dasar

Standard Guru Malaysia (SGM)

Pengenalan

Guru yang profesional dan kompeten hendaklah sentiasa bersedia mengemas kini pengetahuan dan menguasai kemahiran terkini selaras dengan peranan guru sebagai sumber utama dan pemudah cara pengajaran dan pembelajaran (PdP), agen perubahan dan sumber inspirasi kepada murid. Bagi menjamin dan melestarikan kualiti guru, Standard Guru Malaysia (SGM) telah dibangunkan.

SGM berupaya memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan menambah baik laluan kerjaya guru.

SGM menjadi panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan.

Pernyataan Dasar

SGM menggariskan standard bagi kompetensi profesional, iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran PdP yang patut dicapai oleh guru serta keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menjadikan standard pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam SGM sebagai rujukan standard kompetensi minimum yang perlu ada sebagai seorang guru.
- ii. Menggunakan instrumen yang terdapat dalam SGM sebagai penilaian sendiri PPP dan menjadi panduan kepada agensi serta institusi latihan menyediakan latihan bagi melahirkan guru yang memenuhi SGM. Instrumen penilaian relevan digunakan sehingga SGM disemak semula.
- iii. Menyediakan guru yang:
 - a) mengamalkan amalan nilai profesionalisme keguruan;
 - b) mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mantap dalam bidang pendidikan dan keguruan; dan
 - c) mempunyai kemahiran pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Menetapkan kelayakan masuk dan prosedur kemasukan latihan perguruan.
- v. Menetapkan keperluan latihan, pentaksiran dan penilaian program latihan perguruan.
- vi. Melaksanakan jaringan kolaboratif antara agensi dan institusi latihan perguruan dengan sekolah dan institusi pendidikan tinggi di dalam negara dan di luar negara.
- vii. Menyediakan infrastruktur dan infostruktur yang lengkap dan terkini untuk mewujudkan iklim belajar dan bekerja yang kondusif.

Punca Kuasa

- Mesyuarat Majlis Profesional Pengurusan dan Pentadbiran (M3P) BPG Bil. 07/2007
- Mesyuarat Pengurusan Pendidikan KPPM Bil. 02/2008
- Standard Guru Malaysia KPM Edisi 2009

4.14 Menjadi Guru Malaysia

Dasar

Menjadi Guru Malaysia

Pengenalan

Menjadi Guru Malaysia (MGM) ialah satu inisiatif yang dibangunkan merangkumi tiga peringkat, iaitu kelayakan guru, pendaftaran dan pensijilan guru serta pengekalan kualiti guru.

Inisiatif ini dibangunkan untuk memartabatkan profesion keguruan selaras dengan Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu 'Transformasi Keguruan Sebagai Profesion Pilihan'.

Sistem Guru Malaysia (SGMy) ialah satu sistem yang dibangunkan sebagai pengupaya kepada inisiatif MGM untuk mengurus rekod daftar guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Guru Swasta di institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM.

Pernyataan Dasar

Menjadi Guru Malaysia (MGM) adalah untuk menjadikan PPP yang berada dalam profesion keguruan diiktiraf sebagai golongan yang profesional dan sentiasa berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengintegrasikan maklumat PPP yang diperlukan dalam e-OPERASI.
- ii. Mengurus rekod daftar dan profil PPP KPM serta rekod pendaftaran guru swasta di institusi pendidikan swasta dalam SGMy.
- iii. Mengeluarkan dan mencetak Sijil Guru Malaysia yang mengandungi nombor unik kepada guru yang memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan.
- iv. Memaparkan *dashboard* yang mengandungi statistik guru semasa.

Punca Kuasa

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- Mesyuarat Profesional KPM Bil. 32/2015, Bil.37/2015 (26 November 2015) dan Bil. 38/2015 (10 Disember 2016)
- 4 Februari 2016: Mesyuarat Profesional KPM Bil. 05/2016 () dan Bil. 10/2016 (17 Mac 2016)
- 1 April 2016: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 06/2016
- 1 April 2016: Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri KPM Bil. 06/2016
- 28 Jun 2016: Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan (JPP) Bil. 210/2016

4.15 Program Pendidikan Inklusif

Dasar

Program Pendidikan Inklusif

Pengenalan

Program Pendidikan Inklusif (PPI) ialah suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain di dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau di sekolah bantuan kerajaan pada peringkat prasekolah, rendah, menengah atau lepas menengah.

Enrolmen MBK dalam Program Pendidikan Inklusif merangkumi MBK di dalam kelas inklusif penuh dan inklusif separa. Inklusif penuh boleh dilaksanakan di semua sekolah kerajaan dan di sekolah bantuan kerajaan. MBK di dalam kelas inklusif penuh belajar sepenuh masa bersama-sama murid arus perdana bagi semua mata pelajaran berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan bantuan atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan.

Inklusif separa hanya boleh dilaksanakan di sekolah yang mempunyai PPKI. MBK di dalam kelas inklusif separa belajar bersama-sama murid arus perdana bagi satu atau beberapa mata pelajaran. MBK yang mengikuti kegiatan kokurikulum bersama-sama murid arus perdana secara berjadual juga diambil kira sebagai inklusif separa.

MBK mengikuti inklusif separa bagi mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan sedikit atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan.

Pernyataan Dasar

Program Pendidikan Inklusif adalah untuk memastikan MBK mendapatkan hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan dan dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana bagi meningkatkan kemahiran kehidupan harian mereka; membina keyakinan diri bagi mencapai potensi yang optimum; seterusnya meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBK.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengenal pasti, menjalankan intervensi MBK lebih awal dan menyediakan sokongan bersesuaian kepada MBK yang berada dalam PPI.
- ii. Memastikan PPI dilaksanakan berpandukan garis panduan yang ditetapkan.
- iii. Memastikan bilangan MBK PPKI dienrol dalam PPI penuh dan separa meningkat.
- iv. Memastikan MBK PPI diberi sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan.
- v. Memastikan kesediaan pentadbir dan guru arus perdana menerima MBK ke PPI ditingkatkan melalui latihan dan pendedahan yang berkaitan.
- vi. Memastikan sekolah menyediakan kemudahan mesra OKU dan persekitaran yang kondusif bagi menyokong pembelajaran MBK di kelas inklusif.
- vii. Melaksanakan program bersepadu meningkatkan kesedaran tentang MBK melibatkan warga sekolah dan komuniti setempat.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Akta Orang Kurang Upaya 2008
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025
- Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 10 Tahun 2014: Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas

4.16 Program Pendidikan Khas Integrasi

Dasar

Program Pendidikan Khas Integrasi

Pengenalan

Program Pendidikan Khas Integrasi ialah satu program pendidikan yang khusus untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) yang belajar di kelas khas di sekolah kerajaan atau di sekolah bantuan kerajaan.

Pernyataan Dasar

Program Pendidikan Khas Integrasi adalah untuk menyediakan akses pendidikan yang berkualiti, relevan dan sesuai untuk MBK mengembangkan potensi, bakat serta minat bagi meningkatkan kemahiran bersosial MBK agar dapat menjalani kehidupan bermakna.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas di peringkat prasekolah melalui perkhidmatan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- ii. Memastikan pelaksanaan berdasarkan panduan pengoperasian PPKI.
- iii. Meningkatkan kompetensi kepimpinan instruksional dalam kalangan guru PPKI dan pemimpin sekolah.
- iv. Memastikan pelaksanaan kurikulum yang luwes, relevan dan berkualiti tinggi.
- v. Memastikan standard pelaksanaan dengan mengambil kira kepimpinan, pengurusan, kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, pengajaran dan pembelajaran serta kemenjadian murid secara holistik melalui penilaian instrumen penarafan bintang PPKI.
- vi. Menyediakan perkhidmatan sokongan untuk keperluan murid berkeperluan khas.
- vii. Memastikan guru Pendidikan Khas serta Pembantu Pengurusan Murid (PPM) yang mencukupi, terlatih dan berkemahiran dalam bidang pendidikan khas.
- viii. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pendidikan khas dan MBK.
- ix. Merancang, mengelola, memantau, menyelia dan mengawal pelaksanaan PPKI secara berterusan.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025
- Surat Siaran KPM Bil. 06 Tahun 2015: Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi

4.17 Program Pemulihan Khas

Dasar

Program Pemulihan Khas

Pengenalan

Program Pemulihan Khas ialah satu program pendidikan disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran pada Tahap 1 persekolahan. Program ini dilaksanakan oleh guru pemulihan khas yang telah menjalani latihan khusus dan di ruang yang khusus.

Program Pemulihan Khas merupakan program penting yang perlu dilaksanakan bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran 3M semasa di Tahap 1 sebelum melangkah ke Tahun 4.

Setelah mengikuti program ini murid dapat:

- i. menguasai kemahiran asas 3M;
- ii. meneruskan pembelajaran di kelas biasa;
- iii. membina keyakinan diri dan bersikap positif terhadap pembelajaran;
- iv. intervensi dan perhatian secara individu daripada aspek pembelajaran mengikut tahap perkembangan intelek mereka; dan
- v. meningkatkan potensi mereka ke tahap optimum;

Pernyataan Dasar

Program Pemulihan Khas adalah untuk memastikan murid yang menghadapi masalah khusus dalam penguasaan kemahiran asas 3M diberi bimbingan dan intervensi pemulihan khas.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menambah baik pengurusan Program Pemulihan Khas mengikut keperluan dasar pendidikan semasa.
- ii. Memastikan pelaksanaan PdP mengikut keperluan khusus murid berdasarkan kemahiran pemulihan khas yang perlu dikuasai.
- iii. Menambah baik strategi pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan khas untuk membantu murid pemulihan khas menguasai kemahiran asas 3M.
- iv. Mewujudkan ruang pembelajaran yang kondusif, berbeza daripada kelas biasa bagi membantu meningkatkan potensi murid.
- v. Memastikan nilai-nilai murni dipupuk di dalam diri murid seperti semangat kerjasama, bertimbang rasa, berdisiplin, dan tidak malu untuk belajar.
- vi. Memastikan guru mengaplikasikan teknik pengajaran mengikut kepelbagaian kecerdasan murid seperti kinestetik *verbal-linguistik*, *interpersonal* dan sebagainya.
- vii. Menyediakan *headcount* pencapaian setiap murid pemulihan khas bagi menilai tahap pencapaian individu murid.
- viii. Memastikan pentadbir sekolah memantau, dan menilai kemajuan pelaksanaan program serta pencapaian murid Program Pemulihan Khas.

- ix. Menggalakkan pelibatan guru-guru pemulihan sekolah lain untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta motivasi guru melalui program kunjung bantu dan bimbingan.
- x. Meningkatkan pelibatan ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam Program Pemulihan Khas melalui program sarana ibu bapa dan sarana sekolah.

Punca Kuasa

- 22 Januari 1985: Surat Siaran Bahagian Sekolah-Sekolah KP(BS)8594/ Jld.II(32): Guru Khas Pendidikan Pemulihan.
- 28 Januari 1986: Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KP (BS)8502/5/PK/Jld.V(26): Kelas Khas Pemulihan di Sekolah-sekolah Rendah 1986
- 17 Mac 1986: Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KP(BS)8502/5/PK/Jld.V(29): Pengawasan dan Penyeliaan Program Pemulihan
- 30 Jun 1989: Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KP(BS)8502/PK/Jld.V(34): Guru Khas Pemulihan Khas dan Penubuhan Kelas Khas Pemulihan di Sekolah-sekolah Rendah
- 22 April 2010: Surat Pekeliling Iktisas Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia KP(BPK)400-32/6 Jld.3(61) bertarikh: Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Tahap 1 di Sekolah Rendah
- 23 Mac 2012: Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 09 Tahun 2012 KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.4(1): Tatacara Pelaksanaan Saringan dan Tahap Penguasaan Literasi dan Numerasi (LINUS) Murid Tahap Satu, Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- 03 Julai 2012: Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 24 Tahun 2012 KP(BPSH-SPDK)201/005/02Jld.4(18): Guru Pemulihan di bawah NKRA Pendidikan – LINUS
- 29 Oktober 2012: Surat Siaran Bahagian Pendidikan Khas.KPM.BPKHAS.300-2/2/3 (24): Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Tahun 2012
- 20 Februari 2013: Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 06 Tahun 2013 KP(BPSH_SPDK)201/005/02 Jld. 4(45): Pelaksanaan Program LINUS 2.0: Literasi Bahasa Melayu dan Numerasi serta Pelaksanaan Literasi Bahasa Inggeris Mulai Tahun 2013
- 28 Februari 2014: Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 06 Tahun 2014 KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 5 (32): Garis Panduan Perkhidmatan Guru Pemulihan Khas LINUS
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025

4.18 Pemastian Kualiti Pendidikan di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Dasar

Pemastian Kualiti Pendidikan di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pengenalan

Peranan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] sebagai badan pemastian standard kualiti pendidikan negara.

JNJK bertanggungjawab memastikan standard kualiti pendidikan negara mencapai tahap yang disasarkan ke arah kemenjadian murid yang menyeluruh. Proses menarafkan kualiti pendidikan di institusi pendidikan, iaitu Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) melibatkan proses dan *output* yang digunakan oleh pihak sekolah untuk membuat bimbingan, pengiktirafan dan penambahbaikan berterusan.

Peranan ini dilaksanakan dengan penaziran secara profesional, berkualiti dan beretika bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan di institusi pendidikan.

Pernyataan Dasar

Pemastian kualiti pendidikan di Institusi Pendidikan KPM bertujuan memastikan semua institusi pendidikan menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti agar semua murid mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melakukan pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun bagi sekurang-kurangnya 70 peratus institusi pendidikan.
- ii. Memberi nasihat kepada setiap institusi pendidikan yang diperiksa semasa Perjumpaan Penutupan pada hari terakhir setiap pemeriksaan bagi membolehkan institusi berkenaan mengambil tindakan penambahbaikan.
- iii. Menghantar dapatan pemeriksaan secara bertulis kepada institusi pendidikan yang diperiksa:
 - a) dalam tempoh 10 hari bekerja selepas tamat pemeriksaan bagi Pemeriksaan Penarafan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), Pemeriksaan Penarafan Institusi Pendidikan dan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan; dan
 - b) pada hari akhir bagi Pemeriksaan Tindak Ikut.
- iv. Mengemukakan Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Institusi Pendidikan kepada Menteri Pendidikan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu:
 - a) Pemeriksaan Penarafan PdP – dalam tempoh 40 hari bekerja selepas tamat pemeriksaan;
 - b) Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan – dalam tempoh 40 hari bekerja selepas tamat pemeriksaan; dan
 - c) Pemeriksaan Penarafan Institusi Pendidikan – dalam tempoh 45 hari bekerja selepas tamat pemeriksaan.
- v. Mengongsi hasil pemeriksaan yang telah mendapat perakuan Menteri Pendidikan dengan pihak yang bertanggungjawab atau pemegang taruh bagi tujuan penambahbaikan kualiti pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]

4.19 Pemastian Kualiti Pendidikan Prasekolah Kelolaan Semua Agensi Kerajaan dan Swasta Berasaskan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)

Dasar

Pemastian Kualiti Pendidikan Prasekolah Kelolaan Semua Agensi Kerajaan dan Swasta Berasaskan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)

Pengenalan

Pendidikan prasekolah merupakan salah satu fokus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 yang menekankan usaha meluaskan akses pendidikan prasekolah berkualiti kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun.

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dipertanggungjawabkan menerajui pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) bagi semua agensi kerajaan dan swasta yang menawarkan program pendidikan prasekolah.

SKPK merupakan instrumen yang digunakan untuk pengurus prasekolah melaksanakan penarafan sendiri bagi mengenal pasti tahap kualiti pendidikan prasekolah yang disediakan. Berdasarkan hasil penarafan sendiri berkenaan, pelbagai usaha penambahbaikan dirangka dan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah di prasekolah kerajaan dan swasta.

Pernyataan Dasar

SKPK bertujuan memastikan semua prasekolah awam dan swasta melepasi standard minimum prasekolah kebangsaan berdasarkan instrumen SKPK supaya semua kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah mempunyai akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan penaziran terhadap institusi pendidikan dengan berpandukan instrumen prasekolah SKPK.
- ii. Menarafkan institusi prasekolah mengikut tahap pencapaian SKPK.
- iii. Memastikan institusi prasekolah di semua agensi pelaksana membuat penarafan sendiri berasaskan SKPK.
- iv. Memastikan pegawai, pentadbir institusi dan guru prasekolah mendapat maklumat yang jelas dan tepat berkaitan instrumen serta proses pelaksanaan penarafan sendiri SKPK.
- v. Memastikan semua agensi pelaksana membuat pemantauan terhadap status penarafan sendiri SKPK.
- vi. Memastikan semua agensi pelaksana menjalankan verifikasi penarafan sendiri SKPK terhadap institusi masing-masing bagi menentusahkan kebolehpercayaan penarafan sendiri SKPK yang dilaksanakan oleh institusi berkenaan.
- vii. Memastikan semua agensi pelaksana menyediakan laporan verifikasi penarafan sendiri SKPK institusi masing-masing.
- viii. Memastikan tindakan penambahbaikan diambil berdasarkan hasil verifikasi penarafan sendiri SKPK.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025)

4.20 Penarafan Sekolah Berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)

Dasar

Penarafan Sekolah Berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)

Pengenalan

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) merupakan instrumen standard yang menilai aspek pengurusan dan penyampaian pendidikan di sekolah. Instrumen ini dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai satu usaha meningkatkan tahap kualiti pendidikan di institusi pendidikan supaya mencapai standard yang ditetapkan.

SKPMg2 diguna pakai oleh sekolah untuk melaksanakan penilaian sendiri sekolah bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan. Berdasarkan hasil penarafan sendiri, sekolah dapat menggunakan kekuatan dan peluang yang ada untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan. Di samping itu, taraf sekolah ditentukan berdasarkan hasil penarafan sendiri berasaskan SKPMg2.

SKPMg2 digunakan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dalam pemeriksaan yang dijalankan. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menggunakan SKPMg2 dalam proses membimbing sekolah untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan penyampaian pendidikan.

Pernyataan Dasar

Penarafan sendiri sekolah berasaskan SKPMg2 dilaksanakan oleh pengurusan sekolah untuk memastikan kualiti pendidikan yang disediakan untuk murid pada tahap yang ditetapkan. Seterusnya, hasil penarafan sendiri sekolah berasaskan SKPMg2 digunakan untuk menentukan taraf sekolah (*band*).

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan pegawai, pentadbir institusi dan guru pendidikan mendapat maklumat yang jelas dan tepat berkaitan SKPMg2 serta proses pelaksanaan penarafan sendiri.
- ii. Memastikan sekolah membuat penarafan sendiri berasaskan SKPMg2 dengan betul dan berintegriti.
- iii. Melaksanakan pengauditan SKPMg2 bagi memastikan kesahan penarafan sendiri sekolah berasaskan SKPMg2 untuk meningkatkan kebolehpercayaan taraf sekolah.
- iv. Melaksanakan penarafan sekolah menggunakan data penarafan sendiri berasaskan SKPMg2 yang dilaksanakan oleh sekolah.
- v. Memastikan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) membuat pemantauan terhadap status penarafan sendiri berasaskan SKPMg2 semua sekolah di bawah tanggungjawab masing-masing.
- vi. Melaksanakan pemeriksaan verifikasi penarafan sendiri sekolah berasaskan SKPMg2 untuk penambahbaikan kualiti pendidikan yang disediakan.
- vii. Memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan oleh sekolah berdasarkan hasil pemeriksaan verifikasi penarafan sendiri berasaskan SKPMg2.

Punca Kuasa

- Seksyen 117-121, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

4.21 Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia

Dasar

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengenalan

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia ialah teras kepada aspek pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling ini juga menekankan usaha ke arah kesejahteraan individu dan melaksanakan pendekatan berbentuk PPPi, iaitu pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi kepada warga KPM.

Pernyataan Dasar

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling bertujuan menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling menyeluruh dan berkualiti tinggi kepada warga Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pembangunan kesejahteraan modal insan yang amanah, berintergriti, kreatif serta inovatif.

Strategi Pelaksanaan

- i. Mematuhi garis panduan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang komprehensif.
- ii. Memperkukuh kompetensi Kaunselor Organisasi.
- iii. Melaksanakan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling secara holistik.
- iv. Memastikan keperluan psikologi dan kaunseling warga KPM dipenuhi.
- v. Memantapkan kualiti perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam pengurusan sumber manusia di Kementerian Pendidikan Malaysia dengan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi Kaunselor Organisasi ke tahap optimum secara berterusan.
- vi. Melaksanakan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

Punca Kuasa

- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 1999: Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling Di Agensi Awam.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

4.22 Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah dan Pengurusan Kumpulan Wang Sekolah

Dasar

Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah dan Pengurusan Kumpulan Wang Sekolah

Pengenalan

Pengauditan ini dilaksanakan terhadap Penyata Kewangan Sekolah di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan setiap tahun mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Terdapat tiga jenis Kumpulan Wang Sekolah yang diaudit seperti yang berikut:

- i. Kumpulan Wang Kerajaan (KWK);
- ii. Kumpulan Wang Sumbangan Wang Awam (SUWA); dan
- iii. Kumpulan Wang Asrama (KWA).

Pernyataan Dasar

Pengauditan Penyata Kewangan Sekolah dan Pengurusan Kumpulan Wang Sekolah bertujuan menyemak dan mengesahkan Penyata Kewangan Sekolah dan Pengurusan Kumpulan Wang Sekolah dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan kedudukan kewangan sekolah yang benar dan saksama.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan Penyata Kewangan Tahunan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan dikemukakan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab.
- ii. Mengemukakan penyata ini kepada Bahagian Audit Sekolah untuk tujuan pengauditan tidak lewat dari 31 Mac tahun berikutnya.
- iii. Mengaudit Penyata Kewangan Tahunan Sekolah tersebut dan menyediakan Laporan Audit kepada Pengurus Sekolah dan Ketua Pusat Tanggungjawab yang berkenaan bagi maksud Peraturan 9 serta Laporan Audit Tahunan Disatukan.
- iv. Program pengauditan dijalankan mengikut dua jenis kaedah pengauditan seperti yang berikut:
 - a) Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan; dan
 - b) Pengauditan Pematuhan/Pengurusan Kewangan.

Punca Kuasa

- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 yang dibuat di bawah seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012
- Peraturan-Peraturan Kewangan lain yang sedang berkuat kuasa

4.23 Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Prestasi di Kementerian Pendidikan Malaysia

Dasar

Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Prestasi di Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengenalan

Pengauditan pengurusan kewangan dijalankan untuk menilai tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

Pengauditan prestasi dijalankan untuk menilai sama ada program/aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan ekonomik serta mencapai objektif yang ditetapkan.

Pernyataan Dasar

Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Prestasi ialah khidmat perundingan yang dilaksanakan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi KPM melalui penilaian keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan secara pusingan di Pusat Tanggungjawab terhadap kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, aset, stor serta kenderaan Jabatan.
- ii. Menjalankan pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti Kementerian.

Punca Kuasa

- 1Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1- Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

4.24 Program Perolehan Bekalan/Perkhidmatan, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset KPM

Dasar

Program Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset KPM

Pengenalan

Pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan, penyelenggaraan dan pengurusan aset merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan perolehan tahunan (*annual procurement plan*) bagi perolehan bekalan masakan bermasak, perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan serta penyelenggaraan bangunan bagi pengurusan aset yang dilaksanakan oleh KPM.

Pernyataan Dasar

Program perolehan bekalan/perkhidmatan, penyelenggaraan dan pengurusan aset adalah bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan, penyelenggaraan dan pengurusan aset yang dilaksanakan menepati piawaian yang ditetapkan serta mentadbir urus perolehan, penyelenggaraan dan pengurusan aset di bawah KPM secara sistematik, berkualiti, cekap dan penuh integriti.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan Sistem Pengurusan Perolehan (bekalan/perkhidmatan) bagi semua institusi pendidikan di bawah KPM dengan penggunaan sistem e-Perolehan.
- ii. Menyediakan Terma Rujukan bagi penyediaan dokumen tender dan kontrak bagi bekalan dan perkhidmatan untuk memudahkan urusan berkaitan pentadbiran agar dapat memberi kefahaman kepada bahagian / jabatan serta pelanggan yang berurusan dengan BPPA.
- iii. Melaksanakan Sistem Pengurusan Aset dan Stor serta Sistem Pelantikan Pegawai Aset dalam pengurusan aset alih KPM.
- iv. Melaksanakan pemantauan berkala untuk menilai keberkesanan serta kualiti bekalan/perkhidmatan, pengurusan aset dan pematuhan kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- v. Memastikan pematuhan ke atas kontrak sewaan bagi permohonan penyewaan aset tak alih intitusi pendidikan di bawah KPM.

Punca Kuasa

- 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Perolehan Kerajaan (PK2)
- 1PP (AM2.1) – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
- 1PP (AM6.1) – Tatacara Pengurusan Stor
- Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) – Pemberian Kuasa di Bawah Seksyen 2 berkuat kuasa pada 26 Ogos 2016
- Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)
- Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 1 Tahun 2013 – Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian / Jabatan Pengguna bagi Ruang Bangunan (Premis)
- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan

4.25 Latihan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan

Dasar

Latihan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan

Pengenalan

Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan institusi dalam Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab kepada pembangunan latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. IAB diberi mandat untuk membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM bagi menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Pernyataan Dasar

Latihan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan adalah untuk memastikan pengurus dan pemimpin pendidikan di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah menerima latihan berterusan untuk meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan profesionalisme dalam pengurusan pendidikan ke arah sistem pendidikan bertaraf dunia.

Strategi Pelaksanaan

- i. Membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM, IAB memenuhi tanggungjawabnya melalui enam fungsi utama, iaitu:
 - Latihan
 - Pentaksiran
 - Konsultasi
 - Penyelidikan
 - Penerbitan
 - Pasukan Pemikir
- ii. Membangunkan kompetensi Pemimpin Pertengahan yang terdiri daripada Guru Kanan Mata Pelajaran di sekolah menengah dan Ketua Panitia di sekolah rendah, Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan atau LCML (*Leadership Course for Middle Leaders*) digubal. Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan ini adalah untuk memastikan pemimpin pertengahan ini menguasai kompetensi-kompetensi tertentu supaya mereka boleh menjalankan peranan sebagai pemimpin pertengahan yang berkesan di sekolah.
- iii. Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah, dan IAB telah melaksanakan Kursus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) khusus untuk melatih kelompok pemimpin pelapis.

Punca Kuasa

- Mac 2009: Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979 - Penubuhan *Malaysian Educational Staff Training Institute* (MESTI)
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di bawah Anjakan 5: memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah

4.26 Pengurusan Sumber Manusia

Dasar

Pengurusan Sumber Manusia

Pengenalan

Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan nadi penggerak dan teras utama pembangunan modal insan sekali gus mendukung Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menentukan hala tuju dasar jangka panjang melalui inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan bagi merealisasikan transformasi pendidikan negara.

Pernyataan Dasar

Pengurusan Sumber Manusia adalah untuk memastikan pengurusan sumber manusia dikendalikan dengan cekap, berkesan dan berkualiti bagi mencapai matlamat kecemerlangan pendidikan negara.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan melaksanakan kajian-kajian berkaitan pengurusan sumber manusia serta mengurus maklum balas hal-hal berkaitan sumber manusia KPM bagi memenuhi keperluan organisasi selaras dengan Dasar Pendidikan Negara.
- ii. Mengkaji dan memperakukan permohonan perjawatan, penstrukturan/ pemantapan organisasi, melaksanakan pengurusan Waran Perjawatan yang diluluskan oleh Perbendaharaan, melaksanakan pengemaskinian Senarai Perjawatan KPM, maklumat pengisian dan perjawatan semua organisasi di bawah KPM, dan menjalankan pengurusan audit perjawatan organisasi agar struktur organisasi yang mantap dengan bilangan personel pada tahap optimum dapat dicapai.
- iii. Mengurus hal-hal perkhidmatan bermula daripada pelantikan sehinggalah tamat perkhidmatan dan mengurus hal-hal berkaitan pengurusan elaun serta kemudahan, mesyuarat bersama-sama kesatuan guru dan bukan guru serta Mesyuarat Bersama-sama Jabatan bagi memastikan kepentingan perkhidmatan warga KPM sentiasa terpelihara.
- iv. Merangka, merancang, melaksanakan dan memantau pelaksanaan HRMIS serta penyelenggaraan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) seluruh warga KPM bagi memastikan pengurusan BPK sentiasa lengkap dan teratur.
- v. Merancang, melaksanakan, memantau dan menilai keperluan latihan warga Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam di samping mengutamakan program-program latihan yang mempunyai kesan langsung ke atas output/ produktiviti serta pembelajaran berterusan bagi meningkatkan kompetensi anggota.
- vi. Melaksanakan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat secara hakiki berdasarkan kekosongan, urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based Berasaskan Kecemerlangan* (TBBK), urusan kenaikan pangkat Laluan Cemerlang dan Khas bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan urusan kenaikan

pangkat Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat ini adalah untuk melaksanakan laluan peningkatan kerjaya kepada PPP/ AKP yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berpotensi.

vii. Mengurus penganugerahan darjah kebesaran, bintang, pingat Peringkat Persekutuan dan Negeri, pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), dan Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta komitmen anggota di KPM.

Punca Kuasa

- Merujuk fungsi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berdasarkan carta organisasi yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

4.27 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengurusan Pendidikan

Dasar

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengurusan Pendidikan

Pengenalan

TMK merupakan *business enabler* bagi mempertingkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan KPM dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada pelanggan melalui perkhidmatan digital yang kreatif dan inovatif serta memperluas liputan perkhidmatan yang mudah diakses oleh rakyat.

Pernyataan Dasar

TMK dalam pengurusan pendidikan adalah untuk memastikan sistem penyampaian KPM adalah efektif, efisien dan responsif selari dengan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua.

Strategi Pelaksanaan

- Pelan Transformasi ICT KPM

Punca Kuasa

- Pekeliling dan Surat Pekeling MAMPU: Arahan Teknologi Maklumat – Tahun 2007
- PA 01/2015: Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam
- SPA 03/2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT Agensi Sektor Awam
- SPA 03/2009: Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam
- PKPA Bil. 2 2015 - Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam
- PTPA Bil.1/2016: Panduan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif
- PTPA Bil. 1/2017: Pelaksanaan Analitis Data Raya Sektor Awam



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 5



Bantuan Pendidikan

5

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BAB 5: BANTUAN PENDIDIKAN

Bab 5 menerangkan bantuan pendidikan yang disediakan oleh KPM dengan lebih terperinci. Bantuan pendidikan merupakan usaha murni kerajaan bagi merapatkan jurang pendidikan yang wujud antara murid di bandar dengan murid di luar bandar, golongan miskin dengan golongan berada, murid normal dengan murid berkeperluan khas serta kemudahan bagi murid yang ditimpa bencana. Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga, pemberian bantuan pendidikan dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus menimba ilmu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan aspirasi PPPM 2013 - 2025. Bantuan Pendidikan yang disediakan oleh KPM mampu memenuhi matlamat bagi memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Bantuan pendidikan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, juga dalam aspek kebajikan dan keperluan sosial murid.



BAB 5: BANTUAN PENDIDIKAN

5.1 Bantuan Makanan Asrama (BMA)

Dasar

Bantuan Makanan Asrama (BMA)

Pengenalan

Bantuan Makanan Asrama (BMA) ialah bantuan persekolahan yang bertujuan untuk memastikan setiap murid yang menghuni asrama di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan asrama di bawah kerajaan negeri disalurkan BMA selaras dengan Arahan Pegawai Pengawal. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah bagi menampung kos penyediaan makanan murid di asrama.

Pernyataan Dasar

BMA ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi memastikan penyediaan makanan di asrama dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Melaksanakan saringan murid melalui Fasa Orientasi untuk menilai tahap akademik atau kecenderungan murid sebelum disalurkan ke aliran akademik atau kemahiran.
- v. Memastikan BMA yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.

5.2 Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M)

Dasar

Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M)

Pengenalan

Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M) ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid sekolah rendah yang layak bagi memastikan setiap murid mendapat bekalan susu dan makanan seimbang dan berkhasiat. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah rendah dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.

Pernyataan Dasar

Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M) ialah bantuan persekolahan yang bertujuan memastikan setiap murid sekolah rendah yang layak diberi makanan dan bekalan susu percuma semasa sesi persekolahan bagi menjamin badan yang sihat dan minda yang cerdas.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid yang layak.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016: Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah dan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Program Susu 1Malaysia.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan peruntukan RMT1M yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016: Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah dan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Program Susu 1Malaysia serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016: Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah.
- Garis Panduan Pengurusan Kewangan Program Susu 1Malaysia

5.3 Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM)

Dasar

Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM)

Pengenalan

Bantuan Persekolahan Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM) bertujuan memastikan setiap murid yang tinggal di asrama dapat melaksanakan aktiviti/keperluan di luar sekolah. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah bagi menampung kos perjalanan dan pengangkutan murid yang tinggal di asrama.

Pernyataan Dasar

Bantuan kewangan Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM) ialah bantuan persekolahan yang melibatkan perjalanan dan pengangkutan murid yang tinggal di asrama bagi memastikan aktiviti di luar sekolah dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3 Tahun 2014: Pelaksanaan Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid yang Tinggal di Asrama.

- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan setiap murid yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan disalurkan PPM selaras dengan Arahan Pegawai Pengawal.
- v. Memastikan PPM yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3 Tahun 2014: Pelaksanaan Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid yang Tinggal di Asrama serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 3 Tahun 2014: Pelaksanaan Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid yang Tinggal di Asrama

5.4 Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M)

Dasar

Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M)

Pengenalan

BKAP1M menyokong matlamat pembangunan pendidikan negara bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke sekolah menengah. BKAP1M ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi membantu ibu bapa berkaitan dengan persediaan kelengkapan untuk anak-anak (murid-murid) ke sekolah. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah adalah dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.

Pernyataan Dasar

BKAP1M bertujuan untuk membantu menampung kos perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga bagi menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak (murid-murid).

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid yang berkelayakan.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Garis Panduan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia Kepada Murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan diagihkan berdasarkan penerima yang layak.
- iv. Memastikan BKAP1M yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia kepada Murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal
- Garis Panduan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia kepada Murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan

5.5 Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Prasekolah/ Sekolah/ Asrama

Dasar

Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Prasekolah/ Sekolah/ Asrama

Pengenalan

Peruntukan bantuan kewangan PCG ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pembangunan sahsiah diri murid dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah selaras dengan Arahan Pegawai Pengawal.

Pernyataan Dasar

PCG bertujuan untuk menampung kos pentadbiran kumpulan mata pelajaran dan bukan mata pelajaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pembangunan sahsiah diri murid dilaksanakan dengan berkesan demi pembangunan pendidikan negara.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan Bantuan PCG yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid

5.6 Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP)

Dasar

Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan merangkumi:

- Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan;
- Bantuan Kokurikulum (Prasekolah/Sekolah/Asrama); dan
- Yuran Khas Sekolah.

Pengenalan

Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) ialah bantuan kewangan kepada murid sekolah yang diberikan bagi menampung kos perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang disediakan di sekolah dalam aspek pendidikan, sukan/permainan, kokurikulum dan aktiviti pembangunan sahsiah murid serta skim perlindungan. Bantuan kewangan BBTP merupakan inisiatif kerajaan bagi menyokong dan merealisasikan hasrat melahirkan sistem pendidikan negara yang percuma bermula daripada peringkat prasekolah hingga menengah. BBTP diberikan untuk memastikan setiap murid diberi peluang menceburi dan mencapai kecemerlangan dalam aktiviti pendidikan, kesukanan dan kokurikulum selain pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Bantuan kewangan yang disalurkan itu berdasarkan enrolmen murid sekolah.

Pernyataan Dasar

BBTP bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti berunsurkan pendidikan, sukan/permainan dan kokurikulum dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan setiap murid yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan disalurkan BBTP selaras dengan Arahan Pegawai Pengawal.
- v. Memastikan BBTP yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.

5.7 Bantuan Sukan Sekolah

Dasar

Bantuan Sukan Sekolah

Pengenalan

Peruntukan bantuan kewangan BSS ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi memastikan aktiviti kesukanan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan di semua peringkat sekolah. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan enrolmen murid sekolah bagi menampung kos pelaksanaan aktiviti sukan dan permainan yang disediakan di sekolah.

Pernyataan Dasar

BSS bertujuan untuk memastikan setiap murid diberi peluang menceburi dan mencapai kecemerlangan dalam bidang kesukanan selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia ke 10.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan setiap murid yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan disalurkan BSS.
- v. Memastikan BSS yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.

5.8 Bantuan Makanan Prasekolah (BMP)

Dasar

Bantuan Makanan Prasekolah (BMP)

Pengenalan

BMP ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid prasekolah berdasarkan enrolmen murid prasekolah bagi memastikan setiap murid prasekolah mendapat makanan seimbang dan berkhasiat bagi menjamin badan yang sihat dan minda yang cerdas.

Pernyataan Dasar

BMP bertujuan untuk memastikan setiap murid prasekolah diberi makanan percuma yang seimbang dan berkhasiat semasa sesi persekolahan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Merancang dan menyediakan peruntukan bantuan kewangan berdasarkan jumlah enrolmen murid.
- ii. Menentukan pengagihan peruntukan secara optimum dan penyaluran awal tahun persekolahan berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan mengikut perancangan sekolah.
- iv. Memastikan setiap murid prasekolah di bawah KPM disalurkan BMP.
- v. Memastikan BMP yang disalurkan ke akaun sekolah dibelanjakan mengikut maksud belanja yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid serta selari dengan visi pendidikan negara.

Punca Kuasa

- Arahan Pegawai Pengawal.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid.

5.9 Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)

Dasar

Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)

Pengenalan

BKP ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid Tingkatan 1 hingga 6 (Atas) yang cemerlang dalam akademik, kokurikulum dan sukan.

Pernyataan Dasar

BKP bertujuan untuk memastikan murid cemerlang yang berkelayakan dalam akademik, kokurikulum dan sukan diberikan BKP sebagai pengiktirafan dan dorongan kepada murid yang berjaya.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyalurkan BKP kepada murid Tingkatan 1 hingga 6 (Atas) yang cemerlang dalam akademik, kokurikulum dan sukan dengan kadar RM70 sebulan dan terus dimasukkan ke dalam akaun murid.
- ii. Melaksanakan pemberian BKP berdasarkan pendapatan ibu bapa/penjaga di bawah RM1500.

- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.
- iv. Memastikan BKP dibelanjakan selaras dengan Surat pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2017 Pengurusan Biasiswa Kecil Persekutuan.

Punca Kuasa

- Surat pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2017 Pengurusan Biasiswa Kecil Persekutuan.

5.10 Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)

Dasar

Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)

Pengenalan

EMK ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid prasekolah hingga Tingkatan 6 daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Pernyataan Dasar

EMK bertujuan untuk memastikan bantuan persekolahan berbentuk kewangan diberikan kepada murid daripada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) bagi meringankan kesusahan yang ditanggung oleh murid.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyalurkan EMK dengan kadar RM150 sebulan terus ke akaun murid melalui pihak sekolah.
- ii. Murid mempunyai surat pengesahan/kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- iii. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan bagi mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.
- iv. Memastikan EMK dibelanjakan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2012: Pengurusan Elaun Murid Berkeperluan Khas bagi Murid dalam Kategori Orang kurang Upaya (OKU).

Punca Kuasa

- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2012: Pengurusan Elaun Murid Berkeperluan Khas bagi Murid dalam Kategori Orang kurang Upaya (OKU).

5.11 Biasiswa Sukan (BS)

Dasar

Biasiswa Sukan (BS)

| | |
|----------------------|--|
| Pengenalan | Biasiswa Sukan (BS) ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid Tingkatan 1 hingga 5 yang cemerlang dalam bidang sukan (keutamaan adalah kepada murid Program Sukan Teras Prestasi Tinggi & sukan lain yang diputuskan oleh KPM). |
| Pernyataan Dasar | BS bertujuan memberikan bantuan berbentuk kewangan kepada murid yang cemerlang dalam bidang sukan yang tertentu dengan sekurang-kurangnya mewakili negeri di peringkat kejohanan MSSM. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Menyalurkan BS dengan kadar RM70 sebulan terus ke akaun murid yang cemerlang dalam bidang sukan tertentu.Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan bagi mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.Memastikan BS dibelanjakan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 10 Tahun 2010. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Surat Pekeliling Kewangan Bil. 10 Tahun 2010 |

5.12 Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP)

Dasar

Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP)

| | |
|----------------------|---|
| Pengenalan | KEDAP ialah program yang disediakan untuk ibu atau bapa kepada murid Orang Asli di Semenanjung, Penan di Sarawak dan Peribumi di Sabah berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 07 tahun 2008 dan Surat Siaran bertarikh 21 Mei 2012. |
| Pernyataan Dasar | KEDAP bertujuan untuk menyediakan pendidikan asas kepada ibu bapa murid Orang Asli, Penan dan Peribumi Sabah bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada golongan ini. |
| Strategi Pelaksanaan | Melaksanakan pembiayaan program ini oleh kerajaan dengan penyediaan elaun guru dan insentif kepada murid mengikut Surat Pekeliling Kewangan dan Surat Siaran berkaitan. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 07 Tahun 2008: Panduan Skim Intensif Pelaksanaan Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan, Kementerian Pelajaran Malaysia. |

5.13 Elaun Prauniversiti (EPU)

Dasar

Elaun Prauniversiti (EPU)

| | |
|-------------------------|---|
| Pengenalan | EPU ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti Program Prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia. |
| Pernyataan Dasar | EPU bertujuan memberi bantuan persekolahan berbentuk kewangan sebagai suatu insentif kepada pelajar yang menyertai Program Prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Menyalurkan EPU dengan kadar RM1000 setiap semester terus ke akaun pelajar melalui pihak sekolah.Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan bagi mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.Memastikan EPU dibelanjakan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 01 Tahun 2015: Pengurusan Bantuan Elaun Prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 01 Tahun 2015: Pengurusan Bantuan Elaun Prauniversiti di Sekolah Sukan Malaysia. |

5.14 Bantuan Jacket Keselamatan Murid (JKM)

Dasar

Bantuan Jacket Keselamatan Murid (JKM)

| | |
|-------------------------|--|
| Pengenalan | JKM ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid Prasekolah hingga Tingkatan 6 yang menggunakan pengangkutan air untuk berulang-alik ke sekolah secara harian atau mingguan melalui pembekalan jacket keselamatan. |
| Pernyataan Dasar | JKM dibekalkan bertujuan memberikan bantuan persekolahan bukan berbentuk kewangan kepada murid yang menggunakan pengangkutan air untuk berulang-alik ke sekolah secara harian atau mingguan. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Memberikan kemudahan satu jacket keselamatan kepada murid melalui pihak sekolah berdasarkan enrolmen murid.Memastikan murid yang layak menerima JKM ialah murid dari prasekolah hingga tingkatan 6 di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.Menggunakan pengangkutan air untuk berulang-alik ke sekolah.Memastikan penyaluran jacket keselamatan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 02 Tahun 2015: Bantuan Jacket Keselamatan Murid (JKM). |

Punca Kuasa

- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 02 Tahun 2015: Bantuan Jacket Keselamatan Murid (JKM).

5.15 Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP)

Dasar

Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP)

Pengenalan

PKSBP ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah yang bersekolah di Sekolah Berasrama Penuh. PKSBP mula diperkenalkan melalui keputusan Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 18/ 2003 bertarikh 02 Julai 2003: Dasar Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP).

Pernyataan Dasar

PKSBP bertujuan memberikan bantuan persekolahan berbentuk kewangan kepada murid di Sekolah Berasrama Penuh daripada keluarga berpendapatan rendah bagi membiayai yuran dan perbelanjaan keperluan asas di sekolah.

Strategi Pelaksanaan

Menyalurkan bantuan di bawah PKSBP berbentuk pembiayaan kos terdiri daripada bayaran yuran, bantuan peralatan/ keperluan asas dan sebagainya selaras dengan Manual Prosedur Kerja Murid Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Punca Kuasa

- Manual Prosedur Kerja Murid Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.16 Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

Dasar

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

Pengenalan

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 berdasarkan Surat Ikatan Amanah yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan pada 10 April 2003. Selaras dengan perubahan dasar pengurusan Tabung KWAPM, Surat Ikatan Amanah telah dipinda dan diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 15 Ogos 2008.

Pernyataan Dasar

KWAPM bertujuan untuk memberikan bantuan kepada pelajar miskin supaya tidak tercicir bagi meneruskan persekolahan selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang berkuat kuasa pada Januari 2003.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan pemberian KWAPM kepada murid Tahun 1 hingga Tingkatan 1 bagi murid yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.
- ii. Menyalurkan KWAPM ke Akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) sekolah.
- iii. Melaksanakan pemberian bantuan, iaitu Bantuan Am Persekolahan (BAP) yang berjumlah RM100 untuk sekolah rendah, dan RM150 untuk sekolah menengah.
- iv. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan bagi mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.

Punca Kuasa

- Pembentangan Ucapan Bajet Tahun 2003.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 02 Tahun 2017.
- Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

5.17 Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPS)

Dasar

Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPS)

Pengenalan

Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform ialah bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah bagi mengikuti aktiviti Pasukan Badan Beruniform yang mula dilaksanakan pada tahun 2008 berdasarkan ucapan pembentangan Bajet 2008 oleh YAB Perdana Menteri.

Pemberian BPS dipinda selaras dengan keputusan mesyuarat *Focus Group* tentang Pembasmian Kemiskinan Bilangan 01 Tahun 2010 bertarikh 07 Januari 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Pernyataan Dasar

BPS ialah bantuan pakaian seragam badan beruniform yang diberikan kepada murid Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar dengan sistem e-KASIH, dan telah dikategorikan Miskin atau Miskin Tegar.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan pemberian BPS kepada murid Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar dengan sistem e-KASIH.
- ii. Memastikan (KIR) telah dikategorikan Miskin atau Miskin Tegar.
- iii. Melaksanakan pemberian kadar bantuan ialah RM100 bagi seorang murid setahun.
- iv. Memantau prestasi perbelanjaan peruntukan bantuan kewangan bagi mencapai tahap optimum dan dibelanjakan dengan berkesan.
- v. Memastikan BPS dibelanjakan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 11 Tahun 2010.

Punca Kuasa

- Pembentangan Ucapan Bajet Tahun 2008.
- Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 11 Tahun 2010.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bab 6



Institusi Pendidikan/Institusi Lain

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

6



BAB 6: INSTITUSI PENDIDIKAN/INSTITUSI LAIN

Bab 6 memperincikan dasar berkaitan institusi pendidikan/institusi lain yang menyediakan pengajaran dan pembelajaran tetapi tidak terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata dan tidak diisytiharkan oleh Menteri Pendidikan sebagai bukan institusi pendidikan. Terdapat empat jenis institusi pendidikan/institusi lain yang dinyatakan dalam buku ini, iaitu institusi pendidikan yang disediakan oleh agensi kerajaan, institusi pendidikan yang disediakan oleh agensi bukan kerajaan dan institusi-institusi pendidikan/institusi lain yang disediakan oleh pelbagai agensi lain. Walau bagaimanapun, buku ini hanya memperincikan sebahagian institusi pendidikan/institusi lain yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia.



BAB 6: INSTITUSI PENDIDIKAN/INSTITUSI LAIN

6.1 Institusi Pendidikan Disediakan oleh Agensi Kerajaan

6.1.1 Sekolah Henry Gurney (Program Pendidikan untuk Pesalah Juvana)

Dasar

Sekolah Henry Gurney (Program Pendidikan Untuk Pesalah Juvana)

Pengenalan

Program kerjasama pendidikan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk pesalah juvana yang berusia di antara 14 hingga 21 tahun dan telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Juvana di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

Pesalah juvana diberi peluang belajar di Sekolah Henry Gurney (SHG) di antara 1 hingga 3 tahun (maksimum) mengikut kesalahan yang disabitkan.

KPM berperanan mengurus pengoperasian pendidikan dan profesionalisme keguruan, manakala Jabatan Penjara Malaysia menyediakan kemudahan infrastruktur, bertanggungjawab dalam urusan kebajikan guru dan kebajikan murid.

Pernyataan Dasar

Sekolah Henry Gurney adalah untuk pesalah juvana bagi memastikan mereka diberi peluang untuk mendapat akses pendidikan kebangsaan sebagai medium pemulihan alternatif serta dapat memberi peluang kedua kepada pesalah juvana memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah diri supaya dapat menyediakan pesalah juvana untuk menghadapi cabaran apabila dibebaskan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan sistem pendidikan formal yang bersistematik berdasarkan kurikulum kebangsaan.
- ii. Menjalinkan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam urusan profesionalisme guru dan operasi pendidikan.
- iii. Mengurus dan mentadbir sekolah di bawah Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia.
- iv. Melaksanakan saringan murid melalui Fasa Orientasi untuk menilai tahap akademik atau kecenderungan murid sebelum disalurkan ke aliran akademik atau kemahiran.
- v. Mengkelaskan murid bukan berdasarkan umur tetapi mengikut tahap pencapaian akademik.
- vi. Menyediakan peluang kepada pesalah juvana menduduki peperiksaan awam dan didaftarkan sebagai calon persendirian.
- vii. Menawarkan kelas-kelas yang berikut:
 - Kelas Akademik – Menggunakan sukatan kurikulum berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), Pra-SPM dan SPM.
 - Kemahiran dan Vokasional – berdasarkan sukatan pelajaran NOSS, Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.
 - Kelas Kemahiran dan Vokasional.
- viii. Memastikan murid menyertai kokurikulum, unit beruniform, sukan dan permainan.

- ix. Membuat persediaan mengambil guru pelatih dalam kalangan bekas murid Sekolah Henry Gurney untuk ditempatkan di Sekolah Henry Gurney sebagai guru selepas tamat pengajian.

Punca Kuasa

- Peraturan-peraturan SHG 1949.
- Undang-undang Penjara 1995.
- Perkara 151, Peraturan-peraturan Penjara Tahun 2000.
- Akta Kanak-Kanak 2001.
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pendidikan di Sekolah-sekolah Penjara Bil.01/2008.

6.1.2 Sekolah Integriti (Program Pendidikan untuk Banduan Muda/Tahanan Muda)

Dasar

Sekolah Integriti (Program Pendidikan untuk Banduan Muda/Tahanan Muda)

Pengenalan

Sekolah Integriti merupakan program kerjasama pendidikan di penjara antara KPM dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk banduan muda.

Peluang belajar di Sekolah Integriti ini disediakan kepada Banduan Muda yang berusia di antara 14 hingga 21 tahun yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah di bawah Kanun Keseksaan Jenayah dan Akta Dadah Berbahaya dan Tahanan Muda di Sekolah Integriti Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Muar yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

KPM berperanan mengurus pengoperasian pendidikan dan profesionalisme keguruan, manakala Jabatan Penjara menyediakan kemudahan infrastruktur, bertanggungjawab dalam urusan kebajikan guru dan kebajikan murid.

Pernyataan Dasar

Sekolah Integriti adalah untuk banduan muda bagi memastikan mereka diberi peluang untuk mendapat akses pendidikan kebangsaan sebagai medium pemulihan alternatif, dan memberi peluang kedua kepada banduan muda memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah diri supaya dapat menyediakan diri untuk menghadapi cabaran apabila dibebaskan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Menyediakan sistem pendidikan formal yang bersistematik berdasarkan kurikulum kebangsaan.
- ii. Menjalin kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam urusan profesionalisme guru dan operasi pendidikan.
- iii. Mengurus dan mentadbir sekolah di bawah Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia.
- iv. Melaksanakan saringan murid melalui Fasa Orientasi untuk menilai tahap akademik atau kecenderungan murid sebelum disalurkan ke aliran akademik atau kemahiran.
- v. Mengkelaskan murid bukan berdasarkan umur tetapi mengikut tahap pencapaian akademik.
- vi. Menyediakan peluang kepada banduan muda menduduki peperiksaan awam dan didaftarkan sebagai calon persendirian.

vii. Menawarkan kelas-kelas yang berikut:

- Kelas akademik – Menggunakan sukatan kurikulum berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), Pra-SPM dan SPM.
- Kemahiran dan Vokasional – berdasarkan sukatan pelajaran NOSS, Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.
- Kelas Kemahiran dan Vokasional.

viii. Memastikan murid menyertai kokurikulum, unit beruniform, sukan dan permainan.

Punca Kuasa

- Perkara 151, Peraturan-peraturan Penjara 2000.
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pendidikan di Sekolah-sekolah Penjara Bil.1/2008.

6.1.3 Kolej Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dasar

Kolej Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pengenalan

PERMATA pintar™ adalah salah satu inisiatif di bawah payung Program PERMATA yang dikendalikan dan diuruskan oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kelulusan daripada Jemaah Menteri untuk menjalankan satu projek rintis bagi menampung keperluan pembelajaran murid pintar dan berbakat diperoleh pada 25 November 2008, dan UKM telah diamanahkan sebagai pelaksana program PERMATA Pintar.

Inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2009 dengan penawaran Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS) kepada murid yang layak berumur di antara 9 hingga 15 tahun. Sebanyak empat aktiviti ditawarkan melalui program PERMATA pintar™, iaitu:

- i. Pencarian Bakat (melalui ujian IQ);
- ii. Program Pengayaan;
- iii. Pendidikan peringkat menengah; dan
- iv. Pendidikan lepasan menengah, iaitu ASASI pintar.

Ambilan pertama murid sekolah menengah yang dikenali sebagai Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM adalah pada tahun 2011.

Pada 03 Mac 2014, Pembentangan Kertas Konsep Pengoperasian Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM sebagai SBK telah dibentangkan kepada TKPPM (SOP) bagi mencadangkan status SBK ditukar kepada institusi pendidikan bantuan kerajaan (IPBK) berdasarkan ciri-ciri kolej tersebut.

Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM telah didaftarkan sebagai IPBK di bawah Seksyen 79 (1) Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) pada 23 September 2014, dan dipersetujui oleh KPPM selaku Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru KPM dengan kod BAE 4001.

Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM didaftarkan sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) pada 24 Februari 2016 dengan No. Daftar BAE 4001. Pendaftaran Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM sebagai SBK membolehkan murid mendapat kemudahan

dalam bentuk sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh seperti biasiswa, bantuan buku teks dan bantuan-bantuan lain daripada KPM sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Murid diberi masa selama tiga tahun untuk menghabiskan kurikulum sekolah menengah (menengah rendah dan menengah atas) dan dua tahun untuk menghabiskan kurikulum *High School Diploma*. Murid yang dikenal pasti berpotensi menghabiskan kurikulum ini dengan lebih cepat dan dibenarkan mengambil peperiksaan SPM walaupun umur mereka belum mencapai 17 tahun. Bagi murid-murid yang menunjukkan potensi untuk menamatkan program pendidikan menengah lebih awal, mereka perlu membuktikan kesediaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, terutama universiti luar negara yang kebanyakannya bersedia menerima murid berusia kurang daripada 18 tahun.

Lulusan Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM layak dianugerahkan sijil SPM dan PERMATA Pintar *High School Diploma*. Selain aspek akademik, murid ditekankan dengan aspek pembangunan sahsiah yang diterapkan melalui aktiviti kerohanian, program jati diri dan pembangunan sendiri yang direka bentuk untuk membangunkan nilai-nilai murni dalam diri murid.

Pernyataan Dasar

Program PERMATA Pintar adalah untuk memberi peluang kepada golongan murid pintar dan berbakat di Malaysia mendapat pendidikan yang holistik dan suasana pembelajaran yang kondusif dengan memberi penekanan kepada mata pelajaran dalam bidang *science, technology, engineering and mathematics (STEM)*.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan pemilihan kemasukan Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM seperti yang berikut:
 - a) murid sekolah hendaklah menduduki dua ujian yang ditadbir oleh UKM, iaitu Ujian Saringan UKM1 dan Ujian Saringan UKM2;
 - b) murid yang lulus Ujian Saringan UKM2 dikenal pasti sebagai pintar dan berbakat terpilih berdasarkan syarat yang ditetapkan, ditawarkan untuk mengambil bahagian dalam PPCS di Pusat PERMATA Pintar Negara, UKM; dan
 - c) murid perlu menduduki dan lulus Ujian Saringan UKM3 sekiranya ingin melanjutkan pelajaran di Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM selain dua ujian awal yang telah ditetapkan.
- ii. Menawarkan dan melaksanakan kurikulum Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM seperti yang berikut:
 - a) kurikulum yang digunakan di kolej ini berteraskan kurikulum kebangsaan. Walau bagaimanapun, kurikulum yang sedia ada diperkaya lagi dengan nilai tambah bagi memenuhi keperluan serta ciri-ciri murid pintar dan berbakat seperti pemampatan kurikulum, pecutan dan pengayaan; dan
 - b) bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Melayu bagi kurikulum kebangsaan, manakala bahasa Inggeris digunakan secara meluas terutama dalam mata pelajaran bidang STEM.
- iii. Menawarkan dan melaksanakan kokurikulum Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM seperti yang berikut:
 - a) aktiviti kokurikulum yang dijalankan di Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM merangkumi aktiviti yang terdiri daripada sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta badan beruniform.

- iv. Melaksanakan penaksiran Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM seperti yang berikut:
 - a) murid dinilai dari semasa ke semasa melalui penilaian formatif dan penilaian sumatif. Purata Nilai Gred (PNG) digunakan untuk mengukur prestasi murid dua kali semester.
 - b) pentaksiran merangkumi peperiksaan dalaman, dan peperiksaan menengah atas, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar juga boleh memilih untuk mengambil peperiksaan antarabangsa seperti *Scholastic Aptitude Test* (SAT); *General Certificate of Secondary Education* (GCSE); *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); *International English Language Testing System* (IELTS); dan *General Certificate of Education AS/A-Level*; *Advanced Placement Test* (AP).

Punca Kuasa

- 27 November 2013: Persetujuan Cadangan Pusat PERMATA Pintar Negara, UKM sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK).
- 12 Disember 2013: Pengumuman Pusat PERMATA Pintar Negara, UKM sebagai SBK oleh YB Menteri Pendidikan II.
- 14 Mei 2014: KPPM bersetuju agar Kolej PERMATA Pintar Negara, UKM didaftarkan sebagai IPBK berdasarkan Seksyen 2 Akta 550.

6.1.4 Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Dasar

Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Program Permata Insan merupakan kesinambungan dan peluasan daripada Program PERMATA yang dikendalikan dan diuruskan oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan telah dilancarkan secara rasminya di Universiti Sains Islam (USIM) pada 12 Mac 2010.

Kolej PERMATA Insan, USIM merupakan sekolah dalam kampus di USIM dan mula beroperasi pada bulan Januari 2015. Kolej PERMATA Insan, USIM menawarkan pendidikan peringkat menengah serta didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) pada 24 Mac 2016.

Pendaftaran Kolej PERMATA Insan, USIM sebagai sekolah bantuan kerajaan membolehkan murid mendapat kemudahan dalam bentuk sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh seperti biasiswa, bantuan buku teks dan bantuan-bantuan lain daripada KPM sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Pada 12 Oktober 2015, Kolej PERMATA Insan, USIM didaftarkan sebagai IPBK dibawah Seksyen 79(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) oleh YBhg. Dato' Sri KPPM selaku Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru KPM dengan kod NAE4001. Pada 24 Mac 2016 pula, Sijil Daftar Baharu Kolej PERMATA Insan sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) oleh YBhg. Dato' Sri KPPM selaku Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru KPM dengan kod NAE4001.

Pernyataan Dasar

Kolej PERMATA Insan adalah untuk memperkaya sistem pendidikan negara dengan menambah kepelbagaian jenis sekolah, dan memberi peluang kepada murid Islam pintar dan berbakat dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia serta menyediakan pendidikan holistik dan suasana pembelajaran yang kondusif bagi melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam dalam bidang STEM berteraskan al-Quran dan al-Sunnah melalui kesepaduan ilmu aqli dan naqli.

Strategi Pelaksanaan

- i. Melaksanakan program bimbingan selama lima tahun melalui Program PERMATA Insan yang dikendalikan oleh USIM.
- ii. Membimbing murid Islam yang terpilih untuk mengikuti program ini melalui beberapa peringkat bimbingan daripada umur 8 tahun sehinggalah murid itu berumur 12 tahun.
- iii. Melaksanakan pemilihan peserta untuk Perkhemahan PERMATA Insan oleh pihak USIM melalui tiga saringan, iaitu ujian UKM1, ujian UKM2 dan ujian bertulis USIM1 diikuti dengan ujian lisan hafazan.
- iv. Menawarkan murid berumur 11 dan 12 tahun yang berjaya melepasi Ujian Kecenderungan Agama USIM1/USIM2 ke Kolej PERMATA Insan, USIM.
- v. Menawarkan dan melaksanakan kurikulum PERMATA Insan USIM seperti yang berikut:
 - a) kurikulum yang diamalkan di kolej ini adalah sama seperti yang ditawarkan di Kolej PERMATA pintar, UKM, iaitu yang berteraskan kurikulum kebangsaan dan diperkaya dengan nilai tambah bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid pintar dan berbakat; dan
 - b) bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Melayu bagi kurikulum kebangsaan, manakala bahasa Inggeris dan bahasa Arab digunakan mengikut keperluan. Sistem pengajian kolej merangkumi tujuh komponen pengajian yang menyepadukan integrasi ilmu naqli dan aqli. Komponen tersebut ialah Akademik; Hafazan al-Quran dan pengajian Hadith; Bahasa Komunikasi Antarabangsa; Kokurikulum dan Sarana Komuniti; Pembangunan Insaniah; Penyelidikan dan Inovasi; dan Portfolio Penilaian.
- vi. Melaksanakan penaziran dan pentaksiran seperti yang berikut:
 - a) penaziran dilakukan oleh dua badan, iaitu KPM dan USIM. KPM menyelaras dan menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kurikulum kebangsaan. USIM pula di bawah jawatankuasa yang dibentuk serta dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) memantau dan menilai pelaksanaan kurikulum pengayaan yang menggunakan kurikulum universiti; dan
 - b) pentaksiran Kolej PERMATA Insan USIM merangkumi peperiksaan dalaman, peperiksaan SPM dan peperiksaan antarabangsa seperti Scholastic Aptitude Test (SAT); Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); *General Certificate of Secondary Education (GCSE)*; *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*; *International English Language Testing System (IELTS)*; dan *General Certificate of Education AS/A-Level*; *Advanced Placement Test (AP)*.
- vii. Menawarkan dan melaksanakan kokurikulum PERMATA Insan USIM seperti yang berikut:
 - a) aktiviti kokurikulum yang dijalankan di Kolej PERMATA Insan, USIM sama seperti sekolah KPM merangkumi aktiviti yang terdiri daripada sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta badan beruniform.

- b) tenaga pengajar dilantik oleh USIM pada grad DS45 atau lebih tinggi. Syarat minimum kelayakan sebagai tenaga pengajar di Kolej PERMATA Insan USIM ialah ijazah sarjana dalam bidang pengkhususan.

Punca Kuasa

- 2 April 2014: Keputusan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan Program PERMATA Bilangan 01 Tahun 2014 bersetuju agar kolej PERMATA Insan, USIM diiktiraf sebagai institusi pendidikan bantuan kerajaan (IPBK).
- 25 Ogos 2015: Nota Kelulusan Kolej PERMATA Insan, USIM sebagai IPBK ditandatangani oleh YB Menteri Pendidikan.

6.2 Institusi Pendidikan Disediakan oleh Agensi Bukan Kerajaan

6.2.1 Sekolah Antarabangsa

Dasar

Sekolah Antarabangsa

Pengenalan

Institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah menggunakan kurikulum negara luar yang dibenarkan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Antara kurikulum negara luar yang dibenarkan ialah Kurikulum British, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, India dan *International Baccalaureate*.

Pernyataan Dasar

Sekolah antarabangsa menyediakan pendidikan kepada anak warga asing atau ekspatriat yang bekerja di Malaysia dan terbuka juga kepada warganegara Malaysia yang memilih untuk mempelajari kurikulum antarabangsa selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bagi memenuhi keperluan masyarakat ekspatriat serta menarik kemasukan *Foreign Direct Investment (FDI)* ke Malaysia.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua sekolah antarabangsa berdaftar dengan sempurna dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Memastikan semua sekolah antarabangsa sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala.
- iii. Mendapatkan data sekolah, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iv. Melaksanakan promosi kecemerlangan sekolah antarabangsa bagi menarik kemasukan murid antarabangsa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Punca Kuasa

- Seksyen 16, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- *Inisiatif Entry Point Project (EPP) 3: NKEA Pendidikan*
- Garis Panduan Kemasukan Murid Warganegara Malaysia ke Sekolah Antarabangsa melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 01 Tahun 2012 bertarikh 18 Jun 2012.

6.2.2 Sekolah Ekspatriat

Dasar

Sekolah Ekspatriat

| | |
|----------------------|--|
| Pengenalan | Institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara asal untuk pendidikan warganegara masing-masing. |
| Pernyataan Dasar | Sekolah ekspatriat diwujudkan bertujuan untuk memenuhi kebajikan dan keperluan pendidikan anak-anak masyarakat ekspatriat di Malaysia bagi mempelajari kurikulum negara asal masing-masing dan bahasa rasmi negara masing-masing sebagai bahasa pengantar. |
| Strategi Pelaksanaan | <ol style="list-style-type: none">Memastikan semua sekolah ekspatriat berdaftar secara sempurna dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.Memastikan semua sekolah ekspatriat sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala.Mendapatkan data sekolah, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod. |
| Punca Kuasa | <ul style="list-style-type: none">Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |

6.3 Institusi Pendidikan Lain

6.3.1 Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)

Dasar

Sekolah Menengah Persendirian Cina

| | |
|------------------|---|
| Pengenalan | Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) terdiri daripada 60 buah institusi pendidikan persendirian yang tidak akur terhadap Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. SMPC ditubuhkan dan diurus oleh Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zong). SMPC menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan menyediakan murid-muridnya untuk menduduki peperiksaan <i>Unified Examination Certificate</i> (UEC) yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Namun begitu, kewujudan SMPC dan UEC adalah kekal status quo sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. |
| Pernyataan Dasar | SMPC ialah institusi pendidikan persendirian yang tidak akur dengan Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, menjalankan Kurikulum Kebangsaan dan menyediakan murid untuk menduduki peperiksaan yang sama. |

Strategi Pelaksanaan

- i. Mengekalkan status quo SMPC dan UEC seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- ii. Memastikan tiada penubuhan SMPC baharu selain 60 buah sedia ada selaras dengan dasar dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa; dan
- iii. Memastikan UEC yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia hanya dilaksanakan di 60 buah SMPC sedia ada sahaja.

Punca Kuasa

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- Fasal 151 Rang Undang-Undang Pendidikan 1995; dan
- *Hansard* Parlimen bertarikh 18 Disember 1995 – Pembentangan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 oleh YB Menteri Pelajaran.

6.4 Institusi Lain Disediakan oleh Pelbagai Agensi

6.4.1 Pusat Perkembangan Minda

Dasar

Pusat Perkembangan Minda

Pengenalan

Pusat Perkembangan Minda ialah institusi pendidikan yang menjalankan program pendidikan untuk perkembangan minda individu dengan menggunakan metodologi tertentu.

Pernyataan Dasar

Pusat perkembangan minda yang wujud adalah untuk menyediakan program pendidikan berbentuk pengayaan, perkembangan kemahiran minda dengan menggunakan metodologi tertentu dan berfokus, ditawarkan kepada semua peringkat umur dengan umur minimum empat tahun.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua Pusat Perkembangan Minda berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Mendapatkan data pusat, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iii. Memastikan semua Pusat Perkembangan Minda sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum/ program bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Punca Kuasa

- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
- 26 April 1995: Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS).

6.4.2 Pusat Bimbingan Alternatif

Dasar

Pusat Bimbingan Alternatif

Pengenalan

Pusat Bimbingan Alternatif ialah institusi pendidikan yang khusus memberi bimbingan bagi membantu individu yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal sama ada di institusi pendidikan milik kerajaan atau swasta.

Pernyataan Dasar

Pusat Bimbingan Alternatif diwujudkan adalah untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di institusi kerajaan atau swasta di Malaysia dengan asas kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran hidup daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah rendah. Peluang pendidikan ini selaras dengan Dasar Pendidikan Alternatif di Malaysia.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua Pusat Bimbingan Alternatif berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Mendapatkan data pusat, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iii. Memastikan semua Pusat Bimbingan Alternatif sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum/program bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Punca Kuasa

- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
- 26 April 1995: Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS).
- Memorandum Jemaah Menteri Bersama-sama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK): Penyelarasan Pendaftaran Kelahiran dan Akses kepada Pendidikan bagi Kanak-Kanak Etnik Rohingya.
- 20 Mac 2015: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif (kelulusan oleh YAB Menteri Pendidikan).

6.4.3 Pusat Bahasa

Dasar

Pusat Bahasa

Pengenalan

Pusat Bahasa ialah institusi pendidikan yang menawarkan kursus kemahiran bahasa dan komunikasi.

Pernyataan Dasar

Pusat Bahasa yang wujud adalah untuk menawarkan pelbagai kursus bahasa berfokus tentang kemahiran bahasa dan komunikasi kepada semua peringkat umur.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua Pusat Bahasa berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Mendapatkan data pusat, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iii. Memastikan semua Pusat Bahasa sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum/program bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Punca Kuasa

- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- 26 April 1995: Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS).

6.4.4 Pusat Tuisyen

Dasar

Pusat Tuisyen

Pengenalan

Pusat Tuisyen ialah institusi pendidikan swasta yang khusus memberi perkhidmatan bimbingan atau membantu murid institusi pendidikan ke arah persediaan murid menduduki peperiksaan.

Pernyataan Dasar

Pusat tuisyen yang wujud bertujuan untuk memberi bimbingan kepada murid yang sedang belajar di mana-mana institusi pendidikan sebagai persediaan menduduki sesuatu peperiksaan.

Strategi Pelaksanaan

- i. Memastikan semua Pusat Tuisyen berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Mendapatkan data pusat, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod.
- iii. Memastikan semua Pusat Tuisyen sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum/program bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.

Punca Kuasa

- Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- 26 April 1995: Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS)
- 20 Februari 2001: Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 1/2001: Permohonan Pendaftaran, Perakuan Sementara Pendaftaran dan Membaharui Pendaftaran Institusi Pendidikan Prasekolah

PENUTUP

Dasar-dasar yang dimuatkan dalam buku ini merupakan dasar-dasar yang digubal untuk mencapai visi, misi dan matlamat pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang juga amat bersesuaian dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, dasar-dasar pendidikan tersebut tertakluk kepada perubahan dasar utama negara dan keperluan pendidikan semasa.

KPM amat berharap agar penerbitan ini dapat memenuhi keperluan perkhidmatan pendidikan tentang maklumat berkaitan dasar utama pendidikan yang dilaksanakan oleh kementerian ini bagi menjayakan pelaksanaan program-program di bawah seliaan KPM.

Pelibatan semua pihak mematuhi pelaksanaan dasar-dasar KPM amatlah dihargai bagi memastikan semua program yang disusun dan dirancang dapat disempurnakan dengan kemas, teratur dan sistematik.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

ISBN 978-983-3444-98-4



9 789833 444984

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Disediakan oleh
Kementerian Pendidikan Malaysia
2017

